BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Kestabilan Kewangan

Separuh Kedua

2023

TKK

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua 2023 memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan untuk menguruskan risiko kepada kestabilan kewangan serta mengandungi rencana mengenai isu yang mendapat perhatian ramai.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data sehingga 31 Disember 2023 atau dinyatakan sebaliknya.

Kandungan

Sorotan Penting

Tinjauan Keseluruhan

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2023

Risiko Pasaran 7
Risiko Kredit 12
Risiko Operasi 20
Rencana: Risiko Penularan daripada Aktiviti Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB) *22*

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

Sektor Perbankan 29
Sektor Insurans dan Takaful 38
Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan 41
Rencana: Kepentingan Memperkukuhkan Pengawalan dan Penyeliaan Risiko Mudah Tunai di Malaysia *46*
Rencana: Kemajuan dalam Pengukuhan Amalan Pengurusan Risiko Iklim *53*
Rencana: Banjir dan Kewangan: Membina Daya Tahan Perniagaan Malaysia *57*

Tambahan

Sorotan Penting

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua 2023

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara meskipun pasaran global tidak menentu

Tekanan pasaran reda pada bulan Disember berikutan jangkaan yang semakin meningkat bahawa haluan dasar monetari AS mungkin akan berubah tidak lama lagi

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)

Tahap tekanan, % (Minimum=0, Maksimum=100)



Keadaan pasaran domestik yang teratur terus terpelihara, disokong oleh beberapa faktor utama

- Pasaran modal domestik yang kukuh dan cair
- Pengurusan risiko pasaran dan strategi lindung nilai yang aktif oleh institusi kewangan
- Pelabur institusi domestik yang berdaya tahan
- Kesan pergerakan kadar pertukaran yang terurus terhadap bank, perniagaan dan institusi kewangan bukan bank

Permodalan institusi kewangan kekal kukuh dengan penampan yang teguh untuk menyokong pengantaraan kewangan

Bank terus mengekalkan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh serta mempunyai penampan peruntukan yang berhemat

18.5%
Nisbah Jumlah Modal
(Jun 2023: 18.8%)

160.9%
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
(Jun 2023: 154.7%)

118.2%
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih
(Jun 2023: 117%)

119%
Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman[1]
(Jun 2023: 118.6%)

Tahap permodalan penanggung insurans dan pengendali takaful kekal kukuh, melebihi paras minimum pengawalseliaan

RM38.6 bilion
Penampan Modal Lebihan
(Jun 2023: RM38.9 bilion)

222.2%
Nisbah Kecukupan Modal
(Jun 2023: 226.4%)

Keupayaan bayaran balik hutang oleh isi rumah dan perniagaan terus terpelihara

Isi rumah

Keupayaan isi rumah membayar hutang kekal disokong oleh pasaran pekerja yang menggalakkan dan pertumbuhan gaji

- **35%** Median Nisbah Khidmat Hutang Terkumpul *(Jun 2023: 35%)*
- **1.4x** Median Nisbah Hutang kepada Pendapatan *(Jun 2023: 1.4x)*
- **4.8%** Nisbah Pinjaman Tahap 2 *(Jun 2023: 4.3%)*
- **1.6%** Pinjaman di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman *(Jun 2023: 1.8%)*

Perniagaan

Perniagaan kekal berdaya tahan dalam keadaan rintangan operasi yang berlarutan

- **5.7x** Nisbah Perlindungan Faedah *(Jun 2023: 5.6x)*
- **26.2%** Bahagian Syarikat yang Berisiko (Keseluruhan Perniagaan) *(Jun 2023: 29.2%)*
- **12.4%** Nisbah Pinjaman Tahap 2 *(Jun 2023: 13.8%)*
- **5.4%** Pinjaman PKS di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman *(Jun 2023: 5.5%)*

[1] Termasuk rizab pengawalseliaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Reuters dan S&P Capital IQ

Ujian tekanan mengesahkan keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan yang teruk dan menyokong pemulihan ekonomi

Dua senario buruk yang lebih teruk daripada pandemik pada tahun 2020 digunakan untuk menilai daya tahan institusi kewangan

Senario Buruk 1 — Penguncupan KDNK yang ketara disusuli oleh pemulihan ekonomi yang pantas

Senario Buruk 2 — Penguncupan KDNK yang lebih sederhana tetapi berpanjangan disusuli oleh pemulihan ekonomi yang lembap

Risiko kredit dan pasaran kekal menjadi pendorong utama kerugian bagi sistem perbankan dan sektor insurans...

Pendorong Utama Kerugian di bawah Senario Buruk 2 (SB2) (2024*u* -2026*u*)



...tetapi nisbah modal selepas kejutan kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan

Bank-bank: Nisbah Jumlah Modal di bawah SB2



Penanggung Insurans: Nisbah Kecukupan Modal di bawah SB2



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Rencana: Kepentingan Memperkukuh Pengawalan dan Penyeliaan Risiko Mudah Tunai di Malaysia

Krisis perbankan global 2023 menegaskan pentingnya institusi kewangan mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang mantap

Inisiatif untuk memperkukuh daya tahan mudah tunai sektor kewangan

- Pengeluaran dokumen dasar mengenai Risiko Mudah Tunai
- Semakan tematik terhadap pelaksanaan dokumen dasar mengenai Nisbah Perlindungan Mudah Tunai dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih
- Penambahbaikan rangka kerja operasi BNM untuk melanjutkan bantuan mudah tunai
- Memperkukuh piawaian pengawalseliaan terhadap Risiko Kadar Faedah / Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan
- Kerjasama dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia untuk menilai kecukupan dan kredibiliti pelan pemulihan bank

Rencana: Kemajuan dalam Memperkukuh Amalan Pengurusan Risiko Iklim

Institusi kewangan telah mencapai kemajuan yang berterusan dalam memperkukuh amalan pengurusan risiko iklim...

- Kemajuan paling ketara dalam amalan tadbir urus, dengan struktur tadbir urus dan pelaporan dalaman serta dasar yang dipertingkat
- Pertimbangan risiko iklim disepadukan dalam rangka kerja kelestarian, kesanggupan mengambil risiko dan strategi perniagaan yang sedia ada
- Menggunakan pendekatan kualitatif untuk memaklumkan dasar kesanggupan mengambil risiko dan pengurusan risiko, di samping membina keupayaan ke arah pendekatan yang lebih kuantitatif
- Analisis senario iklim jangka pendek yang menggabungkan peristiwa bencana alam
- Persediaan lanjutan untuk menghasilkan penzahiran selaras dengan TCFD[4]

...manakala keutamaan pengawalseliaan dan penyeliaan jangka terdekat akan memberikan tumpuan terhadap beberapa langkah penting

- Menangani pendekatan yang tidak sepadu untuk menguruskan risiko berkaitan iklim
- Memastikan institusi kewangan membangunkan pelan peralihan yang berwibawa
- Memastikan institusi kewangan menghasilkan penzahiran iklim yang memenuhi keperluan pelabur dan pihak berkepentingan

u Unjuran

[2] Risiko pasaran bagi bank termasuk kerugian penilaian semula bagi bon yang dipegang dalam portfolio nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain.
[3] Risiko kredit bagi penanggung insurans merujuk kerugian daripada kemungkiran bon korporat dan kemungkiran insurans semula.
[4] Pasukan Petugas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-Related Financial Disclosures, TCFD).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan

Tinjauan Keseluruhan

Pasaran kewangan global kekal tidak menentu pada separuh kedua tahun 2023, didorong oleh jangkaan yang berubah-ubah tentang masa pengurangan kadar dasar dalam ekonomi utama, ketegangan geopolitik yang diperbaharui dan pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan daripada jangkaan. Walaupun terdapat volatiliti global, pasaran kewangan domestik kekal teratur dengan pengantaraan aliran dua hala berterusan dalam pasaran bon dan ekuiti. Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) meningkat pada suku keempat tahun 2023, namun kemudiannya berkurang menjelang akhir tahun berikutan jangkaan yang semakin meningkat berhubung dengan penyusutan Federal Funds Rate AS. Mudah tunai pasaran kekal kukuh dalam pasaran bon kerajaan Malaysia manakala spread kredit bon korporat semakin mengecil. Hal ini terus menyokong keadaan pendanaan yang menggalakkan.

Dalam pasaran pertukaran asing (*foreign exchange*, FX), perbezaan kadar hasil antara Sekuriti Kerajaan Malaysia dengan US Treasury terus memberikan kesan terhadap ringgit. Sejak awal tahun 2024, nilai ringgit telah menurun sebanyak 1.8%[1] berbanding dolar AS, didorong oleh perkembangan luaran. Ringgit kekal di bawah nilai saksama dan tidak mencerminkan asas dan prospek ekonomi Malaysia yang positif. Tindakan bersepadu oleh Kerajaan, Bank Negara Malaysia (BNM), syarikat berkaitan kerajaan (government-linked company, GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (government-linked investment company, GLIC) telah menyumbang ke arah usaha menggalakkan aliran masuk yang lebih mampan ke dalam pasaran FX, manakala pembaharuan struktur akan menyokong ringgit secara berterusan. Kesan pergerakan mata wang baru-baru ini terhadap kestabilan kewangan kekal terurus. Pinjaman mata wang asing oleh syarikat bukan kewangan kebanyakannya dilindung nilai. Hanya sebilangan kecil syarikat korporat yang membuat pinjaman luar negeri tanpa dilindung nilai (1.8% daripada jumlah hutang perniagaan) yang mungkin mudah terkesan oleh volatiliti kadar pertukaran. Pendanaan luar negeri serta kedudukan terbuka bersih mata wang asing bank-bank juga kekal rendah.

Perniagaan kekal berdaya tahan, disokong oleh permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, tekanan kos terus memberikan kesan terhadap prestasi kewangan perniagaan dalam beberapa sektor. Penambahbaikan selanjutnya dalam leveraj bersama-sama dengan penampan wang tunai lebih tinggi yang dikekalkan oleh perniagaan telah menyokong keupayaan membayar balik hutang secara keseluruhan. Bahagian syarikat yang berisiko terus menurun, didorong oleh syarikat dalam sektor perkilangan dan pembinaan, walaupun masing-masing kekal lebih tinggi daripada yang dicatatkan sebelum pandemik. Sebahagian kecil perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menunjukkan tanda-tanda kelemahan kewangan, seperti kelewatan bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi disebabkan oleh kesukaran aliran tunai. Walau bagaimanapun, kebanyakan PKS dapat meneruskan bayaran balik hutang, termasuk PKS yang telah menamatkan program bantuan bayaran balik yang diperkenalkan semasa pandemik. Pada masa hadapan, penunjuk utama menunjukkan bahawa pinjaman terjejas perniagaan secara relatif masih terkawal. Bahagian pinjaman perniagaan yang dikenal pasti oleh bank-bank sebagai mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi (dikelaskan sebagai Tahap 2) bertambah baik iaitu pada 12.4% (Jun 2023: 13.8%), dengan bank-bank mula memasukkan kira semula (*write-back*) peruntukan terhadap beberapa dedahan syarikat korporat yang besar. Akses yang dipertingkatkan kepada mekanisme penyelesaian hutang dengan pindaan Akta Syarikat 2016 baru-baru ini akan berfungsi untuk mengurangkan lagi risiko mungkir perniagaan.

Peningkatan pendapatan dan keadaan guna tenaga terus memelihara daya tahan isi rumah. Langkah-langkah keupayaan bayaran balik hutang kekal kukuh. Median nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) bagi pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan terkumpul telah stabil kerana bank-bank terus mematuhi standard pemberian pinjaman yang kukuh. Pinjaman isi rumah yang mungkin berisiko lebih tinggi untuk mungkir meningkat

[1] Data setakat 12 Mac 2024.

sedikit kepada 4.8% daripada jumlah pinjaman isi rumah (Jun 2023: 4.3%). Nilai pinjaman Tahap 2 isi rumah ini kekal dalam jangkaan bank-bank dan berada kira-kira 40% lebih rendah berbanding dengan paras ketika kemuncak pandemik. Isi rumah yang berhadapan dengan kesukaran bayaran balik pinjaman adalah terhad kepada segmen kecil peminjam dengan kelemahan kewangan sedia ada dan mereka yang kurang berkeupayaan untuk menyesuaikan diri dengan kos sara hidup yang lebih tinggi. Bantuan bagi peminjam ini masih tersedia melalui perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Pendaftaran dalam Program Pengurusan Hutang (Debt Management Programme, DMP) AKPK meningkat dengan ketara pada tahun 2023 seiring dengan tahap kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan peminjam terhadap perkhidmatan AKPK. Walau bagaimanapun, pinjaman isi rumah yang diuruskan di bawah DMP kekal sangat kecil iaitu sebanyak 0.54% daripada jumlah pinjaman bank dan institusi kewangan pembangunan.

Sistem perbankan kekal kukuh. Bank-bank terus memegang penampan aset mudah tunai berkualiti tinggi yang besar untuk menghadapi kejutan mudah tunai dan pendanaan. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) agregat masing-masing berada pada 160.9% dan 118.2%. Berikutan keperluan bagi penampan wang tunai sebagai langkah awasan yang berkurang, peralihan berterusan ke arah deposit jangka panjang oleh pendeposit akan terus menyokong kestabilan sumber pendanaan bank-bank. Sepanjang tahun 2023, beberapa langkah telah diambil oleh BNM untuk mengukuhkan lagi pengawalseliaan dan penyeliaan risiko mudah tunai. Langkah ini termasuk memberikan perhatian yang lebih tertumpu terhadap keupayaan bank-bank untuk memantau tumpuan pendeposit pada tahap butiran dan kecukupan pelan pembiayaan luar jangka.

Kos pendanaan yang lebih tinggi menyumbang kepada keuntungan tahun ke tahun yang lebih rendah bagi bank-bank berbanding dengan separuh pertama tahun 2023. Namun begitu, aktiviti pemberian pinjaman yang berterusan dan peningkatan pendapatan perdagangan dan pelaburan memberikan sedikit sokongan terhadap pendapatan bank-bank. Kos kredit tahunan juga telah berkurang dengan ketara daripada paras tertinggi sebelum ini yang dicatatkan semasa pandemik. Bank-bank terus mempunyai permodalan yang kukuh untuk menyerap kejutan yang tidak dijangka dan menyokong pengantaraan kewangan dalam ekonomi, dengan jumlah nisbah modal sistem perbankan pada 18.5% dan penampan modal melebihi paras minimum pengawalseliaan berjumlah RM142.6 bilion pada akhir bulan Disember 2023.

Sektor insurans dan takaful juga kekal berdaya tahan. Dana insurans hayat dan takaful keluarga terus mencatatkan kerugian pengunderaitan pada separuh kedua tahun 2023 berikutan pembayaran tuntutan perubatan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, keseluruhan keuntungan terus disokong oleh pendapatan pelaburan dan pertumbuhan berterusan dalam jumlah premium perniagaan baharu. Dalam sektor insurans dan takaful am, perolehan daripada keuntungan operasi sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan premium yang lebih tinggi dalam segmen motor. Pada masa hadapan, penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) dijangka kekal berdaya tahan untuk menghadapi beberapa risiko yang disebabkan oleh peningkatan volatiliti pasaran kewangan yang mempengaruhi prestasi pelaburan, kos tuntutan motor dan perubatan yang lebih tinggi serta peristiwa cuaca buruk yang semakin kerap. Hal ini disokong oleh kedudukan modal yang kukuh. Nisbah kecukupan modal agregat ITO berada pada 222.2% dengan lebihan penampan modal melebihi tahap minimum pengawalseliaan sebanyak RM38.6 bilion pada akhir bulan Disember 2023.

Ujian tekanan kesolvenan makro yang dijalankan oleh BNM baru-baru ini seterusnya mengesahkan daya tahan institusi kewangan terhadap kerugian yang tidak dijangka daripada kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Melalui ujian tekanan terkini yang diterbitkan dalam Tinjauan ini yang menunjukkan risiko tambahan pertumbuhan yang lebih perlahan, nisbah modal agregat selepas kejutan yang paling teruk bagi bank-bank (15.4%), penanggung insurans hayat (148%) dan penanggung insurans am (181%) kekal melebihi tahap minimum pengawalseliaan semasa tempoh tekanan.

Pengukuhan daya tahan operasi dan siber tetap menjadi keutamaan BNM dan institusi kewangan berikutan pendigitalan dan penggunaan teknologi dalam industri kewangan yang semakin meningkat. BNM terus menghendaki institusi kewangan supaya mengamalkan standard keselamatan siber yang kukuh dan sentiasa berwaspada terhadap risiko teknologi dan ancaman siber yang semakin berkembang. Keperluan yang diperkukuh telah diperkenalkan tentang langkah-langkah untuk membanteras penipuan perbankan dalam talian, pengurusan risiko awan dan pelaporan risiko operasi. Di samping itu, langkah-langkah terus diambil untuk mempertingkatkan keupayaan pengawasan keseluruhan sistem dan tindak balas krisis yang diselaraskan.

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2023

Risiko Pasaran 7

Risiko Kredit 12

Risiko Operasi 20

Rencana: Risiko Penularan daripada Aktiviti Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB) *22*

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2023

RISIKO PASARAN

Pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun keadaan pasaran global tidak menentu

Pada separuh kedua tahun 2023, bank-bank pusat ekonomi utama menghentikan atau memperlahankan kenaikan kadar dasar, yang memberikan petanda bahawa perubahan dasar monetari negara masing-masing semakin hampir. Walaupun perkembangan ini memberikan sedikit sokongan terhadap pasaran kewangan global, volatiliti masih kekal tinggi disebabkan oleh jangkaan yang berubah-ubah mengenai masa dan magnitud pengurangan kadar dasar. Kebimbangan yang meningkat berhubung dengan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing sejak bulan Oktober 2023 menyebabkan permintaan terhadap mata wang selamat seperti dolar Amerika Syarikat (AS) semakin tinggi. Di samping itu, data yang dikeluarkan berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan daripada jangkaan telah menjejaskan sentimen pelabur terhadap rantau ini.

Pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun pasaran global tidak menentu. Tekanan pasaran domestik, seperti yang diukur oleh Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) (Rajah 1.1), meningkat pada bulan Oktober dan November. Keadaan ini sebahagian besarnya didorong oleh volatiliti yang lebih tinggi yang diperhatikan dalam pasaran ekuiti dan pertukaran asing (*foreign exchange*, FX). Tekanan pasaran kemudiannya menyusut pada bulan Disember ketika jangkaan yang semakin meningkat terhadap pengurangan Federal Funds Rate (FFR) susulan pengumuman mengenai unjuran haluan kadar dasar oleh Federal Open Market Committee (FOMC) dan jangkaan terhadap ekonomi AS untuk mencapai pemulihan bertahap (*soft landing*).

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2023 secara keseluruhan, pelabur bukan pemastautin merupakan penjual bersih dalam pasaran ekuiti domestik (aliran keluar bersih sebanyak RM2.3 bilion) (Rajah 1.2), sejajar dengan trend serantau (Malaysia: -USD0.5 bilion; purata serantau:[1] -USD2.2 bilion). Walau bagaimanapun, aliran pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran ekuiti berubah menjadi positif sejak bulan November 2023 dan berterusan sehingga tahun 2024 (sejak awal tahun sehingga kini).[2] Keadaan ini disokong terutamanya oleh sentimen positif sekitar pengumuman pelan induk nasional dan zon ekonomi khas.[3] Permintaan yang lebih tinggi bagi tanah perindustrian dan tapak pusat data, serta pelancaran projek infrastruktur awam yang besar seperti Pan Borneo Sabah Fasa 1B, Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas dan Sabah-Sarawak Link Road meningkatkan lagi prestasi saham sektor pembinaan. Sementara itu, jangkaan permintaan tenaga yang meningkat dari tapak pusat data dan jangkaan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR) membantu merangsang sektor utiliti. Keuntungan turut dicatatkan

[1] Negara serantau terdiri daripada Thailand, Filipina dan Indonesia.
[2] Semua data bahagian Risiko Pasaran adalah setakat 29 Februari 2024, kecuali dinyatakan sebaliknya.
[3] Hal ini termasuklah Pelan Induk Perindustrian Baharu (New Industrial Masterplan, NIMP) 2030 dan NETR, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura serta projek infrastruktur utama seperti Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas.

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg

dalam sektor pengangkutan, terutamanya sektor penerbangan, didorong sebahagiannya oleh jangkaan peningkatan pelancongan berikutan pengumuman perjalanan tanpa visa antara negara Malaysia dan China, India dan Timur Tengah.

Pelabur institusi domestik[4] kekal sebagai pembeli bersih ekuiti domestik (Oktober 2023–Februari 2024: +RM0.2 bilion; Oktober 2022–Februari 2023: +RM3 bilion). Walaupun nilai yang didagangkan oleh pelabur runcit sebagai sebahagian daripada jumlah nilai yang diniagakan di Bursa Malaysia telah menurun dari paras tertinggi yang dicatatkan sewaktu pandemik (Ogos 2020 (tahap tertinggi): 40.3%), penyertaan pelabur runcit (purata Oktober 2023–Februari 2024: 24.9%) kekal melebihi paras purata sebelum pandemik (purata 2015–19: 18.5%). Peningkatan pembelian kumulatif bersih oleh pelabur runcit sejak tahun 2018 (2018–24 (sejak awal tahun sehingga kini): +RM33.3 bilion) sebahagian besarnya didorong oleh pencarian pulangan yang lebih tinggi ketika persekitaran kadar faedah yang rendah. Trend terkini selepas faktor-faktor yang berkaitan dengan pandemik reda, menunjukkan bahawa penyertaan pelabur runcit dalam pasaran ekuiti domestik mungkin kekal pada tahap yang lebih tinggi daripada yang diperhatikan sebelum pandemik. Hal ini dijangka tidak meninggalkan kesan ketara terhadap daya tahan isi rumah secara keseluruhan susulan dedahan terhadap pergerakan harga ekuiti kerana sebahagian besar peningkatan dalam pembelian saham tersenarai (*quoted shares*) tidak dibiayai oleh hutang. Pinjaman isi rumah untuk membeli saham tersenarai kekal rendah dan stabil pada kadar 0.5% daripada pinjaman sistem perbankan.

[4] Pelabur institusi domestik termasuk bank, institusi kewangan bukan bank (IKBB) serta penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO).

Aliran pelabur bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan terus dipengaruhi sebahagian besarnya oleh faktor luaran

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun menyusut sebanyak 12 mata asas (Rajah 1.3) sejak akhir September 2023, sejajar dengan trend serantau (purata serantau:[5] -40 mata asas). Perbezaan kadar hasil antara MGS 10 tahun dengan US Treasuries (UST) 10 tahun menguncup sehingga -39 mata asas (akhir bulan September 2023: -59 mata asas; purata 2022: +113 mata asas) akibat penurunan mendadak kadar hasil UST (perubahan sejak akhir bulan September 2023: -32 mata asas) berdasarkan jangkaan penurunan FFR. Mudah tunai pasaran kekal kukuh dengan permintaan berterusan terhadap bon kerajaan di pasaran utama, seperti yang terbukti oleh purata nisbah bida kepada perlindungan (*bid-to-cover ratio*) yang mampan sebanyak 2.5 kali antara bulan Oktober 2023 hingga Februari 2024 (purata 2022: 2.2 kali). Sementara itu, dalam pasaran sekunder, jumlah dagangan harian bagi bon kerajaan mencecah purata RM3 bilion antara bulan Oktober 2023 hingga Februari 2024 (purata 2022: RM2.6 bilion).

Secara keseluruhan pada tahun 2023, pasaran bon kerajaan domestik mencatatkan aliran masuk pelabur bukan pemastautin (+RM27.4 bilion; 2022: -RM7.8 bilion), dengan aliran masuk yang besar (+RM31.9 bilion) dalam tempoh tujuh bulan pertama. Hal ini berikutan sentimen pelabur yang positif susulan pembaharuan fiskal dan prospek makroekonomi dalam negeri yang menggalakkan serta kadar hasil lindung nilai mata wang (*currency-hedged yields*) yang menarik.[6] Aliran pelabur bukan pemastautin bertukar negatif dari bulan Ogos 2023 dan berlarutan sehingga tahun 2024, didorong sebahagiannya oleh pulangan kadar hasil lindung nilai mata wang (*currency-hedged returns*) bon kerajaan domestik yang lebih rendah. Aliran keluar ini juga konsisten dengan ekonomi serantau lain. Kesannya, bahagian pegangan pelabur bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan menyusut sedikit kepada 21.8% (akhir bulan September 2023: 23%; purata 2022: 23.8%).

[5] Negara serantau terdiri daripada Singapura, Thailand dan Indonesia.

[6] Daripada perspektif pelabur bukan pemastautin, hal ini merujuk pulangan daripada pegangan bon dalam denominasi mata wang asing (contohnya MGS), iaitu risiko mata wang yang dilindung nilai kembali kepada mata wang asal pelabur (contohnya dolar AS). Sebagai contoh, pada tahun 2023, anggaran kadar hasil lindung nilai mata wang daripada pemegangan MGS 3 tahun yang dilindung nilai menggunakan kontrak hadapan pertukaran asing (FX) USDMYR 3 bulan boleh mencecah hingga 6.5% pada asas tahunan.

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Kerajaan Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Kerajaan Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pelabur institusi domestik kekal aktif dalam pasaran bon kerajaan (2023: +RM90.4 bilion; 2022: +RM56.7 bilion), didorong oleh kesanggupan berterusan untuk melabur dalam bon kerajaan berikutan jangkaan pasaran bahawa kadar hasil telah mencapai tahap tertinggi. Kesanggupan pelabur institusi domestik yang mampan ini terus menyokong keadaan pasaran yang cair dan teratur.

Keadaan pembiayaan pasaran bon korporat bagi perniagaan terus bertambah baik. Spread kredit antara kertas bertaraf AAA 10 tahun dengan MGS 10 tahun kian mengecil (purata Oktober 2023–Februari 2024: 31.3 mata asas; purata Oktober 2022–Februari 2023: 58.8 mata asas). Hal ini mencerminkan minat yang berterusan oleh pelabur yang mencari hasil. Terbitan bon korporat kasar berjumlah RM46 bilion antara bulan September 2023 hingga Januari 2024 (September 2022–Januari 2023: RM82.7 bilion).[7] Terbitan kekal tertumpu pada kertas berkualiti tinggi. Pada akhir tahun 2023, hampir 80% daripada bon korporat terkumpul diberikan penarafan AA dan ke atas, dengan kertas AAA dan sekuriti jaminan kerajaan (*government-guaranteed*, GG)[8] mencakupi lebih daripada separuh bon korporat terkumpul.

Jumlah mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan, iaitu antara RM115 bilion hingga RM144 bilion antara bulan Oktober 2023 hingga Februari 2024 (purata: RM129 bilion). Selaras dengan trend bermusim yang lepas, kadar antara bank meningkat pada suku keempat tahun 2023 (kadar antara bank 3 bulan: +12 mata asas). Walau bagaimanapun, tahap kenaikan kadar ini agak rendah dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya berikutan jangkaan bahawa kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah mencapai tahap tertinggi. Persaingan deposit yang kurang sengit pada tahun 2023 juga menyumbang kepada tahap kenaikan kadar yang lebih rendah susulan amalan mencari kadar oleh institusi korporat telah berkurang. Trend kenaikan kadar antara bank jangka panjang seterusnya berkurang dan kekal stabil secara amnya sejak bulan Januari 2024.

Antara bulan Oktober 2023 hingga Februari 2024, nilai ringgit menurun sebanyak 1% berbanding dengan dolar AS kepada 4.7428. Menjelang akhir tahun 2023, nilai ringgit mengukuh berikutan peningkatan sentimen pelabur terhadap mata wang pasaran sedang pesat membangun, dalam keadaan kadar faedah di ekonomi maju menunjukkan tanda hampir mencapai tahap tertinggi. Walau bagaimanapun, sejak awal tahun 2024, nilai ringgit menurun sebanyak 1.8% berbanding dengan dolar AS,[9] sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau. Hal ini didorong terutamanya oleh kekukuhan dolar AS yang meluas kerana pasaran mengurangkan jangkaan terhadap pengurangan FFR serta ketidaktentuan prospek pertumbuhan global.

Jumlah dagangan dalam negeri harian berpurata pada USD15.4 bilion pada tahun 2024 (2023: USD15.6 bilion). Volatiliti ringgit telah meningkat sedikit sejak permulaan tahun (purata sejak awal tahun 2024 sehingga kini: 5.2%) seiring dengan wang serantau, dan kekal tinggi berbanding paras yang dicatatkan pada beberapa tahun kebelakangan (purata 2022: 4.5%; purata 2021–23: 4.7%).

Ringgit pada masa ini masih berada di bawah nilai saksama dan tidak mencerminkan asas dan prospek ekonomi Malaysia yang positif. Pasaran kewangan terus menjangkakan ringgit didagangkan dengan lebih kukuh seiring dengan tekanan dari faktor luaran yang berkurang. Tindakan terselaras oleh pihak Kerajaan, BNM, syarikat berkaitan kerajaan (*government-linked companies*, GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (*government-linked investment companies*, GLIC) untuk meningkatkan aliran dalam pasaran FX secara lebih mampan telah membantu mengekalkan keadaan yang teratur dan sokongan untuk ringgit, serta menggalakkan pendapatan pelaburan asing dibawa balik (*repatriation*) dan ditukarkan secara lebih konsisten oleh syarikat korporat dan pelabur lain. Dalam jangka masa sederhana, pembaharuan struktur yang berterusan oleh Kerajaan yang meningkatkan produktiviti dan daya saing Malaysia akan memberikan sokongan yang lebih kukuh kepada ringgit.

[7] Tahap yang lebih tinggi pada tahun 2022 sebahagian besarnya didorong oleh terbitan yang besar oleh pengendali jalan tol utama pada bulan Disember 2022 (RM25.2 bilion).

[8] Setakat akhir tahun 2023, sekuriti GG menyumbangkan hampir 30% daripada bon korporat terkumpul.

[9] Data setakat 12 Mac 2024.

Turun Naik Mata Wang: Saluran kepada Kestabilan Kewangan

Turun naik mata wang dapat memberikan kesan terhadap sistem kewangan melalui pelbagai saluran. Pertama, pergerakan negatif dalam kadar pertukaran ringgit boleh meningkatkan obligasi hutang luar negeri syarikat korporat dalam nilai ringgit. Keadaan ini seterusnya meningkatkan paras keseluruhan keberhutangan dan pembayaran balik hutang bagi syarikat korporat ini yang boleh mendedahkan bank-bank kepada risiko kredit yang lebih tinggi. Kos bayaran balik hutang dalam mata wang asing (*foreign currency,* FCY) yang lebih tinggi juga boleh menyukarkan syarikat korporat untuk mendapatkan pembiayaan baharu, lantas menjejaskan pertumbuhan pinjaman. Namun, meskipun terdapat pergerakan dalam ringgit, bahagian hutang dalam FCY syarikat bukan kewangan meningkat sedikit sahaja melebihi paras yang pernah dicatatkan baru-baru ini kepada 27.9% daripada jumlah hutang perniagaan (Jun 2023: 27.8%; purata 2015–19: 26.6%). Kebanyakan dedahan hutang luar negeri ini (71%) mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun. Hal ini mengurangkan risiko pelanjutan (*rollover risk*), iaitu risiko pihak rakan niaga tidak sanggup melanjutkan pinjaman tersebut apabila pinjaman tersebut tamat tempohnya. Selain itu, sebahagian besar hutang luar negeri syarikat korporat dilindung nilai (*hedged*), sama ada dari segi kewangan atau secara semula jadi. Hal ini mengehadkan risiko pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) yang timbul akibat ketidakpadanan mata wang. Sekitar 22% daripada pinjaman luar negeri syarikat besar yang dikawal oleh pemastautin tidak dilindung nilai (bersamaan dengan hanya 1.8% daripada jumlah hutang perniagaan) dan mungkin terdedah kepada volatiliti kadar pertukaran. Walau bagaimanapun, peminjam-peminjam ini hanya mempunyai pinjaman domestik yang sedikit (kurang daripada 0.5% daripada jumlah pinjaman perbankan domestik). Hal ini mengurangkan risiko kredit kepada bank-bank dengan ketara. Satu lagi saluran yang menjejaskan perniagaan ialah melalui peningkatan harga import yang boleh menyebabkan peningkatan kos input. Keadaan ini boleh menjejaskan keberuntungan perniagaan, dan seterusnya keupayaan perniagaan untuk membayar balik hutang, terutamanya jika perniagaan tidak dapat atau tidak mahu menyalurkan kenaikan kos kepada pelanggan. Hal ini berkemungkinan lebih menjejaskan perniagaan dalam sektor perkilangan, pembinaan dan pertanian kerana sektor-sektor ini lebih bergantung kepada bahan import. Setakat akhir tahun 2023, pinjaman sektor-sektor ini mencakupi 11.8% daripada jumlah pinjaman perbankan domestik.

Dedahan pinjaman dalam FCY oleh isi rumah adalah rendah, iaitu 0.4% daripada jumlah pinjaman isi rumah dalam sistem perbankan. Sebahagian besar (72%) daripada akaun pinjaman FCY ini dikaitkan dengan peminjam berpendapatan tinggi, iaitu pendapatan bulanannya sebanyak RM10,000 dan ke atas. Mereka ini mempunyai penampan kewangan yang lebih besar untuk meneruskan bayaran balik pinjaman. Oleh itu, keseluruhan keberhutangan dan keupayaan membayar balik hutang isi rumah tidak terjejas secara langsung oleh nilai ringgit yang lebih lemah. Walau bagaimanapun, memandangkan perubahan dalam kadar pertukaran akan memberikan kesan terhadap kos barangan dan perkhidmatan dalam negeri, ringgit yang lebih lemah boleh menyebabkan kenaikan harga dan kos sara hidup, terutamanya perbelanjaan untuk barangan pengguna tertentu seperti makanan[10] yang lebih sensitif terhadap turun naik kadar pertukaran. Hal ini seterusnya akan mengurangkan penampan isi rumah dan menjejaskan keupayaan membayar balik hutang jika isi rumah tidak berupaya menyesuaikan perbelanjaan dan/atau mengurangkan kesan kenaikan harga yang lebih tinggi berbanding dengan pendapatan semasa atau masa depan.

Kesan agregat daripada kenaikan kos yang menjejaskan isi rumah dan perniagaan terhadap kualiti aset bank-bank dijangka terus terkawal disebabkan oleh paras pinjaman terjejas semasa yang rendah (nisbah pinjaman terjejas kasar, Disember 2023: 1.6%; Jun 2023: 1.7%). Hal ini disokong oleh perkembangan pasaran pekerja yang menggalakkan dan prospek ekonomi yang semakin baik. Sejajar dengan hal itu, bahagian keseluruhan syarikat yang berisiko, termasuk syarikat yang lebih terdedah kepada kenaikan harga import, terus menunjukkan trend yang menurun, meskipun masih kekal melebihi paras purata sebelum pandemik. Bahagian pinjaman isi rumah yang dikelaskan sebagai Tahap 2 (dikenal pasti sebagai mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi) juga kekal rendah (rujuk bahagian 'Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2023 – Risiko Kredit' untuk maklumat lanjut).

Bank-bank juga mungkin mengalami obligasi membayar balik hutang dalam FCY yang lebih tinggi berikutan pergerakan negatif dalam kadar pertukaran ringgit. Pada masa ini, hutang luar negeri bank-bank tempatan kekal terurus pada 8.3% daripada jumlah pendanaan sistem perbankan. Keadaan ini menunjukkan tahap pergantungan pada hutang luar negeri

[10] Rujuk rencana 'Meninjau Semula Kesan Pindahan Kadar Pertukaran Ringgit terhadap Inflasi di Malaysia' dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2022 untuk maklumat lanjut.

yang rendah untuk membiayai operasi mereka dalam mata wang ringgit. Pembayaran faedah bagi dedahan seperti itu adalah tidak ketara, dengan perbelanjaan faedah bank-bank untuk hutang luar negeri dalam FCY merangkumi 4.6% daripada keseluruhan perbelanjaan faedah mereka. Bank-bank juga terus mengekalkan aset mudah tunai dalam FCY yang agak besar untuk membantu menampung kesan pergerakan kadar pertukaran mata wang dua hala.

Bank-bank juga terdedah pada risiko FX melalui peruntukan produk yang berkaitan FCY kepada pelanggan mereka, seperti menyediakan pinjaman dan menerima deposit dalam FCY. Lazimnya, kebanyakan risiko FX ini dipindahkan kepada pelanggan atau dilindung nilai, manakala sebahagian lagi disimpan, bergantung pada pandangan bank masing-masing tentang pergerakan FX. Bagi risiko FX yang disimpan, bank-bank mungkin mengalami keuntungan atau kerugian penilaian FX, bergantung sama ada mereka berada dalam kedudukan terbuka FCY panjang bersih atau pendek bersih. Bank-bank yang mempunyai kedudukan terbuka FCY pendek bersih akan mengalami kerugian penilaian apabila ringgit menurun nilai, yang seterusnya boleh memberikan kesan terhadap perolehan. Walau bagaimanapun, risiko sedemikian kekal terhad kerana kedudukan FX bank-bank lazimnya dilindung nilai. Hal ini dibuktikan oleh kedudukan terbuka bersih pertukaran asing (*foreign exchange net open position*, FX NOP) bank-bank daripada operasi domestik yang kekal terurus pada 3.9% daripada jumlah modal bank-bank. Keadaan ini mencerminkan kesanggupan yang rendah oleh bank-bank untuk mengambil risiko bagi dedahan yang tidak dilindungi. Hal ini seterusnya mengehadkan lagi risiko mudah tunai dalam FCY daripada pergerakan ringgit.

Satu lagi saluran ialah melalui institusi kewangan bukan bank (IKBB), seperti dana pencen dan pelabur institusi domestik lain yang mempunyai dedahan aset di luar negara berbanding dengan liabiliti yang kebanyakannya dalam mata wang ringgit. Sesetengah IKBB domestik ini mengembangkan pelaburan di luar negara sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan untuk mempelbagaikan dan meningkatkan pulangan. Dalam situasi sebegini, penilaian aset asing yang lebih tinggi berikutan ringgit yang semakin lemah akan meningkatkan pulangan pelaburan. Namun, IKBB ini lazimnya akan melindung nilai sebahagian dedahan FCY mereka, yang mengehadkan volatiliti dalam keuntungan dan kerugian yang disebabkan pergerakan mata wang yang melampau (lihat juga rencana bertajuk 'Risiko Penularan daripada Aktiviti Institusi Kewangan Bukan Bank' untuk penilaian sektor IKBB di Malaysia dan saluran penularan yang berpotensi dalam sistem perbankan).

Akhirnya, kadar pertukaran yang semakin lemah secara berlebihan boleh menjejaskan keyakinan dan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan domestik. Meskipun nilai ringgit menurun baru-baru ini, keadaan pasaran domestik kekal berdaya tahan, disokong oleh pengantaraan aliran dua hala yang lancar dalam pasaran (rujuk bahagian 'Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2023 – Risiko Pasaran' untuk maklumat lanjut). Penarafan kredit dan prospek kerajaan Malaysia kekal stabil. Kebanyakan bon kerajaan adalah dalam denominasi ringgit. Bon kerajaan dalam FCY hanya mencakupi 3% daripada bon kerajaan terkumpul, lantas mengehadkan risiko FX. Kedudukan luar negara Malaysia juga kekal kukuh, disokong oleh rizab FCY yang mencukupi dan lebihan akaun semasa yang berterusan. Selain itu, kedudukan pelaburan antarabangsa (*international investment position*, IIP) Malaysia kekal menggalakkan. Setakat akhir tahun 2023, IIP bersih Malaysia mencatat kedudukan aset luaran bersih yang lebih tinggi berjumlah RM119.4 bilion (bersamaan dengan 6.6% daripada KDNK; akhir tahun 2022: RM54.2 bilion atau 3% daripada KDNK). Sementara itu, kedudukan aset luar negeri FCY bersih[11] berjumlah RM1.3 trilion (bersamaan 70.8% daripada KDNK; 2022: RM1.2 trilion, atau 64.5% daripada KDNK). Kedudukan positif bersih ini bertindak sebagai penampan terhadap kejutan luaran kerana penurunan nilai ringgit akan menyebabkan keuntungan penilaian semula kadar FX yang lebih besar untuk negara (rujuk rencana bertajuk 'Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Malaysia' dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023 BNM untuk maklumat lanjut).

[11] Seperti yang diukur oleh aset luaran dalam FCY tolak liabiliti luaran dalam FCY.

RISIKO KREDIT

Perniagaan kekal berdaya tahan terhadap cabaran yang berterusan

Perniagaan kekal berdaya tahan pada separuh kedua tahun 2023 walaupun keadaan operasi kekal mencabar berikutan rintangan yang berterusan. Pemulihan dan prestasi perniagaan kekal tidak seimbang. Perniagaan dalam sektor perkhidmatan memperoleh manfaat daripada peningkatan dalam perbelanjaan pengguna dan pelancongan. Perniagaan dalam sektor perkilangan bukan elektrik dan elektronik (*electrical and electronics,* E&E) juga mengalami sedikit kenaikan berikutan permintaan serantau luaran bertambah baik sedikit menjelang akhir tahun. Meskipun permintaan kekal menggalakkan, tekanan kos terus memberikan kesan pada margin keuntungan. Walaupun keadaan sedikit reda sepanjang tahun 2023, kos input kekal tinggi berbanding dengan paras sebelum pandemik dengan median nisbah kos barangan yang dijual[12] pada 78.8% (Jun 2023: 77.6%; purata 2015–19: 75.9%). Tekanan kos lebih ketara dalam sektor pembinaan dan perkilangan kerana pengurangan yang diperhatikan dalam harga input masih belum memberikan kesan yang ketara terhadap kos disebabkan oleh obligasi kontraktual yang sedia ada. Kos tenaga pekerja juga kekal tinggi dalam keadaan persaingan yang sengit untuk mendapatkan tenaga kerja mahir. Dalam segmen harta tanah komersial, keadaan lebihan bekalan terus berlanjutan walaupun kegiatan pasaran adalah lebih tinggi. Bekalan baharu tambahan bersama-sama dengan peralihan pilihan pelanggan terhadap ruang komersial yang lebih baharu dan 'bersijil hijau' terus memberikan kesan terhadap kadar penghunian dan sewa.

Meskipun tekanan kos berterusan, margin operasi agregat perniagaan meningkat pada separuh kedua tahun 2023. Hal ini berikutan pertumbuhan perolehan syarikat terus disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh (Rajah 1.4). Hutang perniagaan terus menunjukkan trend menurun, manakala penampan wang tunai kekal tinggi melebihi paras sebelum pandemik. Hal ini menyokong keseluruhan keupayaan perniagaan untuk membayar balik hutang, dengan median nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR) kekal melebihi paras ambang kehematan sebanyak dua kali pada 5.7 kali. Keseluruhan bahagian syarikat berisiko[13] juga bertambah baik kepada 26.2%, walaupun masih kekal melebihi purata sebelum pandemik (Rajah 1.5). Sesetengah perniagaan terus menghadapi cabaran yang mencerminkan pemulihan yang tidak seimbang. Meskipun pemulihan dalam ketibaan pelancong memberikan sokongan terhadap sektor berkaitan pelancongan, jumlah perbelanjaan pelancong masih belum pulih ke paras sebelum pandemik. Syarikat dalam subsektor makanan dan minuman serta penginapan telah terjejas oleh perubahan dalam pilihan dan tingkah laku sesetengah pengguna yang lebih mengutamakan perbelanjaan untuk barangan keperluan dalam keadaan kos sara hidup yang lebih tinggi. Walaupun kos perniagaan kekal tinggi dalam sektor pembinaan dan perkilangan, beberapa syarikat dalam sektor ini mula melihat prestasi kewangan mereka pulih kembali pada separuh kedua tahun 2023 selepas merekodkan kerugian yang ketara sebelum ini. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pengembangan dalam aktiviti pembinaan, yang juga memberikan manfaat kepada pengilang bahan binaan.

Rajah 1.4: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama



a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali.

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

[12] Pengiraan nisbah kos barangan yang dijual (*cost of goods sold*, COGS) dibuat dengan membahagikan COGS syarikat dengan pendapatannya. Nisbah yang lebih tinggi menunjukkan bahawa COGS membentuk bahagian pendapatan yang lebih tinggi.

[13] Syarikat berisiko merujuk syarikat yang mempunyai nisbah perlindungan faedah di bawah paras ambang kehematan sebanyak dua kali.

Rajah 1.5: Sektor Perniagaan – Syarikat yang Berisiko bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pinjaman perniagaan berkembang sebanyak 3.6% (Jun 2023: 0.6%) pada separuh kedua tahun 2023. Pertumbuhan pinjaman didorong terutamanya oleh pinjaman perniagaan kecil dan sederhana (PKS), khususnya untuk tujuan modal kerja. Pertumbuhan ini disokong oleh kemudahan berterusan di bawah Dana BNM untuk PKS.[14] Sementara itu, penguncupan pertumbuhan pinjaman yang lebih kecil dicatatkan dalam kalangan syarikat yang lebih besar, sejajar dengan prospek perniagaan yang lebih positif (Disember 2023: -0.5%; Jun 2023: -4.6%). Syarikat korporat besar juga memanfaatkan pasaran bon syarikat berikutan keadaan pendanaan yang menggalakkan, memandangkan spread bon yang semakin mengecil untuk penerbit bon berkualiti tinggi. Hasilnya, pertumbuhan tahunan bon korporat terkumpul dicatatkan pada 4.3% (Jun 2023: 5.2%).

Walaupun kualiti kredit keseluruhan pinjaman perniagaan kekal kukuh, sesetengah PKS menunjukkan tanda-tanda kelemahan kewangan. Bahagian bayaran balik pinjaman PKS tertunggak[15] naik kepada 2.1% (Jun 2023: 1.6%) daripada jumlah pinjaman PKS. Sebahagian besar kenaikan ini disebabkan oleh PKS yang mempunyai sejarah bayaran balik pinjaman yang tidak mengikut jadual. Tinjauan daripada bank-bank menunjukkan bahawa peminjam PKS terus membuat bayaran balik sekali-sekala atau membayar sebahagian sahaja untuk menguruskan aliran tunai mereka sambil mengelak kemungkiran dalam obligasi hutang. Pinjaman terjejas PKS juga kekal tinggi pada 3.1% daripada jumlah pinjaman PKS (Rajah 1.6). Sesetengah PKS yang menghadapi kesukaran bayaran balik pinjaman telah mengambil langkah proaktif untuk berbincang dengan institusi perbankan dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapatkan bantuan bayaran balik pinjaman. Bilangan permohonan bantuan bayaran balik pinjaman daripada PKS di AKPK pada separuh kedua tahun 2023 bertambah sekali ganda berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2022. Sebahagiannya disebabkan oleh tahap kesedaran yang lebih tinggi tentang perkhidmatan AKPK. Namun, jumlah ini kekal kecil iaitu pada 0.6% daripada jumlah pinjaman PKS (Rajah 1.7). Pendaftaran baharu untuk bantuan bayaran balik pinjaman yang ditawarkan oleh bank-bank[16] juga meningkat dari paras yang rendah (Disember 2023: 0.2% daripada jumlah pinjaman PKS; Jun 2023: 0.1%).

Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Permohonan Bantuan Bayaran Balik AKPK oleh PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

[14] Kira-kira RM7.9 bilion daripada jumlah peruntukan RM32.4 bilion kekal tersedia pada akhir bulan Disember 2023.

[15] Merujuk pinjaman tertunggak satu atau dua bulan, atau tertunggak antara 30 hingga 90 hari.

[16] Merujuk program penjadualan dan penstrukturan semula (*rescheduling and restructuring*, R&R).

Pemacu risiko ini terus diimbangi oleh bayaran balik yang berterusan oleh sebahagian besar PKS yang telah menamatkan program bantuan bayaran balik pinjaman yang diperkenalkan semasa pandemik. Pinjaman bank oleh PKS di bawah bantuan bayaran balik pinjaman terus menurun kepada 5.4% daripada jumlah pinjaman PKS (Jun 2023: 5.5%), atau 0.9% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Hampir semua (94%) PKS yang menamatkan program bantuan bayaran balik pinjaman telah dapat menyambung dan mengekalkan bayaran balik pinjaman mereka tepat pada masanya.

Sebaliknya, kualiti peminjaman syarikat korporat besar telah meningkat sejajar dengan peningkatan daya tahan kewangan syarikat-syarikat ini. Terdapat bank-bank yang mula memasukkan kira semula (*write-back*) peruntukan terhadap dedahan syarikat-syarikat besar. Hal ini mencerminkan peningkatan yang berterusan dalam pemulihan aktiviti perniagaan serta prospek yang lebih positif untuk syarikat tertentu. Pergerakan ringgit pada separuh kedua tahun 2023 menjadi tumpuan bagi syarikat korporat yang mempunyai obligasi hutang luar negeri. Walau bagaimanapun, risiko daripada hutang luar negeri syarikat bukan kewangan dapat diuruskan kerana kebanyakan dedahan daripada syarikat korporat pemastautin besar dilindung nilai secara semula jadi atau dari segi kewangan terhadap ketidakpadanan mata wang. Hanya sebilangan kecil syarikat yang pinjamannya tidak dilindung nilai mungkin terdedah kepada volatiliti kadar pertukaran (22% daripada semua pinjaman luar negeri syarikat yang dikawal pemastautin bersamaan dengan hanya 1.8% daripada jumlah hutang perniagaan). Walau bagaimanapun, peminjam-peminjam ini hanya mempunyai pinjaman domestik yang minimum (kurang daripada 0.5% daripada jumlah pinjaman perbankan domestik). Oleh itu, risiko penularan terhadap kestabilan kewangan domestik adalah terhad. Sesetengah syarikat korporat secara berhemat telah membayar dahulu pinjaman mereka dalam mata wang USD untuk menguruskan kenaikan kos pinjaman mata wang USD dalam persekitaran kadar faedah yang tinggi. Sebahagian besar dedahan hutang luar negeri syarikat korporat (71%) mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun, lantas mengurangkan lagi risiko pelanjutan (*rollover risk*). Dedahan ini juga kekal dilindungi oleh aset, dengan aset luar negeri syarikat korporat pada 1.1 kali melebihi hutang luar negeri syarikat korporat.

Ujian tekanan yang dilaksanakan oleh BNM mengesahkan bahawa bank-bank mempunyai penampan modal yang mencukupi untuk menghadapi potensi kerugian kredit yang meningkat daripada sektor perniagaan dalam senario tekanan yang buruk (rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' untuk maklumat lanjut). Selain itu, mekanisme penyelesaian hutang seperti Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS), Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC) dan mekanisme penyelamatan (*rescue mechanism*) korporat yang dibenarkan oleh mahkamah menyediakan pilihan untuk penstrukturan semula untuk syarikat yang menghadapi kesukaran tetapi berdaya maju.[17] Pindaan perundangan baru-baru ini kepada Akta Syarikat 2016 akan meluaskan rangkuman syarikat yang akan mendapat manfaat daripada mekanisme penyelamatan ini sambil menerapkan perlindungan yang sewajarnya daripada penyalahgunaan.[18]

Pada masa hadapan, pemulihan kitaran teknologi global yang dijangkakan serta perkembangan yang berterusan dalam pelaksanaan pelaburan domestik dan usaha infrastruktur akan terus menyokong perolehan perniagaan. Berlatarkan keadaan ini, pelaksanaan rasionalisasi subsidi, pelarasan cukai dan dasar upah, meskipun perlu, akan memberikan kesan terhadap prospek kewangan perniagaan dalam jangka masa pendek. Konflik geopolitik yang berterusan, hala tuju ekonomi China dan volatiliti pasaran kewangan menimbulkan lebih banyak cabaran bersama-sama dengan peningkatan tumpuan terhadap risiko dan peluang berkaitan iklim. Bank-bank mempunyai penampan yang mencukupi terhadap potensi risiko pertumbuhan menjadi perlahan, disokong oleh peruntukan yang konservatif dan tahap modal yang kukuh. Kemerosotan kualiti kredit yang meluas tidak dijangkakan berlaku, seperti yang ditunjukkan oleh nisbah Tahap 2 yang semakin baik (Disember 2023: 12.4% daripada jumlah pinjaman perniagaan; Jun 2023: 13.8%), yang mencerminkan peningkatan dalam prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia.

[17] Rujuk rencana 'Mekanisme Penyelesaian Hutang bagi Perniagaan Berdaya Maju yang Menghadapi Kesukaran Kewangan Sementara' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua Tahun 2020 BNM untuk maklumat lanjut.

[18] Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023, yang bertujuan untuk memperkukuh rangka kerja pemulihan syarikat dan mempertingkatkan ketelusan syarikat korporat dalam Akta Syarikat 2016, telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen pada bulan Disember 2023. Hal ini dijangka akan diwartakan sebagai undang-undang pada tahun 2024.

Risiko kredit keseluruhan daripada sektor isi rumah kekal terkawal, disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam pendapatan dan guna tenaga

Pada separuh kedua tahun 2023, hutang isi rumah[19] berkembang pada kadar yang lebih pantas, dalam keadaan pasaran pekerja dan kegiatan ekonomi yang terus meningkat (Rajah 1.8). Pertumbuhan hutang keseluruhan terus didorong sebahagian besarnya oleh pinjaman perumahan dan kereta, yang secara kolektif merangkumi hampir tiga perempat (73.7%) daripada jumlah hutang isi rumah (Rajah 1.9). Pertumbuhan pinjaman perumahan mencerminkan peningkatan secara menyeluruh dalam aktiviti pasaran harta kediaman, ditambah lagi dengan sokongan pengecualian atau pelepasan (*remission*) duti setem yang terus disediakan untuk pembeli rumah kali pertama. Sementara itu, pinjaman kereta kekal pada trend menaik, disokong oleh jualan kereta yang lebih tinggi berikutan kempen promosi dan pelancaran model baharu, termasuk kenderaan elektrik, dalam tempoh tersebut.

Isi rumah terus mengambil lebih banyak hutang peribadi dan kad kredit dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, bahagian hutang tidak bercagar daripada keseluruhan hutang isi rumah kekal tidak berubah (15.5% daripada jumlah hutang isi rumah). Penelitian lebih lanjut pada hutang pembiayaan peribadi dan hutang kad kredit baharu juga menunjukkan bahawa risiko kekal terurus. Kelulusan pembiayaan peribadi baharu oleh bank-bank pada tahun 2023 kepada peminjam daripada semua segmen pendapatan dikaitkan terutamanya dengan penyatuan hutang (*debt consolidation*), yang membantu mengekalkan daya tahan isi rumah. Pertumbuhan dalam hutang kad kredit terkumpul juga konsisten dengan pemulihan berterusan dalam perbelanjaan pengguna. Selain itu, keperluan berhemat terus dilaksanakan untuk memastikan permohonan kad kredit baharu tertakluk pada penilaian kemampuan dan had kredit yang berpatutan. Selaras dengan pemerhatian ini, transaksi pendahuluan tunai kad kredit kekal rendah pada 1.3% daripada jumlah transaksi kad (Jun 2023: 1.3%; purata 2015–19: 2.2%). Bahagian baki pusingan daripada baki kad kredit terkumpul juga terus menunjukkan trend menurun kepada 47.9% (Jun 2023: 50.9%; purata 2015–19: 60.6%). Pinjaman untuk pembelian sekuriti terus menurun (-13.8%; Jun 2023: -10.2%). Hal ini didorong terutamanya oleh pembiayaan Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang lebih rendah kerana spread yang mengecil antara kadar pembiayaan dengan kadar dividen menjurus kepada penebusan yang lebih tinggi serta permintaan baharu yang lebih rendah untuk pinjaman tersebut.

[19] Pinjaman yang diberikan oleh institusi perbankan dan institusi kewangan bukan bank.

Rajah 1.8: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.9: Sektor Isi Rumah – Komposisi Hutang Mengikut Tujuan



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Setakat bulan Disember 2023, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK dan nisbah hutang isi rumah sistem perbankan kepada KDNK masing-masing kekal tinggi pada 84.2% dan 69.5% (Rajah 1.10). Walaupun begitu, isi rumah secara amnya kekal berdaya tahan. Sekitar 70.9% daripada pemegang hutang sistem perbankan isi rumah

terdiri daripada peminjam berpendapatan sederhana dan tinggi dengan pendapatan bulanan RM5,000 dan ke atas (Rajah 1.11). Median nisbah hutang kepada pendapatan keseluruhan adalah stabil pada 1.4 kali (Jun 2023: 1.4 kali) berikutan bank-bank mengekalkan piawaian pemberian pinjaman yang mantap (Rajah 1.12). Penunjuk lain juga menunjukkan keupayaan membayar hutang yang mampan. Pada separuh kedua tahun 2023, nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) bagi pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan terkumpul masing-masing berada pada 41% dan 35% (Jun 2023: 41% dan 35%), lantas menyediakan penampan yang kukuh untuk isi rumah bagi memenuhi obligasi pinjaman mereka. Sementara itu, bahagian peminjam yang mempunyai DSR melebihi 60% secara amnya kekal tidak berubah pada kira-kira satu perempat daripada jumlah peminjam isi rumah. Lebih dua pertiga (69%) hutang dengan DSR yang

Rajah 1.10: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Rajah 1.11: Sektor Isi Rumah – Komposisi Hutang Sistem Perbankan Mengikut Kumpulan Pendapatan



Nota: 1. Angka-angka tidak termasuk akaun pinjaman yang mempunyai maklumat pendapatan yang tidak lengkap.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.12: Sektor Isi Rumah – Median Nisbah Hutang Kepada Pendapatan Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

tinggi dipegang oleh peminjam berpendapatan sederhana dan tinggi yang lazimnya mempunyai penampan kewangan yang lebih besar untuk mengekalkan bayaran balik pinjaman sekiranya berlaku kejutan kewangan. Hal ini dicerminkan dalam nisbah pinjaman terjejas yang rendah dan stabil dalam kalangan peminjam dengan DSR yang tinggi (1.2%; Jun 2023: 1.3%).

Bahagian isi rumah yang dilaporkan menghadapi kesukaran untuk menanggung perbelanjaan keperluan bulanan dengan pendapatan semasa mereka meningkat sedikit pada tahun 2023, terutamanya dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah.[20] Walau bagaimanapun, kebanyakan isi rumah dapat mengekalkan tahap penggunaan dan simpanan. Perbelanjaan isi rumah untuk barangan keperluan dan perbelanjaan budi bicara terus berkembang, lalu memberikan sokongan kepada penggunaan swasta yang meningkat sebanyak 4.4% pada separuh kedua tahun 2023. Hal ini diiringi oleh pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam nilai perbelanjaan kad debit sebanyak 13.5%. Nilai perbelanjaan kad kredit turut berkembang sebanyak 9.2%, dengan bahagian baki pusingan terus menunjukkan trend menurun seperti yang dinyatakan sebelum ini. Aset kewangan isi rumah juga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh (5.8%; Jun 2023: 4.7%; purata 2015–19: 6.1%) (Rajah 1.13) menerusi simpanan yang lebih tinggi dalam bentuk deposit bank dan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Hal ini selaras dengan keadaan pasaran

[20] Berdasarkan Tinjauan Sentimen Pengguna bulanan BNM. Tinjauan ini bertujuan mengukur sentimen ekonomi dan kewangan secara am serta jangkaan pengguna Malaysia mengenai pelbagai topik seperti kedudukan kewangan isi rumah, perkembangan pasaran pekerja dan kos sara hidup. Tinjauan ini adalah berdasarkan sampel yang mewakili isi rumah merentas semua tahap pendapatan di seluruh negara.

Rajah 1.13: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Tahunan Aset Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

pekerja yang bertambah baik. Sehubungan dengan itu, isi rumah terus memiliki aset kewangan melebihi hutang, dengan nilai agregat aset kewangan kekal stabil pada 2.1 kali jumlah hutang isi rumah (Jun 2023: 2.1 kali; Disember 2022: 2.1 kali).

Pembiayaan rumah terus mencakupi sebahagian besar hutang isi rumah (60.5% daripada jumlah hutang isi rumah). Aktiviti pembiayaan bagi pembelian harta kediaman kekal menggalakkan pada separuh kedua tahun 2023, dengan permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat berikutan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik (Rajah 1.14). Kadar purata pemberian pinjaman baharu bagi pembiayaan rumah berada di bawah paras yang dicatatkan pada separuh kedua tahun 2019 (purata ST2 2023: 4.2%; purata ST2 2019: 4.4%) ketika OPR berada pada kadar 3.00%. Hal ini mencerminkan persaingan yang sengit dalam kalangan institusi kewangan (Rajah 1.15). Keadaan ini telah membantu menyokong akses kepada pembiayaan untuk pembeli rumah yang baharu. Pemilik rumah[21] terus memacu pertumbuhan keseluruhan pinjaman perumahan, mencakupi lebih dua pertiga daripada peningkatan keseluruhan pinjaman perumahan. Para peminjam ini lazimnya mempunyai insentif yang lebih tinggi untuk membayar pinjaman mereka. Median nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) bagi pinjaman perumahan terkumpul kekal berhemat (66.6%; Jun 2023: 65.9%). Nisbah ini memberikan penampan yang selesa untuk bank-bank dan peminjam terhadap pembetulan harga rumah, walaupun risiko untuk keadaan ini berlaku telah berkurang berikutan peningkatan aktiviti dalam pasaran perumahan (lihat rencana mengenai 'Perkembangan dalam Pasaran Harta Kediaman').

Rajah 1.14: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Permohonan Yang Diluluskan dan Kadar Kelulusan Pinjaman Perumahan



Nota: Kadar kelulusan dikira berdasarkan jumlah kelulusan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.15: Pasaran Harta Tanah – Kadar Pinjaman Purata bagi Pinjaman Perumahan Baharu



Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko daripada pelaburan harta tanah yang menggunakan kredit kekal rendah. Pertumbuhan pinjaman perumahan terkumpul untuk pelabur harta tanah individu[22] berkembang pada kadar yang agak sederhana pada separuh kedua tahun 2023 (4.5%; Jun 2023: 4.4%), jauh di bawah kadar pertumbuhan pinjaman oleh pemilik rumah (9.2%; Jun 2023: 8.6%). Median nisbah LTV bagi pinjaman perumahan terkumpul oleh pelabur harta tanah individu juga stabil pada 62.9% (Jun 2023: 62.4%). Sebahagian besar pelabur ini tidak mempunyai lebih daripada dua pinjaman harta tanah. Pandangan daripada bank-bank menunjukkan bahawa selaras dengan sejarah prestasi pinjaman mereka sebelum ini, golongan pelabur harta tanah individu ini pada amnya mempunyai insentif yang kukuh untuk membayar balik pinjaman mereka, iaitu setanding dengan pemilik rumah (nisbah pinjaman terjejas bulan Disember 2023 untuk individu dengan hanya dua pinjaman harta tanah terkumpul: 1.0%; pemilik rumah: 1.4%). Keadaan ini sebahagiannya

[21] Diwakili oleh peminjam individu dengan satu pinjaman perumahan, termasuk pembeli rumah kali pertama.

[22] Pelabur harta tanah individu merujuk kepada peminjam individu yang mempunyai lebih daripada satu pinjaman perumahan.

disebabkan oleh hasrat jangka panjang pelabur untuk memiliki harta tanah (contohnya pembelian untuk anak-anak atau sebagai sumber pendapatan persaraan). Bahagian dedahan sedemikian yang berada dalam kedudukan ekuiti negatif juga kekal kecil (1.1%).

Daya tahan isi rumah secara keseluruhan kekal utuh berikutan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, namun terdapat kelemahan yang berlarutan dalam segmen tertentu

Kualiti pinjaman isi rumah secara keseluruhan kekal mantap (Rajah 1.16). Bahagian pinjaman isi rumah yang diklasifikasikan sebagai Tahap 2 (dikenal pasti sebagai mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi) meningkat sedikit (4.8%; Jun 2023: 4.3%). Nilai pinjaman Tahap 2 isi rumah ini kekal dalam jangkaan bank dan berada kira-kira 40% lebih rendah berbanding paras ketika kemuncak wabak. Walau bagaimanapun, tanda-tanda baharu tekanan telah berkurang. Bahagian keseluruhan pinjaman isi rumah yang berada di bawah bantuan bayaran balik pinjaman sebahagian besarnya kekal stabil (1.6%; Jun 2023: 1.8% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan IKP), dengan jumlah pinjaman baharu yang tertunggak adalah lebih rendah pada tempoh tersebut. Pinjaman isi rumah baharu di bawah penstrukturan dan penjadualan semula juga kekal kecil pada RM4.6 bilion, bersamaan dengan 0.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan IKP. Daripada jumlah ini, dedahan dengan kesukaran baharu (dedahan tanpa sejarah bantuan bayaran balik pinjaman) hanya berjumlah RM1.6 bilion (atau 0.1% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan IKP). Keadaan ini menunjukkan bahawa segmen kelemahan baharu adalah terhad.

Rajah 1.16: Sektor Isi Rumah – Nisbah Pinjaman Terjejas dan Delinkuen dalam Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Isi rumah yang menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran balik pinjaman masih terkawal kepada segmen kecil peminjam dengan kelemahan kewangan sedia ada. Segmen ini termasuk (i) peminjam berpendapatan rendah, (ii) peminjam yang sebelum ini berada di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman, dan (iii) peminjam yang tahap pendapatannya masih belum pulih sepenuhnya sejak pandemik. Bantuan pengurusan kewangan dan pengurusan hutang terus disediakan melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk membantu segmen peminjam ini mencapai kedudukan kewangan yang lebih kukuh. Pendaftaran untuk Program Pengurusan Hutang (Debt Management Programme, DMP) AKPK bagi tahun 2023 meningkat kepada 52,057 kes (2022: 34,670 kes; 2019: 48,581 kes) apabila lebih ramai peminjam mendapatkan bantuan untuk menguruskan hutang mereka berikutan tekanan kos sara hidup. Kesedaran yang lebih tinggi mengenai sokongan yang ada turut menyumbang kepada peningkatan pendaftaran. Bahagian keseluruhan hutang isi rumah di bawah DMP kekal kecil (0.54% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan IKP; Jun 2023: 0.49%; Disember 2019: 0.49%).

Keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, bantuan bayaran balik pinjaman yang terus tersedia untuk peminjam yang berdaya maju serta langkah-langkah sokongan oleh kerajaan untuk isi rumah mudah terjejas dijangka terus memberikan sokongan kepada keupayaan isi rumah secara keseluruhan untuk membayar balik hutang. Namun begitu, bank-bank kekal berdaya tahan terhadap potensi tekanan sektor isi rumah seandainya berlaku kemungkinan bahawa cabaran berterusan yang dihadapi oleh sesetengah peminjam menjadi semakin meluas. Ujian tekanan terkini yang dijalankan oleh BNM menunjukkan bahawa hingga 4.8% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan mungkin berisiko mungkir menjelang akhir tahun 2026 jika peminjam isi rumah mengalami kejutan pasaran pekerja yang teruk dengan kadar pengangguran mencecah setinggi 6.0%. Walau bagaimanapun, senario ini masih mampu ditangani oleh lebihan penampan modal bank-bank (rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' untuk butiran lanjut).

Perkembangan dalam Pasaran Harta Kediaman

Pasaran harta kediaman Malaysia meneruskan momentum pemulihannya pada separuh kedua tahun 2023, dengan aktiviti pasaran yang bertambah baik. Berlatarkan keadaan pendapatan dan guna tenaga yang bertambah baik, permintaan untuk perumahan terus menggalakkan. Jumlah transaksi harta kediaman terus meningkat pada separuh kedua tahun 2023 kepada paras yang lebih tinggi berbanding sebelum pandemik (Rajah 1.17). Lebih tiga perempat daripada transaksi ini adalah untuk pembelian harta tanah dalam segmen pasaran umum (*mass market*) (iaitu rumah berharga RM500,000 dan ke bawah).[23] Permintaan untuk perumahan juga disokong oleh langkah-langkah yang menggalakkan pemilikan rumah,[24] serta keadaan pembiayaan yang berdaya saing. Jumlah permohonan dan kelulusan pinjaman perumahan juga meningkat dalam tempoh tersebut.

Walaupun transaksi meningkat di semua negeri utama,[25] aktiviti pasaran ketara khususnya di Johor. Peningkatan ini dirangsang oleh sentimen yang bertambah baik berhubung dengan pembangunan beberapa projek seperti Zon Ekonomi Khas dan Sistem Transit Rapid Link Johor Bahru–Singapura, serta permintaan yang menggalakkan daripada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Yang penting, tanda-tanda aktiviti spekulatif kekal terhad, memandangkan kebanyakan pembelian ini dibuat oleh pembeli rumah kali pertama dan kedua.

Harga rumah[26] berkembang sebanyak 3.3% pada suku ketiga tahun 2023 (Rajah 1.18). Pertumbuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh harga harta kediaman bertanah yang lebih tinggi, sekali gus mencerminkan ketidakpadanan permintaan dan bekalan yang berlarutan untuk perumahan mampu milik dalam keadaan permintaan yang lebih kukuh untuk rumah bertanah yang baharu berbanding dengan unit bangunan tinggi. Negeri-negeri utama terus memacu pertumbuhan harga rumah secara keseluruhan, dengan Johor khususnya mencatatkan pertumbuhan yang kukuh.

Peningkatan dalam pasaran perumahan telah mengurangkan risiko penurunan harga rumah yang mendadak dan ketara kepada peminjam isi rumah dan pemberi pinjaman. Jumlah unit rumah tidak terjual juga terus menurun kepada 128,315 unit (Jun 2023: 141,855 unit; purata 2015–19: 130,210 unit), lantas mengurangkan lagi risiko harga rumah menjadi lebih rendah. Risiko dijangka kekal rendah pada masa hadapan. Hal ini disokong oleh (i) pertumbuhan pendapatan dan penduduk yang mampan, sekali gus menyokong permintaan untuk perumahan, dan (ii) risiko rendah berhubung dengan kemungkiran isi rumah dan penyitaan harta tanah yang meluas yang akan menjejaskan harga rumah. Walau bagaimanapun, isu kemampuan memiliki rumah dijangka berpanjangan dalam tempoh terdekat berikutan kos pembinaan yang meningkat, yang mungkin akan dipindahkan oleh pemaju perumahan kepada pembeli rumah, serta pelancaran perumahan yang semakin sedikit berbanding dengan tahun-tahun sebelum pandemik yang mengekang bekalan, terutamanya dalam segmen rumah mampu milik.

Rajah 1.17: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Transaksi Perumahan



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.18: Pasaran Harta Tanah – Pertumbuhan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) Mengikut Negeri



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

[23] Kemampuan memiliki rumah, meskipun kekal dalam julat 'sangat tidak mampu milik', secara amnya kekal stabil berikutan pertumbuhan pendapatan yang mengatasi pertumbuhan harga rumah. Median nisbah harga rumah kepada pendapatan berada pada 4.3 pada tahun 2022.

[24] Merujuk Inisiatif Pemilikan Rumah Malaysia (i-Miliki) yang memberikan (i) pengecualian duti setem 100% untuk pembeli rumah kali pertama yang membeli harta kediaman bernilai RM500,000 atau ke bawah sehingga akhir tahun 2025; dan (ii) pengecualian duti setem 75% untuk harta tanah berharga antara RM500,000 hingga RM1 juta sehingga akhir tahun 2023.

[25] Negeri-negeri utama merangkumi Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor.

[26] Seperti yang diukur menerusi Indeks Harga Rumah Malaysia oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (National Property Information Centre, NAPIC).

RISIKO OPERASI

Daya tahan operasi institusi kewangan kekal utuh

Memastikan keutuhan daya tahan operasi dan siber institusi kewangan kekal menjadi tumpuan utama pada separuh kedua tahun 2023. Kekerapan serangan perisian tebusan (*ransomware*) dan percambahan jenayah siber sebagai perkhidmatan (*cybercrime-as-a-service,* CaaS)[27] terus menjadi cabaran risiko operasi yang berlanjutan bagi institusi kewangan pada peringkat global. Sebagai pertahanan terhadap ancaman-ancaman tersebut, BNM menghendaki institusi kewangan untuk melaksanakan dan menguatkuasakan piawaian keselamatan siber yang kukuh, terutamanya berkaitan tadbir urus dan pengurusan tampalan (*patch management*). Institusi kewangan di Malaysia terus mengekalkan tahap kewaspadaan yang lebih tinggi terhadap risiko teknologi dan ancaman siber yang semakin berkembang. Selain pengawasan, pengesanan dan tindak balas ancaman pada peringkat institusi, langkah lain turut diambil untuk meningkatkan lagi pengawasan dan tindak balas seluruh sistem.

Transaksi perbankan dalam talian tanpa kebenaran terus menunjukkan trend menurun berikutan pelaksanaan langkah-langkah tambahan menangani penipuan[28] oleh institusi kewangan. Pada suku keempat tahun 2023, BNM telah mendapatkan maklum balas daripada industri kewangan mengenai cadangan piawaian pengesanan penipuan yang memberikan tumpuan pada transaksi perbankan internet. Piawaian ini bertujuan memperkukuh keupayaan industri kewangan untuk mengesan dan mencegah transaksi penipuan dalam hampir masa nyata (*near real time*) melalui analisis yang lebih maju dan langkah-langkah operasi yang diselaraskan.

BNM juga telah memperkukuh keperluan berkaitan pengurusan risiko perkhidmatan awan institusi kewangan.[29] Hal ini termasuk penambahbaikan dalam proses tadbir urus dan kawalan teknikal tambahan seperti mengamalkan prinsip kepercayaan sifar (*zero trust principles*)[30] dalam keselamatan infrastruktur awan. Langkah-langkah ini akan membolehkan institusi kewangan mengurangkan kegagalan teknikal dan bertindak balas secara lebih berkesan terhadap gangguan perkhidmatan awan yang dikaitkan dengan penyedia perkhidmatan. BNM terus memantau dengan teliti pelaksanaan langkah kawalan oleh institusi kewangan seiring dengan penggunaan penyelesaian berasaskan awan yang lebih meluas dalam perkhidmatan kewangan.

Kerjasama dalam kalangan agensi keselamatan siber tempatan, melalui perkongsian risikan ancaman siber yang pantas, terus menjadi teras pertahanan industri kewangan terhadap ancaman siber. Pada suku keempat tahun 2023, BNM telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan CyberSecurity Malaysia untuk meningkatkan perkongsian maklumat dan memupuk kerjasama ke arah peningkatan daya tahan siber sektor kewangan. Perbincangan bersama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Agensi Keselamatan Siber Negara juga telah dimulakan untuk meluaskan lagi skop perkongsian risikan ancaman siber melalui Platform Perisikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform, FinTIP).[31] Selain itu, pelaksanaan sesi libat urus bersama industri juga telah membantu pertukaran pandangan dan amalan terbaik mengenai daya tahan siber dalam kalangan peserta. Pada peringkat antarabangsa, BNM terus mengembangkan pengaturan dua hala mengenai kerjasama keselamatan siber dengan rakan serantau untuk memudahkan pertukaran maklumat dan menyokong peningkatan kapasiti.

Risiko yang berkaitan dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga terus menjadi tumpuan utama BNM dan institusi kewangan. Pada bulan November 2023, BNM telah menganjurkan latihan simulasi bersama industri yang mempunyai rangkaian cawangan dan Mesin Teler Automatik (Automated Teller Machine, ATM) yang meluas. Latihan simulasi ini bertujuan untuk menguji kawalan dan tindak balas industri kewangan terhadap senario simulasi gangguan dalam perkhidmatan pihak ketiga yang menyebabkan operasi tunai terjejas. Latihan ini amat berguna untuk mengukuhkan lagi pengaturan sedia ada dengan penyedia perkhidmatan alternatif bagi memastikan kesinambungan perniagaan dan

[27] Merujuk model jenayah terancang berasaskan langganan iaitu penggodam menjual atau menyewakan alat, kepakaran dan perkhidmatan mereka kepada penjenayah siber lain atau pelaku ancaman yang kurang mahir.

[28] Untuk maklumat lanjut mengenai langkah-langkah tambahan untuk memperkukuh perlindungan terhadap penipuan kewangan, sila rujuk pengumuman Gabenor BNM ketika pelancaran Pameran Jenayah Kewangan secara maya pada 26 September 2022.

[29] Kehendak tambahan mengenai pengurusan risiko awan untuk institusi kewangan telah diperkenalkan dalam dokumen dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi (RMiT) yang diterbitkan pada 1 Jun 2023.

[30] Merujuk kepada paradigma keselamatan yang direka untuk mencegah pelanggaran data dan mengehadkan pergerakan lateral dalaman pelaku ancaman dengan menghendaki semua pengguna di dalam atau di luar rangkaian organisasi mendapat pengesahan ketulenan, kebenaran dan pengesahan identiti sebelum diberikan akses kepada setiap zon dilindungi yang berasingan.

[31] FinTIP telah ditubuhkan oleh BNM pada tahun 2021 untuk memudahkan pengumpulan, penggabungan, analisis dan perkongsian maklumat ancaman siber untuk industri kewangan.

perkhidmatan kepada pelanggan. Hal ini termasuk penyelarasan yang lebih baik antara institusi kewangan dalam menguruskan penumpuan ke atas beberapa penyedia perkhidmatan alternatif sekiranya pelan kesinambungan perniagaan institusi kewangan tercetus secara serentak semasa peristiwa gangguan besar di seluruh sistem.

Bagi memudahkan pengawasan risiko operasi dalam sistem kewangan, penambahbaikan piawaian dan sistem Rangkaian Dalam Talian Bersepadu Risiko Operasi (Operational Risk Integrated Online Network, ORION) telah dilancarkan pada 30 November 2023. Penambahbaikan ini membolehkan liputan yang meluas dan pengumpulan lebih banyak jenis maklumat berkaitan risiko operasi dengan lebih terperinci. Maklumat ini akan menyokong pengawasan risiko operasi yang lebih baik pada peringkat institusi kewangan dan juga merentasi sistem kewangan. Penambahbaikan ini juga akan membolehkan institusi kewangan mengakses maklumat industri terkumpul dengan cepat untuk meningkatkan penandaarasan terhadap kerugian dan insiden dalam industri.

Sistem pembayaran dan penyelesaian mengekalkan daya tahan operasi

Sepanjang separuh kedua tahun 2023, Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan sistem pembayaran runcit utama mengekalkan tahap daya tahan operasi dan ketersediaan sistem yang tinggi. Tiada insiden operasi atau insiden siber besar yang dialami dalam tempoh ini. Pengendali sistem pembayaran kekal berwaspada sambil aktif mengenal pasti dan menangani potensi risiko dan ancaman berikutan persekitaran pembayaran yang semakin berkembang.

Penggunaan transaksi e-pembayaran yang semakin pesat telah meningkatkan risiko kredit dan penyelesaian berkaitan dengan sistem pembayaran runcit masa nyata. Di bawah perjanjian penyelesaian bersih tertangguh, dedahan kredit antara institusi peserta telah meningkat terutamanya pada hujung minggu dan cuti umum. Seandainya berlaku keadaan pasaran yang begitu tertekan, bank penerima mungkin terdedah pada risiko penyelesaian sekiranya berlaku kegagalan penyelesaian oleh bank pembayar. Bagi menangani risiko ini, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2023:

- Beberapa saluran penyelesaian tambahan dalam RENTAS bagi Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP) dan Financial Process Exchange (FPX) pada hujung minggu dan cuti umum, disokong oleh mekanisme pendanaan yang tersedia untuk institusi perbankan bagi memudahkan penyelesaian (Kemudahan Kredit Intrahari dan Kemudahan Pendanaan untuk Penyelesaian Pembayaran Runcit).
- Peserta RPP dikenakan keperluan cagaran penyelesaian bersih tertangguh melalui pengekalan jumlah tunai dan sekuriti yang layak secara berterusan dan mencukupi.

Sejajar dengan kesalinghubungan pembayaran serantau yang semakin berkembang, kerumitan dan kesalingbergantungan yang lebih besar antara sistem pembayaran mampu meningkatkan risiko sistemik. Bagi memastikan pengaturan rangkaian yang selamat dan terjamin, BNM sedang berusaha untuk memperkukuh pengawasan terhadap pengaturan rentas sempadan ini melalui pengaturan kerjasama antara badan pengawalseliaan di negara yang berkaitan. Hal ini termasuk mempertingkatkan prosedur operasi dan penyelarasan pemantauan ke atas potensi ancaman penipuan yang berpunca daripada jalinan rentas sempadan ini. Selain itu, usaha ke arah pemantapan pengurusan kesinambungan perniagaan dan daya tahan siber untuk mengurangkan risiko daripada transaksi rentas sempadan dan penyedia perkhidmatan yang penting kekal menjadi tumpuan pengendali sistem pembayaran.

Risiko Penularan daripada Aktiviti Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB)

Sektor IKBB pada peringkat global dan domestik telah mencatatkan pertumbuhan yang ketara semenjak satu dekad yang lalu

Pada peringkat global, aset kewangan institusi kewangan bukan bank[1] (IKBB) berkembang lebih sekali ganda sejak tahun 2008, sehingga mencecah USD218 trilion setakat tahun 2022. Kesalinghubungan antara sektor IKBB dengan sektor lain dalam sistem kewangan juga lebih mendalam, sejajar dengan kepentingan IKBB yang semakin meningkat dalam ekonomi. Peningkatan ini mewujudkan saluran baharu penyebaran tekanan kewangan. Episod tekanan dalam pasaran kewangan baru-baru ini yang dikaitkan dengan IKBB dalam ekonomi maju[2] telah menggariskan kepentingan untuk memantau perkembangan dalam sektor ini yang boleh menyebabkan risiko sistemik, terutamanya daripada aktiviti dan amalan yang berlaku semasa keadaan tekanan yang mungkin menyebarluaskan kejutan kewangan kepada ekonomi.

Di Malaysia, sektor IKBB telah berkembang sebanyak 67.4% sepanjang satu dekad yang lalu, dengan peningkatan jumlah aset daripada RM2.0 trilion pada tahun 2013 kepada RM3.3 trilion pada tahun 2023. Aset IKBB sebagai bahagian daripada jumlah aset keseluruhan sistem kewangan turut meningkat daripada 38.1% kepada 49.9%. Hampir separuh jumlah aset ini dipegang oleh institusi kewangan pembangunan (IKP),[3] penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators,* ITO), dan dana pelaburan yang dikawal selia secara berhemat oleh BNM atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Komposisi struktur sektor ini secara relatifnya stabil sepanjang sedekad yang lalu. Kumpulan wang pencen dan simpanan membentuk sebahagian besar daripada baki bahagian aset IKBB (Rajah 1). Kumpulan wang pencen dan simpanan tertakluk kepada undang-undang, peraturan atau garis panduan khusus yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia yang mentadbir pengurusan dan operasinya.

Rajah 1: Sistem Kewangan – Komposisi Aset



a Awalan

[1] Merujuk institusi kewangan pembangunan (IKP) yang tidak dikawal selia oleh BNM di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP 2002).

[2] Merujuk pemegang pajak gadai, pemberi pinjam wang, penyedia kredit dan pembiayaan sewa beli bukan bank, penyedia pembiayaan pendidikan bukan bank, penyedia kredit perumahan bukan bank, syarikat pemegang amanah milik kerajaan dan pertubuhan keselamatan sosial.

[3] Merujuk sekuriti bersandarkan aset terkumpul dan aset perbadanan gadai janji kebangsaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan penyata kewangan yang diterbitkan oleh IKBB

[1] Menurut Financial Stability Board (FSB), IKBB merangkumi keseluruhan entiti kewangan bukan bank, yang terdiri daripada semua institusi kewangan yang bukan bank pusat, bank atau institusi kewangan awam.

[2] Antara contoh yang ketara termasuk episod *dash-for-cash* di Amerika Syarikat pada bulan Mac 2020, kegagalan Archegos Capital Management pada bulan Mac 2021 dan tekanan dalam sektor kumpulan wang pencen United Kingdom pada bulan September 2022.

[3] Merujuk IKP di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

Pengantara kredit bukan bank lain[4] merangkumi bahagian yang jauh lebih kecil (10.9%) daripada aset IKBB. Pemberian pinjaman oleh pengantara kredit bukan bank ini diberikan kepada peminjam individu dan lazimnya dibiayai melalui pinjaman bank, pasaran modal atau geran kerajaan, dengan transformasi kematangan yang terhad.[5] Bahagian kredit pengantara kredit bukan bank mencakupi 12.2% daripada jumlah kredit kepada isi rumah. Baki bahagian kredit kepada isi rumah adalah melalui pengantaraan bank tradisional. Bahagian jumlah aset sistem kewangan bagi entiti-entiti ini telah kekal stabil selama beberapa tahun dan menunjukkan pengembangan kredit yang sederhana secara amnya, selaras dengan pasaran sasaran mereka yang khusus. Walaupun sesetengah pengantara kredit bukan bank tidak dikawal selia pada masa ini, penggubalan Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act, CCA) dalam masa terdekat akan merintis jalan kepada penubuhan Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna sebagai pihak berkuasa bebas yang berwibawa untuk mengawasi penyedia kredit pengguna dan penyedia perkhidmatan kredit.[6]

IKBB saling berhubungan dengan sistem perbankan, secara langsung dan tidak langsung

IKBB[7] mempamerkan hubungan langsung dan tidak langsung dengan sistem perbankan:

- IKBB merupakan pemegang saham yang besar dalam bank, mencakupi 36.1% daripada jumlah ekuiti tersenarai bank (Rajah 2). Keadaan ini meningkatkan potensi tekanan daripada sektor IKBB kepada sistem perbankan yang lebih luas, dan sebaliknya, melalui saluran kewangan dan saluran reputasi. Dividen yang diagihkan oleh bank juga merupakan sumber pendapatan penting bagi beberapa IKBB yang besar. Kemerosotan keuntungan bank yang ketara boleh memberikan kesan buruk kepada prestasi kewangan IKBB ini dan akhirnya akan memberikan kesan buruk kepada simpanan isi rumah yang ditempatkan di IKBB. Kemelut ini seterusnya boleh mewujudkan lingkaran maklum balas yang negatif kepada sistem perbankan dan ekonomi yang lebih luas.

Rajah 2: Institusi Kewangan Bukan Bank – Kesalinghubungan dengan Sistem Kewangan



a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Reuters, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan penyata kewangan yang diterbitkan oleh IKBB

[4] Termasuk koperasi, pemberi pinjaman wang, pemegang pajak gadai, syarikat pemajakan dan pemfaktoran, serta penyedia pinjaman bukan bank bagi pembiayaan perumahan, sewa beli dan pinjaman pelajar.

[5] Transformasi kematangan menilai tahap risiko jurang kematangan yang diambil oleh sebuah IKBB dan diukur oleh nisbah perlindungan liabiliti jangka pendek terhadap aset jangka pendek. Nisbah transformasi kematangan untuk pengantara kredit bukan bank terpilih adalah antara 0.12 kali hingga 0.41 kali. Nisbah ini kekal lebih rendah daripada median nisbah transformasi kematangan bagi syarikat kewangan dalam negara lain (2022: 0.86 kali). (Financial Stability Board, 2023, hlm. 50).

[6] CCA dijangka dibentangkan di Parlimen pada suku ketiga tahun 2024.

[7] Dalam bahagian rencana ini yang seterusnya, rujukan IKBB tidak termasuk IKP, ITO dan pengeluar kad kredit bukan bank yang dikawal selia oleh BNM. IKP, ITO dan pengeluar kad kredit bukan bank yang dikawal selia oleh BNM tertakluk pada piawaian kehematan yang mantap yang mengurangkan risiko kestabilan kewangan.

- IKBB juga merupakan pendeposit besar dalam sistem perbankan, dengan penumpuan deposit dalam bank individu. Bagi sesetengah bank, deposit IKBB menyumbang sebanyak 17% daripada asas deposit bank berkenaan. Oleh itu, pengeluaran besar yang tidak dirancang oleh IKBB, terutamanya untuk memenuhi keperluan mudah tunai yang mendadak, boleh mengakibatkan kekangan mudah tunai terhadap bank. Pelaksanaan langkah-langkah bantuan[8] semasa pandemik COVID-19 menyebabkan pengeluaran deposit yang besar oleh sesetengah IKBB untuk memenuhi permintaan mudah tunai yang tidak dijangka. Kedudukan mudah tunai bank yang kukuh pada masa itu telah mengimbangi kesan pengeluaran deposit oleh sesetengah IKBB, dengan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) keseluruhan kekal melebihi keperluan minimum.
- Risiko penularan langsung juga boleh timbul daripada pembiayaan institusi perbankan kepada IKBB, sama ada melalui pinjaman kepada IKBB atau pegangan sekuriti hutang yang diterbitkan oleh IKBB. Ketidakupayaan IKBB untuk membiayai hutangnya boleh mengakibatkan kerugian kredit kepada bank. Pada masa ini, risiko sedemikian sebahagian besarnya terkawal berikutan kira-kira separuh daripada pendedahan kredit bank kepada IKBB dijamin oleh Kerajaan, dengan itu meminimumkan potensi kerugian kredit kepada bank jika IKBB menghadapi masalah kewangan.

Rajah 3: Pengagihan Aset Sistem Perbankan dan Institusi Kewangan Bukan Bank



a Awalan

[1] Termasuk dana kumpulan wang simpanan dan pencen sistemik, dana amanah unit sistemik, IKBB yang mengambil deposit, penyedia pembiayaan pendidikan bukan bank, penyedia kredit perumahan bukan bank, syarikat pemegang amanah milik kerajaan, pertubuhan keselamatan sosial, dan perbadanan gadai janji kebangsaan.

[2] Bagi bank-bank, merangkumi tunai dan setaraf tunai, deposit yang ditempatkan dan perjanjian jual balik yang dibalik, dan deposit berkanun yang ditempatkan dengan BNM.

[3] Merangkumi sekuriti hutang yang diterbitkan oleh BNM, Cagamas Berhad, dan Khazanah Nasionah Berhad.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Langkah-langkah bantuan yang dilaksanakan oleh IKBB termasuk menurunkan kadar caruman dan membenarkan pengeluaran simpanan daripada kumpulan wang persaraan, memperkenalkan program perlindungan pekerjaan dan insentif pengambilan pekerja, dan menangguhkan bayaran balik pinjaman.

- IKBB merupakan peserta penting dalam pasaran kewangan domestik, dengan pemilikan pelaburan yang besar dalam ekuiti, bon kerajaan dan bon/sukuk korporat (Rujuk Rajah 2). Aset yang sama yang dipegang oleh IKBB dan sistem perbankan tertumpu dalam pasaran bon kerajaan (Rajah 3). Penyertaan IKBB dalam pasaran kewangan memberikan kestabilan dan kedalaman kepada pasaran, namun sebarang jualan besar-besaran aset ini oleh IKBB dalam keadaan tekanan boleh menurunkan harga aset dengan ketara. Hal ini dapat menjejaskan kedudukan kewangan bank yang mempunyai pegangan aset yang sama dan mengakibatkan risiko penularan tidak langsung daripada IKBB kepada sistem perbankan. Berdasarkan profil mudah tunai IKBB utama, sekiranya berlaku tekanan aliran keluar yang berterusan yang mengakibatkan penjualan bon kerajaan pada harga sangat rendah dan peningkatan kadar hasil bon hingga 53.5 mata asas, risiko penularan kepada kesolvenan bank dinilai sebagai terhad. Keputusan simulasi menunjukkan bahawa nisbah modal keseluruhan sistem perbankan pada bulan Disember 2023 mungkin menurun daripada 18.5% kepada 18.1% selepas simulasi.
- Walaupun bank dan IKBB juga mempunyai pegangan bon korporat dan sukuk yang agak besar, pendedahan ini lebih tersebar dalam kalangan pelbagai penerbit. Hal ini mengurangkan dengan ketara transmisi risiko penularan tidak langsung daripada penjualan aset pada harga sangat rendah oleh IKBB. Risiko penularan tidak langsung daripada penjualan ekuiti pada harga sangat rendah oleh IKBB kepada sistem perbankan juga dijangka terkawal, memandangkan bank mempunyai pendedahan kecil kepada pelaburan ekuiti (0.2% daripada jumlah aset sistem perbankan).

Pengawasan yang mantap terhadap sektor IKBB adalah penting untuk mengesan potensi risiko kestabilan kewangan tepat pada masanya

Memandangkan kesalinghubungan yang penting antara IKBB dengan sektor lain dalam sistem kewangan, BNM sentiasa melaksanakan libat urus dengan pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan, seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, serta IKBB terpilih yang sistemik sebagai sebahagian daripada pengawasan BNM terhadap risiko kestabilan kewangan yang mungkin timbul daripada aktiviti IKBB. Platform libat urus ini membolehkan perkongsian maklumat bagi penilaian risiko yang lebih bersepadu. Usaha berterusan diambil untuk meluaskan liputan penilaian risiko sektor IKBB melalui perkongsian data yang lebih meluas merentas entiti dan agensi yang berkaitan. Apabila potensi risiko kepada kestabilan kewangan dikenal pasti, Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan[9] (Financial Stability Executive Committee, FSEC) bertindak sebagai jawatankuasa tertinggi yang diberikan kuasa untuk menentukan langkah dasar yang terpakai kepada IKBB untuk mengelakkan atau mengurangkan risiko tersebut. Kali terakhir langkah sedemikian diambil adalah pada tahun 2013 apabila langkah kehematan makro dikenakan kepada pengantara kredit bukan bank terpilih untuk membendung keberhutangan isi rumah yang berlebihan dan menggalakkan penggunaan piawaian pembiayaan bertanggungjawab yang mantap oleh semua penyedia kredit utama.[10]

[9] FSEC ditubuhkan menurut Seksyen 37 Akta Bank Negara Malaysia 2009. Sila rujuk bab 'Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, Struktur Organisasi dan Jawatankuasa Berkanun Bank' dalam Laporan Tahunan BNM 2023 untuk butiran lanjut.

[10] Pada tahun 2013, FSEC memutuskan untuk mengenakan piawaian pembiayaan bertanggungjawab kepada semua koperasi kredit yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan dua penyedia kredit runcit yang besar. Langkah ini antara lain termasuk mengehadkan tempoh pinjaman untuk pembiayaan peribadi dan pinjaman perumahan, dan melarang penawaran kemudahan pembiayaan peribadi yang telah diluluskan terlebih dahulu tanpa permohonan daripada peminjam. Sila rujuk Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran BNM 2013 untuk butiran lanjut.

Rujukan

Barr, M. S. (2022, December 1). *Why Bank Capital Matters.* Board of Governors of the Federal Reserve System. https://www.federalreserve.gov/newsevents/speech/barr20221201a.htm

Cetorelli, N., Landoni, M., & Lu, L. (2023). *Non-Bank Financial Institutions and Banks' Fire-Sale Vulnerabilities.* Federal Reserve Board of New York Staff Report No. 1057.

Choudhary, R., Mathur, S., & Wallis, P. (2023). *Leverage, Liquidity and Non-Bank Financial Institutions: Key Lessons from Recent Market Events.* RBA Bulletin - June 2023.

Financial Stability Board. (2023). *Global Monitoring Report on Non-Bank Financial Intermediation.*

International Monetary Fund. (2023). Chapter 2: Nonbank Financial Intermediaries: Vulnerabilities amid Tighter Financial Conditions. In *Global Financial Stability Report: Safeguarding Financial Stability amid High Inflation and Geopolitical Risks.* (pp. 59–80).

Sydow, M., Schilte, Aurore, Covi, G., Deipenbrock, M., Del Vecchio, L., Fiedor, P., Fukker, G., Gehrend, M., Gourdel, R., Grassi, A., Hilberg, B., Kaijser, M., Kaoudis, G., Mingarelli, L., Montagna, M., Piquard, T., Salakhova, D., & Tente, N. (2021). *Shock Amplification in an Interconnected Financial System of Banks and Investment Fund*s. ECB Working Paper No. 2021/2581.

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

Sektor Perbankan 29

Sektor Insurans dan Takaful 38

Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan 41

Rencana: Kepentingan Memperkukuh Pengawalan dan Penyeliaan Risiko Mudah Tunai di Malaysia 46

Rencana: Kemajuan dalam Pengukuhan Amalan Pengurusan Risiko Iklim 53

Rencana: Banjir dan Kewangan: Membina Daya Tahan Perniagaan Malaysia 57

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

SEKTOR PERBANKAN

Kedudukan pendanaan dan mudah tunai bank-bank yang teguh telah menyokong aktiviti pengantaraan

Kedudukan mudah tunai dan pendanaan sistem perbankan kekal teguh pada separuh kedua tahun 2023. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) (Rajah 2.1) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) (Rajah 2.2) agregat kekal kukuh dan jauh melebihi paras minimum pengawalseliaan, masing-masing pada 160.9% dan 118.2% pada akhir Disember 2023 (Jun 2023: masing-masing pada 154.7 % dan 117.0%). Pegangan aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid asset,* HQLA) oleh bank-bank terus meningkat (RM758.3 bilion; Jun 2023: RM744.3 bilion), kebanyakannya

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



Nota: 1. LCR MYR dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi ringgit.
2. LCR keseluruhan dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi semua mata wang.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Nisbah Pendanaan Stabil Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam bentuk penempatan dengan bank pusat dan bon kerajaan yang boleh dicagarkan dalam pasaran antara bank atau dengan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mendapatkan mudah tunai tambahan.[1]

Deposit sistem perbankan terus berkembang (Rajah 2.3), didorong terutamanya oleh perniagaan dan individu, sejajar dengan peningkatan dalam aktiviti perniagaan dan pendapatan isi rumah. Deposit individu dan perniagaan pemastautin (termasuk perusahaan awam bukan kewangan) mencakupi sebahagian besar deposit sistem perbankan masing-masing pada 35.6% dan 34.1%. Keadaan ini terus menyediakan sumber pendanaan yang stabil untuk bank-bank dalam keadaan deposit institusi kewangan bukan bank (IKBB) dan Kerajaan yang lebih rendah dalam beberapa tempoh pada separuh kedua tahun 2023. Deposit tetap jangka panjang (termasuk

[1] Semua bank mempunyai akses kepada kemudahan tersedia dan Kemudahan Mudah Tunai Komited Terhad (Restricted Committed Liquidity Facility, RCLF) dengan BNM untuk memenuhi keperluan mudah tunai. RCLF diperkenalkan oleh BNM pada tahun 2016 untuk membolehkan bank-bank mendapatkan mudah tunai untuk tempoh melebihi 1 bulan daripada BNM. Institusi perbankan yang berhasrat untuk menggunakan RCLF akan dikenakan kadar kemudahan tetap dan dikehendaki untuk menetapkan sekumpulan sekuriti layak tanpa halangan yang akan mencukupi untuk menyokong jumlah saiz RCLF.

Murabahah Komoditi) berkembang lebih pantas berbanding dengan jenis deposit utama lain untuk tahun kedua berturut-turut hingga membentuk hampir separuh (48.5%) daripada jumlah deposit sistem perbankan (Rajah 2.4). Bahagian ini kekal lebih rendah daripada bahagian purata deposit tetap yang pernah dicatatkan (purata 2015–19: 51.2%). Berikutan keperluan penampan tunai awasan semakin berkurang, peralihan berterusan yang diperhatikan daripada deposit akaun semasa dan simpanan (*current and savings,* CASA) kepada deposit tetap jangka panjang akan terus menyokong kestabilan sumber pendanaan bank. Analisis sensitiviti BNM,[2] yang mengandaikan aliran keluar deposit yang besar dan kejutan kadar hasil bon yang teruk, mengesahkan lagi daya tahan sistem perbankan terhadap kejutan mudah tunai. Keputusan analisis menunjukkan bahawa bank-bank mempunyai HQLA yang mencukupi untuk bertahan menghadapi keadaan mudah tunai yang buruk tersebut (rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' untuk maklumat lanjut).

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit Mengikut Jenis



Sumber: Bank Negara Malaysia

Seperti trend bermusim sebelum ini, persaingan deposit meningkat menjelang akhir tahun apabila bank-bank meningkatkan penampan kerana menjangkakan pengeluaran akhir tahun yang lebih besar, terutamanya daripada pendeposit besar. Dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, tahap persaingan deposit agak rendah apabila tingkah laku memburu kadar oleh syarikat korporat berkurang berikutan jangkaan bahawa Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah mencapai tahap tertinggi. Bank-bank juga memanfaatkan pasaran antara bank untuk pendanaan jangka panjang. Hal ini menyaksikan kadar antara bank bergerak lebih tinggi sedikit pada suku keempat tahun 2023 (peningkatan tahun ke tahun dalam kadar antara bank 3 bulan: +4 mata asas).[3] Peningkatan ini memberikan kesan yang minimum terhadap kos dana bank kerana pendanaan ringgit antara bank kekal sebagai bahagian yang kecil daripada keseluruhan campuran pendanaan sistem perbankan pada anggaran 2% daripada jumlah pendanaan. Pada masa hadapan, langkah-langkah berterusan oleh bank-bank untuk mempelbagaikan dan mengembangkan profil tempoh matang sumber pendanaan akan mengukuhkan lagi daya tahan bank terhadap kejutan pendanaan. Secara keseluruhan, purata kos dana meningkat sebanyak 10 mata asas antara bulan Jun hingga Disember 2023 kepada 2.95% (Rajah 2.5). Sebahagian besar peningkatan kos dana bank disebabkan oleh bahagian deposit tetap jangka panjang yang lebih tinggi, berikutan kesan daripada siri kenaikan OPR sebelum ini. Peningkatan kos dana bank tidak menyebabkan sebarang pengetatan syarat kredit yang ketara. Pemberian pinjaman oleh bank kepada isi rumah dan perniagaan terus berkembang pada kadar yang kukuh (+5.3%; Jun 2023: +4.4%) (Rajah 2.6). Kadar pinjaman purata berwajaran bagi perniagaan dan runcit baharu

[2] Tekanan aliran keluar yang dikenakan berbeza-beza mengikut bank bergantung pada volatiliti aliran keluar deposit dan komposisi deposit bank sebelum ini (pemastautin berbanding bukan pemastautin dan runcit berbanding korporat). Aliran keluar yang terhasil adalah sekurang-kurangnya 300% lebih tinggi daripada purata aliran keluar bulanan setiap bank sejak tahun 2016.

[3] Peningkatan antara akhir bulan Disember 2022 dan akhir bulan Disember 2023.

juga secara amnya kekal stabil (masing-masing +10 mata asas dan -9 mata asas dari bulan Jun hingga Disember 2023) berikutan persaingan sihat yang diperhatikan dalam kalangan bank-bank.

Rajah 2.5: Sistem Perbankan – Kos Deposit Purata, Kos Dana Purata dan OPR



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.6: Sistem Perbankan – Pertumbuhan Pinjaman Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko penularan daripada pendedahan bank kepada rakan niaga luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri bank-bank meningkat sebanyak RM9 bilion pada separuh kedua tahun 2023 kepada RM424.5 bilion (Rajah 2.7). Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh peminjaman antara bank dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency,*

Rajah 2.7: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen



Nota: Hutang luar negeri bank-bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC).

Sumber: Bank Negara Malaysia

FCY) yang digunakan oleh sesetengah bank untuk mendapatkan pendanaan ringgit melalui pengaturan swap FCY. Bergantung pada keadaan pasaran semasa, pengaturan pendanaan sedemikian boleh menjadi sumber pendanaan ringgit pada kos yang lebih rendah dibandingkan dengan peminjaman ringgit secara langsung daripada pasaran wang domestik. Pengaturan ini kekal kecil secara relatif sebagai sebahagian daripada jumlah pendanaan sistem perbankan, selaras dengan tahap kebergantungan terhadap hutang luar negeri untuk membiayai operasi ringgit yang rendah oleh bank-bank dalam masa yang pernah dicatatkan.

Risiko keseluruhan hutang luar negeri bank-bank kekal terhad. Sebahagian besar daripada jumlah dedahan hutang luar negeri sistem perbankan (78.6%; Jun 2023: 79.3%) adalah dengan rakan niaga yang berkaitan atau dalam bentuk hutang jangka panjang yang stabil, yang seterusnya mengehadkan risiko pelanjutan atau pengeluaran. Bank-bank mengekalkan penampan aset mudah tunai FCY yang besar dan cukup untuk menampung sehingga 2.4 kali (Jun 2023: 2.4 kali) daripada jumlah hutang luar negeri FCY berisiko[4] (Rajah 2.8).

Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing (*foreign exchange net open position,* FX NOP) bank-bank daripada operasi domestik kekal terurus pada 3.9% daripada jumlah modal bank-bank (Jun 2023: 3.7%;

[4] Hutang luar negeri berisiko bank-bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan, yang dianggap lebih terdedah pada kejutan pengeluaran secara mendadak

Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY



Nota: Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang (*unencumbered*) dan penempatan antara bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

purata 2020–22: 4.2%) (Rajah 2.9) dalam keadaan volatiliti pasaran pada tempoh tersebut. Kedudukan FX NOP yang konservatif ini mencerminkan kesanggupan mengambil risiko yang agak rendah oleh bank-bank untuk dedahan yang tidak dilindungi, seterusnya mengehadkan risiko mudah tunai FCY selanjutnya daripada pergerakan ringgit.

Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti aset bank-bank bertambah baik namun risiko pertumbuhan yang perlahan kekal wujud

Kualiti aset bank-bank terus bertambah baik pada suku kedua tahun 2023. Bahagian pinjaman yang dikelaskan di bawah Tahap 2 terus menurun kepada 7.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Rajah 2.10). Jumlah pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman[5] berkurang kepada 2.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Jun 2023: 2.5%) dalam keadaan keupayaan peminjam membayar balik pinjaman yang pulih dengan stabil. Permintaan baharu untuk penstrukturan dan penjadualan semula daripada peminjam

Rajah 2.10: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Tahap 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

yang menghadapi masalah kewangan kekal kecil pada 0.16% daripada jumlah pinjaman bank (Jun 2023: 0.1%). Nisbah pinjaman terjejas kasar juga menurun sedikit (1.6% daripada jumlah pinjaman; Jun 2023: 1.7%) (Rajah 2.11). Pada masa hadapan, bank-bank menjangkakan peningkatan pinjaman terjejas yang sederhana apabila program bantuan bayaran balik pinjaman disemak secara progresif. Tekanan kos yang berlarutan juga boleh mula membebankan keupayaan membayar balik hutang oleh segmen kecil peminjam. Potensi kerugian yang lebih tinggi dijangka kekal berada dalam lingkungan penampan peruntukan bank kerana majoriti peminjam menunjukkan peningkatan keupayaan membayar balik hutang mereka.

Selaras dengan peningkatan yang diperhatikan dalam keseluruhan aliran bayaran balik pinjaman, peruntukan bank menurun sebanyak 5.3% tahun ke tahun. Bank-bank terus menggunakan pertimbangan pengurusan (*management overlay*)[6] untuk mengambil kira ketidaktentuan dalam persekitaran operasi, khususnya bagi peminjam berisiko

[5] Merujuk semua jenis program bantuan bayaran balik pinjaman termasuk baki pinjaman di bawah bantuan yang dilanjutkan ketika COVID-19, pakej yang direka khas oleh bank serta penstrukturan dan penjadualan semula (*restructuring and rescheduling*, R&R).

[6] Pertimbangan pengurusan ialah peruntukan tambahan yang diketepikan selain peruntukan yang diperoleh daripada model ECL. Hal ini mencerminkan pelarasan untuk mengambil kira kekurangan atau ketidakpastian data yang tidak diambil kira secukupnya oleh model ECL.

Rajah 2.11: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

tinggi. Pertimbangan pengurusan sedemikian telah dikekalkan oleh bank-bank pada kira-kira 28% daripada model peruntukan jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss,* ECL) untuk pinjaman, yang secara amnya tidak berubah dari bulan Jun 2023. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman sistem perbankan (termasuk rizab pengawalseliaan) juga kekal pada paras tinggi 119% (Jun 2023: 118.6%) (Rajah 2.12) memandangkan bank-bank

Rajah 2.12: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman (Termasuk Rizab Pengawalseliaan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

terus berwaspada. Kos kredit tahunan kekal tinggi sedikit berbanding dengan paras sebelum pandemik tetapi telah menurun dengan ketara daripada paras tertinggi sebelumnya (Rajah 2.13).

Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pendapatan bank menjadi sederhana dalam keadaan margin faedah yang semakin kecil

Pendapatan bank merosot dari tahun ke tahun dan lebih rendah berbanding dengan separuh pertama tahun 2023 (Rajah 2.14). Walau bagaimanapun, keuntungan terus disokong oleh aktiviti pemberian pinjaman meskipun terdapat pemampatan dalam margin faedah yang berterusan disebabkan oleh kos pendanaan yang lebih tinggi. Terdapat peningkatan sedikit dalam pendapatan perdagangan dan pelaburan (ST2 2023: RM6.3 bilion; ST1 2023: RM6.1 bilion) yang memberikan sedikit sokongan terhadap keuntungan bank-bank. Hal ini sebahagiannya didorong oleh penurunan kadar hasil bon domestik pada separuh kedua tahun 2023. Walaupun pemegangan bon kerajaan oleh bank-bank meningkat sedikit (10.3% daripada jumlah aset sistem perbankan; Jun 2023: 10.1%), dedahan terhadap risiko kadar faedah kekal terurus.[7] Keadaan ini telah dibantu oleh strategi untuk mengurangkan

[7] Risiko kadar faedah dalam akaun perbankan (*interest rate risk in the banking book*, IRRBB) mencerminkan risiko semasa atau jangkaan risiko terhadap modal dan perolehan bank yang timbul daripada pergerakan negatif dalam kadar faedah yang menjejaskan kedudukan akaun perbankan. IRRBB diukur sebagai peratusan modal bank-bank (Disember 2023: 7.2%; Jun 2023: 7.4%).

Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung sebelum Cukai



Nota: 1. Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST2 2022 dan ST2 2023.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan Bank Tersenarai di Pasaran Saham Malaysia



Nota: Merujuk kepada median nisbah semua bank tersenarai di pasaran saham Malaysia.

Sumber: Bloomberg

tempoh (*duration*) berhubung dengan pemegangan bon kerajaan. Berikutan jangkaan kadar faedah yang telah mencapai paras tertinggi, bank-bank telah mula mengimbangi semula pegangan bon kerajaan masing-masing daripada kos terlunas (*amortised cost,* AC) kepada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income,* FVOCI). Potensi keuntungan penilaian semula dapat memberikan sokongan lanjut terhadap kedudukan modal bank sekiranya kadar hasil menurun pada masa hadapan.

Sejajar dengan perolehan bank yang rendah, pulangan aset dan ekuiti sistem perbankan menurun masing-masing kepada 1.2% dan 11.2% (Jun 2023: masing-masing pada 1.3% dan 11.6%). Penilaian pasaran bagi bank yang tersenarai seperti yang diukur oleh nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book,* P/B) dan nisbah harga kepada perolehan (*price-to-earnings,* P/E) kekal di bawah paras purata sebelum pandemik (Rajah 2.15). Keadaan ini mencerminkan keadaan kredit dan ekonomi semasa. Penurunan penilaian pasaran yang diperhatikan dalam kalangan bank-bank Malaysia yang tersenarai turut sejajar dengan negara-negara serantau.[8] Prospek ekonomi yang bertambah baik dalam tempoh akan datang, ditambah pula dengan kedudukan bank yang agak kukuh untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan akan memberikan sokongan yang berterusan terhadap keuntungan bank pada masa hadapan.[9]

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah jumlah modal sistem perbankan kekal kukuh (18.5%; Jun 2023: 18.8%), dengan penampan modal sebanyak RM142.6 bilion melebihi paras minimum pengawalseliaan (Rajah 2.16). Penampan ini terus mengekalkan keupayaan bank-bank untuk memenuhi keperluan kredit kepada ekonomi, dan juga menyerap kerugian yang tidak dijangka. Penampan modal yang besar juga telah membolehkan bank-bank untuk mengekalkan pembayaran dividen yang sebahagian besarnya telah kembali kepada nisbah pembayaran balik (*payout ratio*) sebelum pandemik bagi kebanyakan bank. Penampan modal bank-bank terus disokong oleh keuntungan penilaian semula daripada pegangan bon dalam akaun perbankan (*banking book*), yang didorong oleh penurunan kadar hasil bon domestik.

[8] Berdasarkan perbandingan penilaian indeks kewangan di Thailand, Indonesia, Hong Kong SAR dan tiga buah institusi kewangan terbesar di Singapura.

[9] Rujuk rencana mengenai 'Keuntungan Bank Malaysia – Trend Lalu dan Prospek Masa Hadapan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM Separuh Pertama 2019 untuk perbincangan lebih terperinci tentang arah aliran dan pemacu utama keuntungan bank di Malaysia.

Rajah 2.16: Sistem Perbankan - Permodalan



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekalan modal 2.5% serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko penularan daripada operasi luar negeri DBG kekal rendah

Keuntungan operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group,* DBG) menurun pada separuh kedua 2023 (Rajah 2.17). Penurunan keuntungan diperhatikan terutamanya dalam operasi di Thailand (9% daripada jumlah operasi luar negeri dari segi aset) (Rajah 2.18) mencerminkan kos kredit yang lebih tinggi yang didorong terutamanya oleh peminjam bukan runcit yang masih belum pulih daripada pandemik. Walaupun begitu, risiko limpahan kepada bank induk di Malaysia kekal terurus kerana operasi di Thailand hanya menyumbangkan sehingga 2% daripada jumlah aset yang disatukan DBG (keseluruhan jumlah operasi luar negeri menyumbangkan 22.6% daripada jumlah aset yang disatukan DBG). Sama seperti Malaysia, bahagian pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik dalam operasi luar negeri terus menurun (1.3% daripada jumlah pinjaman operasi luar negeri; Jun 2023: 1.7%), berikutan tamatnya program bantuan bayaran balik pinjaman berkaitan dengan pandemik di kebanyakan negara. Hapus kira beberapa pinjaman legasi di Hong Kong SAR, ditambah pula dengan peningkatan prestasi bayaran balik peminjam di Indonesia dan Singapura, turut menyumbang kepada peningkatan kualiti aset (Rajah 2.19).

Risiko mudah tunai dan pendanaan daripada operasi luar negeri DBG kekal terhad. Operasi luar negeri yang utama terus dibiayai terutamanya oleh deposit pelanggan yang stabil (Rajah 2.20). Tahap modal yang dikekalkan di operasi luar negeri DBG kekal kukuh (purata nisbah jumlah modal pada bulan Disember 2023: 20.7%, Jun 2023: 20.5%), lantas menyediakan penampan yang kukuh untuk menyerap kerugian yang tidak dijangka tanpa bergantung pada sokongan daripada syarikat induk.

Rajah 2.17: Sistem Perbankan – Pulangan atas Ekuiti Operasi Luar Negeri Mengikut Negara



Nota: 1. Purata pulangan atas ekuiti keseluruhan diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.
2. Purata pulangan atas ekuiti diberikan wajaran berdasarkan saiz operasi luar negeri setiap kumpulan perbankan domestik mengikut negara.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.18: Sistem Perbankan – Profil Aset Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.19: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar Operasi Luar Negeri



Nota: Purata nisbah pinjaman terjejas kasar diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.20: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank Digital: Tumpuan Penyeliaan Meliputi Risiko Utama

Tiga buah bank digital yang dilesenkan baru-baru ini telah lulus penilaian kesediaan operasi dan memasuki fasa asas[10] operasi mereka. Dalam tempoh ini, bank-bank digital dijangka melaksanakan strategi yang serasi dengan daya maju jangka panjang dan melaksanakan pelaburan dalam keupayaan pengurusan risiko yang kukuh secara progresif. Aktiviti penyeliaan BNM terhadap bank-bank digital adalah berasaskan prinsip kesetaraan. Pemeriksaan penyeliaan awal mengutamakan kemajuan bank digital dalam memenuhi keperluan berhemat untuk 'lulus' dari fasa asas. Ketelitian dalam penyeliaan ditingkatkan apabila skop aktiviti perniagaan berkembang seiring dengan jangkaan terhadap amalan pengurusan risiko yang juga meningkat. Pendekatan penyeliaan ini membolehkan bank-bank digital menstabilkan model perniagaan mereka dan membina kemampanan kewangan semasa fasa asas. Pendekatan ini juga menjangkakan dan menyasarkan untuk memudahkan prospek yang mungkin perlu dilakukan oleh bank digital untuk memperhalus strategi mereka bagi mencapai objektif dasar BNM iaitu rangkuman dan inovasi kewangan.

Tumpuan dan jangkaan penyeliaan BNM dimaklumkan melalui penilaian terhadap risiko utama dalam operasi bank digital. Antaranya, peningkatan kes penipuan kewangan yang melibatkan aplikasi perbankan mudah alih, ditambah pula dengan penyertaan pelanggan secara digital sepenuhnya tanpa bersemuka memerlukan bank digital memiliki kawalan elektronik Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (electronic Know-Your-Customer, eKYC) yang kukuh untuk mencegah aktiviti jenayah. Ciri biasa dalam persediaan bank digital ialah penyumberan luar infrastruktur dan keupayaan utama kepada penyedia perkhidmatan awan dan perisian-sebagai-perkhidmatan (*software-as-a-service*, SaaS). Kebergantungan yang sangat tinggi pada penyedia perkhidmatan luaran sedemikian boleh meningkatkan kelemahan bank digital terhadap kegagalan operasi penyedia ini. Hal ini mungkin menimbulkan risiko sistemik kerana beberapa bank bergantung pada penyedia perkhidmatan yang sama untuk infrastruktur utama mereka. Oleh yang demikian, penelitian penyeliaan tertumpu pada tadbir urus bank digital dan amalan pengurusan risiko (termasuk keupayaan untuk memulihkan fungsi perniagaan yang amat penting) untuk memastikan pengaturan penyumberan luar ini tidak mewujudkan sumber kelemahan yang berlebihan pada operasi yang sedang berjalan. Tumpuan juga diberikan terhadap kawalan yang ada untuk membimbing penggunaan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) atau model pembelajaran mesin dalam kes penggunaan seperti kelulusan kredit untuk memastikan kawalan tersebut sesuai untuk tujuannya.

[10] Fasa asas adalah untuk tempoh tiga hingga lima tahun. Ketika tempoh ini, had aset sebanyak RM3 bilion dan keperluan pengawalseliaan yang dipermudahkan terpakai. Rujuk dokumen dasar Rangka Kerja Pelesenan untuk Bank Digital yang dikeluarkan pada 31 Disember 2023 untuk butiran perinci.

Bank-bank digital mungkin menghadapi risiko tambahan yang timbul daripada penggunaan eksklusif saluran digital oleh pelanggan untuk melakukan transaksi perbankan. Disebabkan oleh penggunaan saluran digital ini, perhatian khusus perlu diberikan kepada kesan negatif media sosial terhadap risiko reputasi boleh mengakibatkan pengeluaran deposit yang mendadak dan mengejut. Disebabkan bank-bank digital tidak mempunyai cawangan fizikal, terdapat juga keperluan untuk mengurangkan risiko operasi dalam pelbagai senario sekiranya berlaku sebarang gangguan terhadap infrastruktur digital. Oleh yang demikian, tumpuan penyeliaan juga diberikan terhadap keupayaan bank-bank digital untuk menguruskan risiko teknologi dan operasi dengan berkesan, termasuk memastikan terdapatnya kesinambungan perniagaan dan pelan pemulihan bencana yang teguh untuk mengekalkan ketersediaan perkhidmatan perbankan kepada pelanggan secara berterusan.

SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Keuntungan agregat dana insurans dan takaful berkurang berikutan kerugian pengunderaitan bersih yang lebih besar, tetapi disokong oleh prestasi pelaburan

Keuntungan keseluruhan dana insurans dan takaful lebih rendah pada separuh kedua tahun 2023 berbanding dengan separuh pertama tahun itu. Hal ini sebahagian besarnya didorong oleh kerugian pengunderaitan bersih yang lebih besar bagi dana insurans hayat dan takaful keluarga berikutan peningkatan pembayaran tuntutan perubatan yang berterusan. Kesannya, keuntungan dana insurans hayat dan takaful keluarga, seperti yang diukur oleh lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan, merosot kepada RM3.1 bilion (ST1 2023: RM6 bilion) (Rajah 2.21).

Pendapatan pengunderaitan dana insurans hayat dan takaful keluarga terus terjejas oleh bayaran manfaat perubatan yang lebih tinggi (ST2 2023: RM5.3 bilion; ST1 2023: RM4.7 bilion; ST2 2022: RM4.3 bilion). Penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) mencatatkan purata kos dan kadar insiden yang lebih tinggi untuk rawatan perubatan berbanding dengan tempoh sebelum pandemik, menyebabkan tuntutan yang lebih tinggi daripada jangkaan. Walaupun ITO telah memulakan usaha penetapan semula harga,[11] kesan perubahan ini terhadap margin pengunderaitan akan mengambil masa untuk berlaku kerana pelarasan harga hanya dibuat pada ulang tahun polisi. Bagi meneruskan kemampuan memiliki polisi dan hasil yang adil bagi pemegang polisi, ITO terus membahagikan kenaikan premium[12] kepada tempoh yang lebih lama atau memilih kitaran penetapan semula harga yang lebih pendek dengan kuantum pelarasan yang lebih kecil. Pendapatan pengunderaitan juga terjejas oleh penurunan jangka panjang bagi perniagaan insurans sertaan,[13] iaitu pembayaran berkaitan polisi insurans sertaan telah mengatasi pendapatan premium bersih. Hal ini mencerminkan peralihan dalam premium perniagaan baharu daripada polisi insurans sertaan kepada polisi berkaitan pelaburan dari masa ke masa. Sehubungan dengan itu, bahagian premium bersih bagi perniagaan sertaan menurun dengan ketara kepada 16% daripada jumlah pendapatan premium bersih (ST2 2022: 17%; purata setengah tahun 2015–19: 35%). Meskipun menghadapi trend ini, penanggung insurans telah menguntukkan rizab yang mencukupi untuk membiayai bayaran manfaat. Penanggung insurans juga dikehendaki mengambil langkah awal yang bersesuaian dalam menguruskan dana hayat sertaan yang kecil dan kian menyusut demi melindungi kepentingan pemegang polisi.

Pertumbuhan yang mampan dalam jumlah premium perniagaan baharu terus memberikan sokongan terhadap pendapatan keseluruhan. Setelah mengambil kira kesan bermusim, premium perniagaan baharu meningkat sebanyak 6.8% pada separuh kedua tahun 2023 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2022, disokong terutamanya oleh segmen berkaitan pelaburan dan segmen bukan sertaan (Rajah 2.22). Pertumbuhan dalam segmen-segmen ini didorong terutamanya oleh jualan yang lebih tinggi melalui saluran bankasurans serta pelancaran produk insurans dan takaful baharu secara berterusan dalam tempoh tersebut.

Rajah 2.21: Dana Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan



Nota: 1. Data tidak termasuk dana unit berkaitan pelaburan.
2. Pendapatan pengunderaitan bersih merujuk lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[11] Rujuk rencana mengenai 'Menilai Kesan Penangguhan bagi Penetapan Semula Harga Pelan Perubatan ke atas Penanggung Insurans Hayat dan Pengendali Takaful Keluarga' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Pertama Tahun 2021 untuk maklumat lanjut.

[12] Merujuk premium insurans dan sumbangan takaful, melainkan dinyatakan sebaliknya.

[13] Polisi hayat sertaan memberikan peluang kepada pemegang polisi untuk mengambil bahagian dalam keuntungan dana insurans, di samping menerima manfaat yang dijamin. Keuntungan boleh diagihkan dalam bentuk bonus tunai dan/atau dividen yang tidak dijamin secara tetap dan/atau selepas penamatan, seperti yang ditentukan oleh penanggung insurans.

Rajah 2.22: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pendapatan pelaburan yang mampan pada separuh kedua tahun 2023 yang disokong selanjutnya oleh peningkatan dalam prestasi ekuiti turut memberikan sokongan kepada keuntungan dana insurans hayat dan takaful keluarga. Bagi tahun 2023 secara keseluruhan, lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan meningkat kepada RM9.1 bilion (2022: RM2.6 bilion).

Bagi dana insurans dan takaful am, keuntungan operasi bertambah baik berbanding separuh pertama tahun 2023 (ST2 2023: RM1.9 bilion; ST1 2023: RM1.3 bilion) (Rajah 2.23). Peningkatan dalam keuntungan operasi disumbangkan terutamanya oleh keuntungan pengunderaitan bersih yang lebih tinggi, sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan premium yang lebih tinggi dalam segmen motor berikutan penetapan harga berasaskan risiko yang terus bertambah baik (Rajah 2.24). Peningkatan ini sepadan dengan jualan kereta yang lebih tinggi disebabkan kempen promosi

Rajah 2.23: Dana Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.24: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

serta pelancaran model baharu, termasuk kenderaan elektrik, dalam tempoh tersebut. Keuntungan pengunderaitan yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2023 juga disokong oleh ketiadaan tuntutan besar daripada kejadian banjir dan kebakaran dalam tempoh itu berbanding separuh pertama tahun 2023 (lihat rencana mengenai 'Banjir dan Kewangan: Membina Daya Tahan Perniagaan di Malaysia' untuk maklumat lanjut mengenai risiko banjir di Malaysia).

Sama seperti dana insurans hayat dan takaful keluarga, pendapatan pelaburan yang mampan memberikan sokongan selanjutnya kepada keuntungan operasi dana insurans dan takaful am untuk tahun 2023 secara keseluruhan. Hal ini menghasilkan sedikit peningkatan dalam keuntungan operasi tahunan berbanding tahun sebelumnya (2023: RM3.2 bilion; 2022: RM3.1 bilion).

Nisbah kecukupan modal agregat bagi industri kekal kukuh pada 222.2% (Jun 2023: 226.4%), jauh melebihi kadar minimum pengawalseliaan pada 130% (Rajah 2.25). Penampan modal agregat yang melebihi keperluan pengawalseliaan juga kekal kukuh pada RM38.6 bilion (Jun 2023: RM38.9 bilion).

Pada tahun 2024, keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu akan kekal menjadi risiko tekanan kepada ITO, memandangkan pegangan pelaburan bon dan ekuiti mereka yang besar. Tekanan kos berterusan yang berpunca daripada inflasi dalam tuntutan motor dan perubatan dijangka berlanjutan berikutan penyesuaian kadar premium insurans yang dilaksanakan secara beransur-ansur bagi mengekalkan kemampuan membeli

Rajah 2.25: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

insurans (rujuk bab bertajuk 'Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif' dalam Laporan Tahunan BNM 2023). BNM akan terus memantau rapi liberalisasi tarif secara berperingkat yang sedang dilaksanakan dalam segmen motor dan kebakaran. Pemantauan ini adalah untuk memastikan fleksibiliti penetapan harga sejajar dengan had liberalisasi berperingkat yang diperluas, serta mengelakkan gangguan pasaran yang boleh menghalang akses kepada perlindungan insurans dan takaful atau memberikan kesan yang tidak seimbang kepada segmen populasi yang dilindungi.

Dalam pasaran insurans semula, meskipun kadar terus meningkat dan syarat menjadi semakin ketat, pelarasan berlaku pada tahap yang lebih rendah setelah pasaran insurans semula membuat penyesuaian kepada persekitaran risiko semasa. Pelarasan yang lebih signifikan terus terbatas kepada segmen perniagaan yang merugikan. Oleh itu, kesan terhadap keuntungan keseluruhan masih dapat diuruskan, dengan sedikit kenaikan kos perlindungan yang ditanggung oleh isi rumah dan perniagaan bagi selain segmen yang merugikan ini. Pada masa hadapan, kejadian iklim yang lebih kerap dan teruk, terutamanya banjir, akan terus menjejaskan prestasi ITO am dalam jangka pendek. Walau bagaimanapun, dalam jangka yang lebih panjang, risiko ini berkemungkinan akan meningkatkan permintaan terhadap perlindungan insurans sebagai satu bentuk pengurusan risiko kewangan. Pendekatan yang mantap dalam menguruskan risiko berkaitan iklim akan menjadi penting, di samping modal serta pengaturan insurans semula yang kukuh bagi memastikan ITO kekal berdaya tahan terhadap risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Ujian tekanan makro yang dijalankan oleh BNM baru-baru ini, yang menggabungkan risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan ini, menunjukkan bahawa sektor insurans kekal berdaya tahan terhadap kejutan yang mungkin berlaku dalam senario buruk (rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' untuk maklumat lanjut).

MENILAI DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN

Sebagai sebahagian daripada rangka kerja kestabilan kewangan BNM untuk menilai dan mengurangkan risiko, BNM menjalankan ujian tekanan kesolvenan makro berbilang tahun, menggunakan pendekatan dari atas ke bawah (*top-down*) setiap tahun untuk menilai kemungkinan impak kejutan makroekonomi yang teruk dan tekanan kewangan yang terhasil pada setiap bank dan penanggung insurans serta sistem kewangan yang lebih meluas. Ujian tekanan kesolvenan makro yang terkini telah dijalankan pada awal tahun 2024 meliputi tempoh tiga tahun sehingga akhir tahun 2026. Dua senario buruk hipotetikal yang menampilkan dua laluan penguncupan atau kelembapan ekonomi yang berbeza digunakan di bawah ujian tekanan untuk menilai daya tahan institusi kewangan. Andaian senario buruk ini tidak menggambarkan unjuran ekonomi sebenar BNM tetapi direka untuk menilai keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan yang sangat teruk.

Senario buruk pertama (SB1) direka untuk menguji daya tahan institusi kewangan terhadap kejutan keadaan ekonomi yang sementara tetapi mendalam. SB1 mengandaikan penguncupan kegiatan ekonomi yang ketara dalam negeri pada tahun 2024 disusuli oleh pemulihan yang pantas pada tahun 2025 dan KDNK kembali pada paras yang wajar selepas itu. Sementara itu, senario buruk kedua (SB2) menilai keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi persekitaran operasi yang mencabar secara berterusan dalam tempoh yang panjang. Berbanding dengan SB1, SB2 mengandaikan penguncupan ekonomi yang lebih sederhana tetapi lebih panjang dengan KDNK mencatatkan pertumbuhan negatif pada tahun 2024 dan 2025 sebelum memulakan pemulihan yang lembap pada tahun 2026. Di bawah kedua-dua persekitaran simulasi ini, pertumbuhan KDNK diandaikan berada antara kadar yang dicatatkan semasa Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC) dan Krisis Kewangan Global (Jadual 2.1).

Di bawah SB1 dan SB2, ekonomi-ekonomi utama diandaikan mengekalkan persekitaran kadar dasar yang lebih tinggi untuk tempoh yang lebih panjang dalam keadaan tekanan inflasi yang tinggi. Andaian ini, bersama-sama dengan keadaan kewangan global yang lebih ketat telah mengakibatkan aliran keluar portfolio yang besar dan tidak menentu daripada ekonomi pasaran sedang pesat membangun. Kadar hasil bon diandaikan meningkat dengan ketara sehingga dua kali peningkatan yang dicatatkan semasa AFC. Nilai ringgit menurun berbanding dengan dolar AS ke tahap terendah dalam sejarah bagi kedua-dua senario, dengan pelarasan yang lebih ketara pada tahun 2024 di bawah SB1. FBM KLCI kehilangan kira-kira satu pertiga daripada nilainya di bawah kedua-dua senario dengan pemulihan yang mendadak diperhatikan dari tahun 2025 dan seterusnya di bawah SB1 manakala pemulihan kekal lembap di bawah SB2. Inflasi keseluruhan diandaikan kekal tinggi, lantas menyebabkan kenaikan OPR dalam kedua-dua senario walaupun pertumbuhan ekonomi yang lemah. SB1 menyaksikan peningkatan OPR yang lebih ketara pada separuh pertama tahun 2024, manakala SB2 mengalami siri kenaikan kadar secara beransur-ansur namun berpanjangan sepanjang tahun 2024. Semua kenaikan kadar diandaikan berlaku pada tahun pertama tekanan dan dikekalkan sepanjang dua tahun yang berikutnya. Sama seperti ujian tekanan yang terdahulu,[14] ujian tekanan terkini mengutamakan elemen konservatif dalam andaiannya daripada senario makroekonomi yang koheren supaya

Jadual 2.1: Ujian Tekanan Makro – Andaian Utama dan Parameter Kejutan Diamalkan di Bawah Senario Buruk yang Diandaikan

Andaian Utama	SB1	SB2
Pertumbuhan KDNK tahunan	Sehingga -6.0%	Sehingga -3.5%
Kadar pengangguran tahunan	Sehingga 5.4%	Sehingga 6.0%
Kejutan risiko pasaran - Peningkatan hasil bon MGS 10 tahun - Peningkatan hasil bon korporat AAA 10 tahun - Penurunan FBM KLCI	 Sehingga 296 mata asas Sehingga 422 mata asas Sehingga 32%	 Sehingga 266 mata asas Sehingga 369 mata asas Sehingga 31%
Kenaikan OPR[(i)]	Sehingga 100 mata asas	Sehingga 100 mata asas
Penurunan nilai MYR berbanding USD	Sehingga 31%	Sehingga 22%

Nota: [(i)] Andaian kenaikan OPR, dalam keadaan tertentu, mungkin tidak selaras dengan senario makroekonomi yang lebih luas tetapi diandaikan oleh reka bentuk untuk mengambil kira potensi risiko penurunan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[14] Rujuk ujian tekanan kesolvenan makro yang diterbitkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Kedua 2022.

potensi kesan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan dapat diukur.[15] Ujian tekanan mengandaikan penguncupan yang ketara dalam KDNK, bersama-sama dengan kadar pengangguran yang tinggi. Keadaan ini kemudiannya diburukkan lagi dengan beberapa siri kenaikan OPR dan bukannya pengurangan kadar yang boleh memberikan sokongan terhadap ekonomi. OPR yang lebih tinggi diandaikan memberi kesan buruk terhadap keupayaan peminjam untuk membayar hutang tetapi tidak mempunyai kesan positif terhadap keuntungan bank-bank. Apabila perlu, pertimbangan tambahan berdasarkan perkembangan khusus syarikat diambil kira dalam penilaian potensi pinjaman terjejas untuk peminjam syarikat bukan PKS besar terpilih. Seterusnya, peminjam bukan PKS yang gagal dalam simulasi diandaikan akan mencetuskan mungkir silang di keseluruhan kumpulan perniagaan, walaupun anak syarikat lain mungkin kukuh dari segi kewangan. Peminjam isi rumah yang mungkir juga diandaikan akan mungkir silang atas semua pinjaman mereka. Bank-bank juga tidak membuat pembalikan (*reversal*) dalam klasifikasi penetapan tahap pinjaman walaupun keupayaan membayar balik hutang peminjam mungkir bertambah baik. Sama seperti ujian tekanan yang terdahulu, ujian tekanan terkini mengandaikan bahawa tiada bantuan bayaran balik pinjaman atau langkah sokongan dasar disediakan untuk peminjam. Ujian tekanan ini juga merangkumi anggaran kerugian daripada operasi luar negeri yang ketara bagi kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, DBG).

Keputusan ujian tekanan terus mengesahkan daya tahan institusi kewangan walaupun di bawah simulasi kejutan yang teruk

Meskipun kejutan makroekonomi dan kewangan yang digunakan dalam ujian tekanan kesolvenan makro 2024 secara amnya serupa dengan yang digunakan dalam ujian tekanan 2023, semakan telah dibuat pada beberapa parameter, bersama-sama dengan elemen lebih konservatif yang dimasukkan dalam pertimbangan tambahan bagi mengukur risiko tambahan pertumbuhan yang lebih perlahan.

Sepanjang tiga tahun tempoh ujian tekanan, sistem perbankan dijangka mengalami kerugian besar terutamanya daripada risiko kredit dan penilaian semula sekuriti yang dipegang dalam portfolio FVOCI. Kos kredit terkumpul dianggarkan sebanyak RM63.1 bilion dan RM70.8 bilion masing-masing di bawah SB1 dan SB2 (atau 53% dan 57% daripada jumlah kerugian) (Rajah 2.26).

Rajah 2.26: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Kerugian Kredit Kumulatif di Bawah Senario Buruk 2



u Unjuran

Nota: 1. (...) merujuk % daripada kos kredit kumulatif keseluruhan.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[15] Untuk butiran lanjut mengenai metodologi ujian tekanan, rujuk rencana bertajuk 'Ciri Utama Simulasi Kesolvenan Makro yang Ditambah Baik untuk Bank-bank', 'Pengunjuran Pinjaman Terjejas Perniagaan: Pendekatan Serampang Dua Mata' dan 'Meramal Masa Mungkir Isi Rumah' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Pertama 2020.

Kerugian daripada operasi luar negeri DBG mencakupi kurang 20% daripada kos kredit kumulatif, berpunca terutamanya daripada kemungkiran syarikat bukan PKS besar. Sementara itu, kejutan kadar hasil ujian tekanan dijangka menyebabkan kerugian penilaian semula yang besar bagi bon dalam portfolio FVOCI (masing-masing RM54.7 bilion atau 45% dan RM51.7 bilion atau 41% daripada jumlah kerugian di bawah SB1 dan SB2), secara langsung mengurangkan penampan modal sistem perbankan (Rajah 2.27). Sebaliknya, kerugian risiko pasaran yang dikaitkan dengan akaun dagangan bank-bank adalah minimum, mencakupi hanya kira-kira 2% jumlah kerugian. Kerugian daripada pergerakan pertukaran asing juga kekal terhad di bawah kedua-dua senario (SB1: 0.2% daripada jumlah kerugian; SB2: 0.1%) disebabkan oleh kedudukan terbuka bersih bank-bank yang agak kecil.

Menjelang akhir tempoh tekanan pada tahun 2026, pinjaman terjejas keseluruhan dijangka meningkat kepada 7.8% dan 8.6% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan masing-masing di bawah SB1 dan SB2, didorong terutamanya oleh pinjaman terjejas isi rumah (Rajah 2.28). Di bawah SB1 dan SB2, peminjam isi rumah yang berpendapatan kurang RM5,000 sebulan mencakupi bahagian terbesar (64%) daripada peminjam yang berisiko mungkir memandangkan penampan kewangan mereka yang lebih rendah (Rajah 2.29). Walau bagaimanapun, dari segi nilai, peminjam ini membentuk bahagian yang lebih kecil (41%) daripada pinjaman terjejas baharu, mencerminkan jumlah pinjaman yang lebih rendah berbanding dengan kumpulan berpendapatan tinggi. Peminjam berpendapatan antara RM5,000 hingga RM10,000 sebulan juga kekal mudah terjejas kepada kemelesetan ekonomi memandangkan keberhutangan mereka yang agak tinggi berbanding dengan kumpulan pendapatan lain. Mereka membentuk sehingga 30% daripada peminjam yang berisiko mungkir dan 43% daripada pinjaman terjejas baharu mengikut nilai. Sementara itu, 61% daripada unjuran peningkatan dalam pinjaman terjejas perniagaan di bawah SB2 disebabkan oleh bukan PKS. Sebahagian besar peningkatan tersebut adalah daripada kumpulan peminjam yang sudah berada dalam kedudukan kewangan yang lemah. PKS mencakupi baki 39% pinjaman terjejas perniagaan dengan unjuran kemungkiran yang lebih tinggi di bawah SB2 (1.6% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan; SB1: 1.2%). Hal ini telah dijangka memandangkan penampan kewangan terhad PKS yang terhakis dalam keadaan kemelesetan

Rajah 2.27: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Kerugian Utama di Bawah Senario Buruk 2



Risiko pasaran Risiko kredit

Nota: Risiko pasaran termasuk kerugian penilaian semula daripada pemegangan bon dalam portfolio nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*, FVOCI).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.28: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



Isi rumah (SB2) PKS (SB2) Bukan PKS (SB2)

Keseluruhan (SB1) Keseluruhan (SB2)

u Unjuran

Nota: Angka-angka pinjaman terjejas termasuk dedahan daripada operasi luar negara DBG terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.29: Ujian Tekanan Makro: Sektor Isi Rumah – Profil Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 2



Pendapatan Bulanan (RM '000)

<3 3-5 5-10 >10

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.30: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Modal di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



u Unjuran

Sumber: Bank Negara Malaysia

ekonomi yang berpanjangan, lantas menyebabkan lebih banyak kemungkiran di bawah SB2.

Di bawah ujian kejutan tekanan yang teruk, keuntungan sistem perbankan agregat akan menurun dengan mendadak pada tahun awal tekanan, didorong terutamanya oleh peningkatan kos kredit. Pendapatan faedah bersih juga akan menurun secara mendadak berikutan peningkatan kos pendanaan tanpa keuntungan pendapatan faedah sepadan yang diandaikan daripada kenaikan OPR. Walau bagaimanapun, pendapatan faedah bersih dijangka pulih secara beransur-ansur pada tahun-tahun berikutnya, lantas mendorong pemulihan dalam keuntungan serta penampan modal. Kerugian yang ditanggung daripada operasi luar negeri, walaupun ketara bagi DBG yang besar, dijangka tidak menimbulkan risiko besar kepada daya tahan keseluruhan DBG disebabkan oleh penampan modal kukuh yang dipegang oleh entiti luar negeri masing-masing.

Secara keseluruhannya, nisbah modal sistem perbankan akan kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan di bawah kedua-dua senario (Rajah 2.30). Walau bagaimanapun, tiga bank[16] tidak akan mematuhi paras minumum keperluan modal pengawalseliaan. Bank-bank ini, yang mencakupi kurang 2% daripada jumlah aset sistem perbankan, mempunyai ciri-ciri yang sama, iaitu keuntungan dan pendapatan faedah bersih yang lebih lemah serta pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi. Hal ini mendorong kepada tahap leveraj yang lebih tinggi pada permulaan ujian tekanan (Rajah 2.31).

Rajah 2.31: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Ciri-ciri Umum Bank-bank Gagal dalam Kedudukan Pra-Tekanan (2023)



Nota: 1. Bank-bank gagal merujuk bank yang akan melanggar keperluan modal pengawalseliaan minimum dalam senario ujian tekanan.
2. Nilai rajah diseragamkan menggunakan skor-z, iaitu nilai yang lebih besar pada paksi tertentu menandakan risiko yang lebih tinggi mengikut ciri tersebut.
3. 'Nisbah leveraj Tier 1' merujuk kepada modal Tier 1 dibahagikan dengan jumlah aset.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Untuk menguji selanjutnya daya tahan bank-bank, kejutan mudah tunai tambahan[17] telah dikenakan kepada bank-bank yang mengalami kerugian berterusan[18] atau yang

[16] Merujuk kumpulan perbankan atau bank tunggal jika bukan milik kumpulan perbankan yang lebih besar, mengikut mana-mana yang berkenaan.

[17] Aliran keluar tertekan yang digunakan adalah berbeza mengikut bank bergantung pada volatiliti aliran keluar deposit sejarah bank dan komposisi deposit (pemastautin berbanding bukan pemastautin dan runcit berbanding dengan syarikat korporat). Aliran keluar yang terhasil sekurang-kurangnya 300% lebih tinggi daripada aliran keluar purata bulanan setiap bank sejak tahun 2016.

[18] Merujuk bank-bank yang mengalami kerugian sekurang-kurangnya dua suku tahun berturut-turut, atau sekurang-kurangnya dua tahun kerugian tahunan.

mempunyai nisbah modal merosot di bawah paras minimum pengawalseliaan. Semua bank mengekalkan HQLA yang mencukupi untuk memenuhi permintaan aliran tunai yang meningkat, dengan sembilan bank merekodkan LCR di bawah 100% berikutan pelupusan HQLA mereka.

Apabila digabungkan, ujian tekanan kesolvenan dan mudah tunai terus menunjukkan bahawa bank-bank kekal memiliki daya tahan yang tinggi untuk menghadapi kejutan makroekonomi, kewangan dan mudah tunai yang teruk.

Ujian tekanan kesolvenan makro untuk penanggung insurans juga menggabungkan senario SB1 dan SB2 yang sama, dengan andaian tambahan khusus untuk insurans (Jadual 2.2). Di bawah kedua-dua senario, sektor insurans dinilai akan mengekalkan nisbah kecukupan modal agregat melebihi keperluan minimum pengawalseliaan (Rajah 2.32). Risiko pasaran kekal sebagai pendorong kerugian utama bagi penanggung insurans hayat dan am (Rajah 2.33), berikutan hasil bon yang meningkat dan pasaran ekuiti yang lemah memberikan kesan terhadap pemegangan aset kewangan mereka yang signifikan. Walau bagaimanapun, hasil penilaian semula liabiliti yang menurun disebabkan oleh peningkatan dalam kadar hasil bon dijangka sebahagiannya dapat mengurangkan kesan ke atas nisbah kecukupan modal untuk penanggung insurans hayat. Pendapatan pengunderaitan yang mampan daripada premium perniagaan baharu terus menyokong nisbah kecukupan modal meskipun pembayaran insurans perubatan dan kesihatan yang diandaikan lebih tinggi. Bagi penanggung insurans am, pendapatan premium yang lebih rendah dalam keadaan persaingan yang semakin sengit serta tuntutan yang lebih tinggi daripada segmen motor dan kebakaran turut menyumbang kepada penurunan nisbah kecukupan modal. Dua penanggung insurans, yang mencakupi kurang 3% daripada jumlah aset insurans, diunjurkan tidak akan mematuhi paras minimum pengawalseliaan selepas kejutan. Ujian tekanan kesolvenan makro insurans ditambah dengan penilaian mudah tunai untuk menilai keupayaan penanggung insurans memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek di bawah keadaan tertekan yang timbul daripada peningkatan pembayaran berkaitan perubatan, serahan dan tuntutan motor serta kebakaran yang lebih tinggi termasuk tuntutan yang berpunca daripada insiden banjir. Penilaian mudah tunai mengesahkan bahawa penanggung insurans mempunyai aset mudah tunai yang mencukupi dan mampu memenuhi obligasi ini.

Jadual 2.2: Ujian Tekanan Makro – Andaian Tambahan Untuk Ujian Tekanan Insurans

Tuntutan polisi insurans perubatan dan kesihatan	Bayaran tuntutan yang tinggi daripada polisi insurans perubatan dan kesihatan didorong oleh peningkatan jumlah dan kekerapan tuntutan.
Premium insurans am	Kadar premium yang lebih rendah disebabkan oleh persaingan yang lebih sengit dalam segmen motor dan kebakaran serta pengerasan pasaran insurans semula disebabkan oleh kapasiti insurans semula global yang lebih rendah.
Tuntutan insurans am	Tuntutan insurans am yang tinggi disebabkan oleh peningkatan kos bahagian ganti motor akibat gangguan bekalan dan peningkatan kos import, berserta peristiwa banjir yang ketara pada setiap akhir tahun.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.32: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans – Nisbah Kecukupan Modal (CAR) di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.33: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans – Punca Kerugian di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kepentingan Memperkukuh Pengawalan dan Penyeliaan Risiko Mudah Tunai di Malaysia

Krisis Silicon Valley Bank (SVB)

Krisis kewangan global yang berlaku antara tahun 2007–09 menyaksikan pembaharuan pada pengawalseliaan peringkat global bagi menambah baik keupayaan sektor perbankan untuk menyerap kejutan kewangan dan ekonomi. Antaranya ialah pelaksanaan Basel III yang terdiri daripada rangka kerja untuk memperkukuh piawaian modal dan mudah tunai global. Kualiti serta tahap modal dan mudah tunai yang lebih tinggi yang dipegang oleh institusi perbankan telah membantu memastikan sistem perbankan terus berdaya tahan terhadap pelbagai kejutan kewangan dan ekonomi, termasuk pandemik COVID-19.

Namun begitu, kegagalan sebilangan bank di beberapa ekonomi maju pada awal tahun 2023 telah mencetuskan apa yang dianggap sebagai tekanan yang paling ketara ke atas keseluruhan sistem perbankan, dari segi skala dan skop semenjak krisis kewangan global.[1] Satu contoh bank yang gagal pada bulan Mac 2023 ialah SVB yang mengalami aliran keluar deposit secara mendadak[2] dalam masa yang singkat, lantas menjurus kepada kegagalannya.

Beberapa pemerhati menegaskan bahawa meskipun kegagalan SVB dicetuskan oleh keadaan makroekonomi yang berubah dengan pantas, kerapuhan SVB berpunca daripada kelemahan terasnya dalam pengurusan risiko mudah tunai (diringkaskan dalam Gambar Rajah 1).

Kegagalan SVB juga mendedahkan bagaimana dinamik mudah tunai telah berubah seiring dengan pendigitalan kewangan, lantas meningkatkan cabaran pengurusan mudah tunai bagi institusi perbankan. Pertama, penggunaan perbankan dalam talian dan mudah alih serta pembayaran segera yang semakin meluas bukan sahaja memudahkan tetapi juga membolehkan pelanggan memindahkan dana mereka masuk dan keluar dari mana-mana bank. Kedua, penyebaran maklumat yang pantas dan meluas melalui penggunaan media sosial telah meningkatkan sensitiviti institusi perbankan terhadap risiko reputasi dan peralihan sentimen orang ramai, terutamanya apabila melalui suasana yang tidak menentu. Faktor-faktor ini meningkatkan lagi kepantasan dan magnitud pengeluaran wang dari bank (*bank run*), sekali gus menambahkan kesukaran institusi perbankan mengurus risiko mudah tunai.

[1] Basel Committee on Banking Supervision, 2023.
[2] Pengeluaran deposit tertinggi adalah pada 9 Mac 2023. Pada hari tersebut sahaja, aliran keluar deposit berjumlah USD42 bilion. SVB seterusnya diletakkan di bawah penerimaan (*receivership*) pada 10 Mac 2023 yang menyebabkan pengeluaran deposit digantung buat sementara waktu. Sekiranya SVB terus dibuka, dianggarkan bank tersebut akan mengalami aliran keluar deposit sebanyak USD100 bilion lagi pada hari tersebut, di mana jumlah keseluruhan pengeluaran mencapai sebanyak 85% daripada depositnya.

Gambar Rajah 1: Kelemahan Utama Dalam Mekanisme Mudah Tunai SVB yang Mempercepatkan Kegagalannya



Sumber: Board of Governors of the Federal Reserve System

Tindak balas pengawalan dan penyeliaan global

Kesan daripada krisis perbankan akibat kegagalan SVB dan beberapa bank lain pada tahun 2023 secara relatifnya agak terkawal, dengan kesan yang terhad terhadap kestabilan sistem kewangan global. Hal ini mengesahkan keberkesanan Basel III dan pembaharuan kewangan lain yang dilaksanakan selepas krisis kewangan global bagi meningkatkan kualiti dan tahap modal dan mudah tunai institusi perbankan. Krisis ini juga menekankan betapa pentingnya institusi perbankan untuk mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang kukuh.

Pada peringkat global, Basel Committee on Banking Supervision (BCBS) telah mengambil iktibar berkaitan dengan pengawalan dan penyeliaan sistem perbankan daripada kegagalan SVB dan krisis tersebut. BCBS juga sedang menjalankan analisis bagi menentukan sama ada ciri-ciri Rangka Kerja Basel (Basel Framework), khususnya yang berkaitan dengan risiko mudah tunai dan risiko kadar faedah dalam buku perbankan (*interest rate risk in the banking book*, IRRBB), telah berfungsi seperti yang dijangka semasa krisis.

Perkembangan pengawalan dan penyeliaan risiko mudah tunai di Malaysia

Meskipun kegagalan SVB dan krisis perbankan secara umumnya hanya memberikan kesan terhad kepada Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan beberapa langkah untuk memperkukuh pengawalan dan penyeliaan risiko mudah tunai (diringkaskan dalam Gambar Rajah 2). Antara langkah yang diambil termasuk melaksanakan beberapa inisiatif pada tahun 2023, yang kebanyakannya telah dirancang atau dimulakan sebelum krisis SVB. Namun begitu, krisis tersebut telah memberikan dorongan tambahan dan menyerlahkan dimensi risiko yang baharu untuk dipertimbangkan.

Sebagai sebahagian daripada penyeliaan yang berterusan, BNM telah menjalankan **semakan secara bersasar ke atas amalan pengurusan pendanaan dan risiko mudah tunai** untuk melihat bagaimana institusi perbankan menguruskan penumpuan deposit dan menetapkan paras ambang pemantauan untuk penunjuk risiko utama, di samping menilai andaian-andaian ujian tekanan mudah tunai dan pelan pendanaan luar jangka (*contingency funding plan*) mereka.

Gambar Rajah 2: Inisiatif Utama untuk Mengukuhkan Daya Tahan Mudah Tunai Sektor Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Selain itu, BNM turut melaksanakan **penilaian tematik terhadap pelaksanaan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[3] dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR)[4]** oleh institusi perbankan. Penilaian ini memberikan tumpuan pada keberkesanan kawalan, termasuk tadbir urus, sistem dan proses, yang berkaitan dengan pengiraan dan pelaporan nisbah-nisbah tersebut. Meskipun secara umumnya kawalan didapati mencukupi dan berkesan, penilaian tersebut telah mengenal pasti beberapa penambahbaikan yang perlu diambil oleh sesetengah bank bagi memperkukuh dasar dan prosedur dalaman. Hal ini bagi memastikan pengawasan yang mencukupi dan penilaian berkala dilakukan terhadap proses pengiraan dan pelaporan.

Institusi perbankan juga dikehendaki untuk melaksanakan **penilaian kendiri, mengambil iktibar daripada krisis perbankan** dan kesannya ke atas amalan perniagaan, tadbir urus dan pengurusan risiko mereka. Berikutan penilaian tersebut, institusi perbankan telah mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan dan memperhalusi aspek amalan pengurusan risiko mudah tunai mereka. Langkah-langkah tersebut sebahagian besarnya tertumpu pada memantapkan parameter yang digunakan untuk tujuan memantau dan memodelkan penumpuan pendeposit; memastikan paras ambang pemantauan dalaman mengambil kira risiko mudah tunai berkaitan dengan saluran perbankan dalam talian; serta menguji pelan pendanaan luar jangka.

Pada bulan Ogos, BNM mengeluarkan **draf dedahan mengenai Risiko Mudah Tunai** untuk mendapatkan maklum balas orang ramai. Draf dedahan tersebut menetapkan piawaian mengenai amalan pengurusan risiko mudah tunai yang mantap untuk institusi perbankan (diringkaskan dalam Gambar Rajah 3), sekali gus melengkapkan keperluan pengawalseliaan minimum mudah tunai yang ditetapkan oleh LCR dan NSFR.

Kehendak yang terdapat dalam draf dedahan tersebut juga konsisten dengan prinsip-prinsip[5] yang dikeluarkan oleh BCBS dan Islamic Financial Services Board (IFSB), serta sejajar dengan pendekatan semasa BNM berhubung dengan penyeliaan risiko mudah tunai dalam sistem perbankan. Draf ini bertujuan untuk mewujudkan garis dasar yang sama untuk amalan pengurusan risiko yang mantap, sambil mengambil kira iktibar yang diperoleh daripada krisis perbankan baru-baru ini. Hal ini termasuk kehendak khusus untuk institusi perbankan menilai dan menguruskan risiko penumpuan dengan secukupnya serta menilai kualiti aset mudah tunai daripada pelbagai dimensi. Institusi perbankan juga dikehendaki memberikan tumpuan yang sewajarnya kepada risiko yang baru muncul seperti risiko yang berkaitan dengan pengeluaran wang secara dalam talian dan sentimen negatif orang ramai dalam media sosial, yang mengambil kira perubahan dinamik tingkah laku pengeluaran deposit yang disebabkan oleh kewangan digital. BNM menyasarkan untuk memuktamadkan keperluan risiko mudah tunai tersebut dan menerbitkan dokumen dasar ini pada separuh kedua tahun 2024.

Pada masa yang sama, sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan keberkesanan keperluan pengawalseliaan minimum mudah tunai BNM, **pemeriksaan terhadap prestasi faktor ketirisan (*run-off*) LCR** dijalankan untuk menentukan sama ada pelarasan faktor ketirisan tersebut mencerminkan tekanan yang munasabah dan pengalaman institusi perbankan sebelum ini. Kajian ini mendedahkan bahawa bagi sesetengah institusi perbankan, aliran keluar sebenar yang pernah dicatatkan di bawah senario ekstrem bagi jenis deposit tertentu, contohnya deposit perusahaan kecil dan sederhana (PKS), adalah melebihi kadar ketirisan LCR yang ditetapkan. Namun begitu, institusi perbankan yang mengalami aliran keluar sedemikian juga melaporkan nisbah LCR keseluruhan yang tinggi, lazimnya antara 148% hingga 300%, sekali gus menyediakan penampan yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan aliran keluar deposit.

---

[3] Keperluan kuantitatif yang bertujuan untuk memastikan institusi perbankan memegang aset mudah tunai berkualiti tinggi yang mencukupi untuk berhadapan dengan senario tekanan mudah tunai yang akut sepanjang tempoh 30 hari.

[4] Piawaian minimum yang memerlukan institusi perbankan untuk mengekalkan profil pendanaan yang stabil bagi menyokong aset dan aktiviti luar penyata kewangan mereka.

[5] Hal ini merujuk Principles for Sound Liquidity Risk Management and Supervision yang dikeluarkan oleh BCBS pada 25 September 2008. Pada tahun 2019, BCBS telah melengkapkan kajian semula prinsip-prinsip ini dan mendapatinya terus sesuai untuk tujuan. https://www.bis.org/publ/bcbs144.htm

Gambar Rajah 3: Ringkasan Prinsip Utama Pengurusan Risiko Mudah Tunai



Sumber: Bank Negara Malaysia

BNM juga **memperkukuh piawaian pengawalseliaan IRRBB/ risiko kadar pulangan dalam buku perbankan (*rate of return risk in the banking book*, RORBB)**, sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan pengurusan dedahan risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan yang mantap, dan secara amnya amalan pengurusan aset-liabiliti (*asset-liability management*, ALM) yang lebih kukuh di institusi perbankan. Lebih khusus lagi, BNM sedang berusaha untuk menambah baik amalan industri dalam mengenal pasti dan mengukur sensitiviti aset dan liabiliti mereka terhadap risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dan seterusnya mengambil tindakan untuk menangani sebarang kelemahan yang timbul. Inisiatif ini dijangka dapat memanfaatkan usaha yang sedang dijalankan oleh BCBS untuk mengemas kini pelarasan dan metodologi yang digunakan untuk mengira kesan kejutan kadar faedah.

Usaha terkini BNM dalam bidang ini juga merangkumi kerjasama berterusan dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) untuk memperkukuh keupayaan dan kesiapsiagaan apabila bertindak balas terhadap krisis. Pada tahun 2024, BNM dan PIDM akan menjalankan **semakan bagi menilai kecukupan dan kredibiliti pelan pemulihan** yang disediakan oleh institusi perbankan untuk bertindak balas terhadap tekanan mudah tunai. Pada masa yang sama, BNM juga sedang **mempertingkatkan dan memperjelas pelbagai aspek rangka kerja operasinya mengenai bantuan mudah tunai** kepada institusi perbankan sekiranya berlaku krisis mudah tunai.[6]

Menangani cabaran struktur dalam pengurusan risiko mudah tunai oleh institusi perbankan Islam

Institusi perbankan Islam menghadapi beberapa cabaran struktur dalam menguruskan risiko mudah tunai, termasuk cabaran yang berkaitan dengan perbezaan profil aset dan liabiliti mereka berbanding dengan institusi perbankan konvensional. Khususnya, institusi perbankan Islam lazimnya mencatatkan penumpuan yang lebih tinggi dalam pendanaan borong, memandangkan kebergantungan mereka pada deposit korporat untuk menyokong pertumbuhan pembiayaan. Kedalaman pasaran instrumen mudah tunai patuh Syariah juga masih lebih terhad kerana kumpulan peserta pasaran yang lebih kecil dan produk pasaran wang patuh Syariah yang lebih sedikit berbanding dengan pasaran konvensional.

BNM bekerjasama rapat dengan industri perbankan sejak beberapa tahun yang lalu bagi menangani cabaran ini menerusi beberapa langkah (diringkaskan dalam Gambar Rajah 4). Sebagai sebahagian daripada usaha ini, BNM juga sedang menjalankan kajian semula secara menyeluruh terhadap peranan dan operasi akaun pelaburan *(investment accounts)* bersama-sama dengan industri untuk menangani ketidakseimbangan pendanaan yang diperhatikan dalam institusi perbankan Islam.

Gambar Rajah 4: Inisiatif Utama yang Dilaksanakan untuk Menangani Cabaran yang Dihadapi oleh Industri Perbankan Islam



[1] Global Market Repurchase Agreement

Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] Rujuk rencana bertajuk 'Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya' dalam Buletin Suku Tahunan BNM Jilid. 38 No.1 untuk butiran lanjut. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/10644344/qb23q1_bm_box1.pdf

Rujukan

Basel Committee on Banking Supervision. (2023). 'Report on the 2023 banking turmoil'. Diambil daripada https://www.bis.org/bcbs/publ/d555.htm

Board of Governors of the Federal Reserve System. (2023). 'Review of the Federal Reserve's Supervision and Regulation of Silicon Valley Bank'. Diambil daripada https://www.federalreserve.gov/publications/review-of-the-federalreserves-supervision-and-regulation-of-silicon-valley-bank.htm

Silicon Valley Bank Financial Group. (2023). 'Q4 2022 Financial Highlights'. Diambil daripada https://ir.svb.com/financials/quarterly-results/default.aspx

Kemajuan dalam Pengukuhan Amalan Pengurusan Risiko Iklim

Dokumen Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (Climate Risk Management and Scenario Analysis Policy Document, CRMSA PD)[1] menetapkan prinsip dan keperluan untuk institusi kewangan menguruskan risiko berkaitan iklim. Tinjauan keseluruhan CRMSA PD ditunjukkan dalam Gambar Rajah 1.

Gambar Rajah 1: Objektif dan Garis Masa Pelaksanaan CRMSA PD

Dokumen Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario

Objektif

Memperkukuh daya tahan institusi kewangan terhadap risiko berkaitan iklim	Memudahkan peralihan yang teratur ke arah ekonomi rendah karbon	Meluaskan pembiayaan dan perlindungan insurans/takaful bagi peluang berkaitan iklim dan penyediaan produk kewangan hijau

Garis masa pelaksanaan berfasa

Berkuat kuasa 31 Disember 2023

Tadbir Urus	• Pelaksanaan pengawasan yang berkesan dan pemahaman yang mantap mengenai risiko berkaitan iklim oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan. • Menerapkan risiko berkaitan iklim ke dalam rangka kerja kawalan dalaman.
Strategi	• Mengambil kira potensi kesan risiko berkaitan iklim yang ketara dalam strategi perniagaan.
Kesanggupan Mengambil Risiko	• Menerapkan impak risiko berkaitan iklim ke dalam rangka kerja kesanggupan mengambil risiko dan mencerminkan risiko yang ketara dalam proses penilaian kecukupan modal dalaman.
Pengurusan Risiko	• Mengintegrasikan risiko berkaitan iklim yang ketara dalam pengurusan risiko seluruh organisasi. • Membangunkan keupayaan dalaman secara berterusan untuk menguruskan risiko berkaitan iklim. • Mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko berkaitan iklim.

Berkuat kuasa 31 Disember 2024

Analisis Senario	• Menggunakan analisis senario untuk menentukan daya tahan strategi perniagaan terhadap risiko berkaitan iklim yang ketara. • Memastikan analisis senario mencerminkan senario yang berkaitan dan munasabah yang setara dengan tahap ketara risiko berkaitan iklim.
Penzahiran	• Menghasilkan penzahiran berkaitan iklim yang boleh dipercayai, bermakna dan boleh dibandingkan sejajar dengan saranan Pasukan Petugas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-Related Financial Disclosure, TCFD).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sebagai sebahagian daripada pendekatan penyeliaan Bank Negara Malaysia (BNM) yang berterusan, institusi kewangan memberikan laporan terkini kepada BNM secara berkala mengenai rancangan pelaksanaan mereka untuk menerapkan CRMSA PD.

Rencana ini mengulas kemajuan yang dilaporkan oleh institusi kewangan berhubung dengan pelaksanaan keperluan CRMSA PD. Kandungan ulasan ini termasuk kepelbagaian amalan yang diperhatikan, pemacu institusi kewangan yang telah mencapai kemajuan yang lebih baik dan inisiatif yang dilaksanakan untuk memperkukuh daya tahan sektor kewangan terhadap risiko berkaitan iklim.

[1] Dikeluarkan pada 30 November 2022.

Kemajuan berterusan dalam pelaksanaan CRMSA PD

Secara amnya, BNM mendapati bahawa semua institusi kewangan[2] telah mencapai kemajuan yang bermakna dalam penerapan keperluan CRMSA PD dan mengintegrasikan risiko berkaitan iklim ke dalam amalan sedia ada. Gambar Rajah 2 memberikan gambaran keseluruhan tentang amalan lazim yang diperhatikan serta amalan yang terus berkembang apabila institusi kewangan memperkukuh keupayaan untuk menguruskan risiko berkaitan iklim dengan lebih baik.

Gambar Rajah 2: Kemajuan Institusi Kewangan dalam Menguruskan Risiko Berkaitan Iklim

Institusi kewangan menunjukkan kemajuan yang berterusan dalam mengintegrasikan risiko berkaitan iklim ke dalam amalan sedia ada

	Amalan lazim...	Amalan yang berkembang ...
Tadbir Urus	• Mentakrifkan peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk mengawasi pengurusan risiko berkaitan iklim. • Penetapan kekerapan laporan kepada lembaga pengarah untuk memudahkan pemantauan pelaksanaan inisiatif risiko berkaitan iklim.	• Pembinaan keupayaan berterusan untuk memastikan pengawasan yang berkesan. • Mewujudkan metrik yang berkaitan untuk penyampaian dan pelaporan yang bermakna. • Menubuhkan lembaga pengarah/jawatankuasa pengurusan kanan yang khusus untuk mengawasi dan memacu inisiatif risiko iklim.
Strategi	• Strategi kualitatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environmental, Social and Governance, ESG)/kelestarian diterapkan dalam strategi perniagaan.	• Strategi iklim lebih didorong oleh data dan penilaian kuantitatif. • Strategi peringkat kumpulan disesuaikan untuk kegunaan peringkat akar umbi secara lebih jelas.
Kesanggupan Mengambil Risiko	• Membangunkan pernyataan kesanggupan mengambil risiko (*risk appetite statement*, RAS) secara kualitatif. • Penggunaan klasifikasi Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT) untuk memaklumkan had risiko. • ITO am melaksanakan penilaian risiko jangka pendek untuk mengehadkan dedahan kepada risiko berkaitan banjir.	• Menerusi lebih banyak akses kepada data, RAS mencerminkan penilaian yang lebih kuantitatif, menggabungkan tempoh masa risiko iklim dan dikaitkan secara lebih langsung dengan pengurusan modal.
Pengurusan Risiko	• Mengintegrasikan risiko berkaitan iklim ke dalam proses risiko institusi kewangan dan kebolehan untuk memetakan transmisi risiko ini ke dalam jenis risiko sedia ada (iaitu risiko kredit, pasaran, operasi, undang-undang, strategi dan reputasi). • Membangunkan keupayaan data iklim dalaman dengan menambah baik proses pengumpulan data dan memanfaatkan data yang dikumpulkan oleh penyedia data luaran.	• Pembangunan metodologi pemodelan risiko kuantitatif. • Membangunkan pelan peralihan pada peringkat institusi dan sektor. • Membangunkan metrik berpandangan ke hadapan seperti kebarangkalian kemungkiran/kerugian berikutan kemungkinan terlaras iklim disebabkan oleh pelbagai senario iklim.
Analisis Senario	• Merangkumkan senario berkaitan iklim jangka pendek untuk mengambil kira peristiwa bencana alam (cth. banjir).	• Menggunakan analisis senario yang lebih terperinci untuk memaklumkan strategi perniagaan dan risiko.
Penzahiran	• Persediaan lanjutan untuk menghasilkan penzahiran selaras dengan TCFD.	• Penambahbaikan kualiti dan liputan penzahiran iklim untuk memenuhi keperluan pelabur dan pihak berkepentingan, terutamanya berhubung dengan pengurusan risiko, metrik dan sasaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Merujuk enam teras CRMSA PD, institusi kewangan menunjukkan kemajuan yang paling ketara dalam bidang tadbir urus. Hampir semua institusi kewangan telah menambah baik struktur tadbir urus dan dasar dalaman yang sedia ada untuk membolehkan pengawasan yang lebih baik terhadap risiko berkaitan iklim. Institusi kewangan yang lebih besar lazimnya menubuhkan jawatankuasa khusus pada peringkat lembaga pengarah untuk memantau tindak balas institusi kewangan terhadap risiko berkaitan iklim. Institusi kewangan yang lebih kecil pula meletakkan tanggungjawab ini pada jawatankuasa sedia ada dengan bidang tugas yang diperluas. BNM juga mendapati adanya penambahbaikan mekanisme pelaporan untuk memberikan maklumat terkini kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan mengenai bidang risiko berkaitan iklim. Di sesetengah institusi, mekanisme ini disokong oleh ahli pihak pengurusan kanan khusus

[2] Bank-bank (termasuk bank perdagangan, bank Islam dan bank pelaburan serta institusi kewangan pembangunan), serta penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO).

yang bertanggungjawab ke atas risiko dan strategi iklim. Kebanyakan institusi juga mempunyai penunjuk prestasi utama berkaitan iklim yang disemak dan dipantau.

Dalam bidang strategi, institusi kewangan mulai mengambil kira pertimbangan risiko berkaitan iklim ke dalam rangka kerja kelestarian,[3] proses dan strategi perniagaan mereka yang sedia ada. Walaupun kebanyakan institusi kewangan masih membangunkan strategi iklim mereka, sesetengah institusi telah mula memperkenalkan komitmen pembiayaan hijau peringkat tinggi dan sasaran pelaburan yang sejajar dengan kesanggupan mengambil risiko dan strategi perniagaan mereka. Komitmen ini adakalanya, namun tidak sentiasa, disertai dengan strategi penyahkarbonan (*decarbonisation*) portfolio yang jelas dan peruntukan modal untuk membiayai aset yang sejajar dengan iklim. Secara umum, institusi kewangan sedang mengambil langkah-langkah nyata untuk meningkatkan tahap libat urus dan proses usaha wajar dengan rakan niaga.

Ketersediaan data kekal menjadi cabaran utama yang dikenal pasti oleh semua institusi kewangan. Berikutan cabaran yang timbul akibat kekurangan data yang terperinci dan berwibawa serta model risiko iklim kuantitatif yang secara relatif kurang maju, kebanyakan institusi kewangan mengambil pendekatan kualitatif untuk membangunkan kesanggupan mengambil risiko, dasar dan amalan pengurusan risiko, analisis senario dan penzahiran untuk institusi. Beberapa contoh termasuk:

i. Menggunakan klasifikasi CCPT untuk menetapkan paras ambang toleransi risiko dan menganggarkan dedahan.
ii. Menyertakan pemahaman teliti yang diperoleh daripada soal selidik usaha wajar yang dijalankan ke atas rakan niaga bagi menambah baik pertimbangan mengenai dedahan terhadap risiko fizikal dan risiko peralihan.
iii. Menggunakan andaian konsep yang menyokong model risiko iklim untuk memantapkan penilaian awal tentang cara risiko berkaitan iklim dapat memberikan kesan terhadap dedahan risiko, operasi dalaman dan strategi perniagaan institusi.

Terdapat beberapa ciri lazim dalam kalangan institusi kewangan yang telah mencapai kemajuan yang lebih baik dalam pelaksanaan CRMSA PD:

i. Bukti hala tuju yang mantap daripada pihak atasan, dengan peranan penting dimainkan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan. Ahli lembaga pengarah atau pengurusan kanan yang dilantik memegang peranan aktif dalam menerajui tindak balas iklim institusi kewangan tersebut. Peranan ini termasuk menentukan hala tuju untuk menyelaraskan sumber, rangka kerja dan insentif. Hal ini seterusnya mempercepat usaha yang diambil untuk melaksanakan strategi berkaitan iklim di seluruh organisasi.
ii. Mempunyai akses yang lebih baik kepada sumber tenaga mahir untuk membina keupayaan dalaman. Institusi kewangan peneraju secara aktif bekerjasama dengan pakar di dalam atau di luar kumpulan kewangan mereka, serta terlibat secara terperinci dalam platform kerjasama[4] untuk mendapatkan pemahaman berbilang disiplin dan menerima maklumat terkini tentang perkembangan sektor, negara dan global.
iii. Komitmen yang tinggi berhubung dengan sumber kewangan dan bukan kewangan. Komitmen ini termasuk melabur secara serius untuk sistem yang mengumpulkan data berkaitan iklim secara terperinci, pendekatan yang menyeluruh dan teliti untuk peralihan strategik serta perhatian yang berterusan terhadap latihan berstruktur untuk meningkatkan keupayaan kakitangan.

Inisiatif pihak berkuasa pengawalseliaan untuk menyokong pelaksanaan

Di dalam negeri, Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3)[5] yang diterajui bersama oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC) terus memainkan peranan penting untuk memberikan sokongan terhadap usaha institusi kewangan bagi memperkukuh amalan pengurusan risiko iklim mereka serta memperluas penyelesaian kewangan bagi aktiviti peralihan dan penyesuaian iklim. Dalam usaha merapatkan jurang data yang genting, JC3 akan terus mengembangkan lagi Katalog Data Iklim[6] untuk mengumpulkan sumber data yang lebih terperinci, di samping bekerjasama dengan rakan usaha sama data untuk

[3] Pertimbangan ini termasuk rangka kerja dan dasar ESG.
[4] Termasuk platform seperti JC3 dan United Nations Environment Programme Finance Initiative.
[5] JC3 merupakan platform yang ditubuhkan pada bulan September 2019 untuk melaksanakan tindakan kerjasama bagi membangunkan daya tahan iklim dalam sektor kewangan Malaysia. JC3 dipengerusikan bersama oleh BNM dan SC, dan ahli-ahlinya termasuk Bursa Malaysia dan 21 peserta institusi kewangan.
[6] Katalog Data Iklim diterbitkan pada akhir tahun 2022 oleh JC3 sebagai sumber rujukan mengenai data iklim dan alam sekitar bagi sektor kewangan.

meningkatkan kualiti, akses dan kebolehgunaan data yang tersedia. Baru-baru ini, JC3 juga telah menubuhkan kumpulan kerja risiko fizikal dan peralihan untuk membangunkan panduan dan alat untuk membantu pembinaan metodologi dan model penilaian risiko fizikal dan peralihan. Pada bulan Februari tahun ini, BNM telah mengeluarkan Kertas Kerja Climate Risk Stress Testing (CRST) dengan input daripada industri termasuk ahli-ahli JC3, untuk membimbing institusi kewangan menggunakan ujian tekanan bagi memahami dengan lebih baik risiko yang timbul daripada perubahan iklim. Pelan dan perancangan peralihan juga akan diberikan tumpuan yang lebih teliti pada tahun 2024 bagi menggalakkan penyelarasan yang amat penting antara strategi dan sasaran iklim institusi kewangan dengan dasar-dasar nasional, impak risiko makroekonomi dan perkembangan rangka kerja penyeliaan dan kehematan.

Pada peringkat antarabangsa, Financial Stability Board (FSB) terus menggalakkan penyeliaan dan pengawalan yang konsisten secara global terhadap perubahan iklim.[7] Basel Committee on Banking Supervision (BCBS) juga mengambil pendekatan yang menyeluruh untuk menangani risiko berkaitan iklim merentas ketiga-tiga teras pengawalan, penyeliaan dan penzahiran.[8] International Association of Insurance Supervisors (IAIS) juga telah memasukkan perubahan iklim sebagai tema utama dalam Pelan Strategik IAIS, dengan tumpuan pada pengukuhan penilaian risiko dan pembangunan kapasiti penyeliaan.[9]

Haluan masa hadapan

Bagi meneruskan kemajuan pelaksanaan CRMSA PD oleh institusi kewangan, keutamaan pengawalan dan penyeliaan jangka terdekat akan memberikan tumpuan pada:

i. Menangani pendekatan tidak bersepadu untuk menguruskan risiko berkaitan iklim yang masih diperhatikan di sesetengah institusi kewangan. BNM menghendaki institusi kewangan untuk memastikan kesepaduan pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko iklim di institusi kewangan merentas semua fungsi. Sistem pelaporan risiko institusi kewangan perlu mencerminkan kehendak ini bagi membolehkan pemantauan dan penyampaian laporan risiko berkaitan iklim yang bersepadu dalam organisasi.

ii. Memastikan institusi kewangan membangunkan pelan peralihan yang berwibawa. Amat penting untuk institusi kewangan menyelaraskan strategi perniagaan dan risiko masing-masing dengan komitmen iklim, pelan peralihan pelanggan mereka dan aspirasi nasional. Institusi kewangan akan dikehendaki menunjukkan cara mereka melaksanakan sasaran iklim dalam strategi perniagaan dan risiko mereka. Gambaran pelan peralihan secara agregat juga penting untuk mengenal pasti kemungkinan kesan tidak seimbang daripada langkah-langkah berkaitan iklim terhadap golongan mudah terjejas seperti komuniti berpendapatan rendah, sektor yang pelepasan karbonnya sukar dihentikan (*hard-to-abate sectors*) serta perusahaan kecil dan sederhana. Hal ini seterusnya membolehkan tindakan pengurangan bagi memastikan peralihan ekonomi secara teratur.

iii. Memastikan institusi kewangan menghasilkan penzahiran iklim yang memenuhi keperluan pelabur dan pihak berkepentingan. Penzahiran yang tepat dan mematuhi piawaian antarabangsa adalah penting untuk menangani risiko *greenwashing*.[10] Jawatankuasa Penasihat Mengenai Pelaporan Kelestarian (Advisory Committee on Sustainability Reporting, ACSR)[11] sedang mendapatkan maklum balas orang ramai[12] tentang cadangan pelaksanaan piawaian penzahiran kelestarian yang dikeluarkan oleh International Sustainability Standards Board (ISSB) di Malaysia. Selaras dengan hal ini, BNM menghendaki institusi kewangan untuk meneruskan penghasilan penzahiran iklim yang sejajar sepenuhnya dengan saranan TCFD dan piawaian penzahiran kelestarian yang dikeluarkan oleh ISSB.

---

7 Supervisory and regulatory approaches to climate-related risk: Final report. (2022). Financial Stability Board.
8 Basel Committee Work Programme and Srategic Priorities for 2023/24. (2022). Basel Committee on Banking Supervision.
9 Climate risk. International Association of Insurance Supervisors. Diakses pada 1 Mac 2024 melalui https://www.iaisweb.org/activities-topics/climate-risk/
10 Risiko *greenwashing* ialah risiko penipuan, salah nyata dan amalan yang palsu atau mengelirukan berkaitan ESG.
11 ACSR yang dipengerusikan oleh SC dengan pengesahan Kementerian Kewangan dianggotai oleh wakil daripada BNM, Bursa Malaysia Berhad, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Pemantauan Audit dan Yayasan Pelaporan Kewangan.
12 Tempoh maklum balas orang ramai adalah dari 15 Februari 2024 hingga 21 Mac 2024. Kertas perundingan ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas berhubung dengan skop dan masa pelaksanaan, bantuan peralihan yang diperlukan serta isu-isu berkaitan jaminan untuk penzahiran kelestarian.

Banjir dan Kewangan: Membina Daya Tahan Perniagaan Malaysia

Sejak tahun 2000, sebanyak 85% daripada semua bencana alam di negara ini adalah berpunca daripada banjir.[1] Kekerapan kejadian ini juga telah meningkat sejak tahun 2020. Pada tahun 2021 sahaja, sebanyak lapan kejadian banjir besar dicatatkan berbanding dengan unjuran purata dua kejadian banjir dalam setahun (Rajah 1A). Tahap keseriusan banjir ini mungkin agak sederhana pada skala global. Namun di Malaysia, kejadian banjir meninggalkan kesan yang paling besar kepada ekonomi dan menjejaskan bilangan penduduk yang paling tinggi dalam kalangan semua bencana alam (Rajah 1B). Kerugian ekonomi akibat banjir berjumlah 0.13% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tahunan secara purata, dan sebanyak 935,000 rakyat Malaysia terjejas secara sementara mahupun kekal, antara tahun 2008 hingga 2022.[2]

Rajah 1: Kekerapan dan Keseriusan Banjir di Malaysia



Sumber: Pangkalan data EM-DAT, dimuat turun pada Mei 2023

Bencana banjir yang dialami pada bulan Disember 2021 menyerlahkan potensi perubahan iklim tidak terbendung yang akan memberikan kesan yang lebih ketara kepada ekonomi dan sektor kewangan Malaysia pada masa hadapan (Gambar Rajah 1). Risiko berkaitan iklim yang tidak linear turut menekankan kepentingan mempertingkatkan daya tahan yang berterusan untuk menambah baik pengurusan risiko banjir dan mengurangkan potensi kesan kepada Malaysia. Berlatarkan keadaan ini, Bank Dunia dan BNM telah bekerjasama untuk menganalisis sejauh mana perniagaan akan terjejas akibat banjir dan dedahan sektor kewangan serta peranannya dalam menyokong perniagaan menguruskan risiko banjir. Kajian ini juga mengenal pasti beberapa dasar penting utama untuk membangunkan ekosistem yang kondusif bagi pengurusan banjir yang berkesan. Dapatan utama kajian diterbitkan dalam laporan bersama yang bertajuk 'Managing Flood Risks: Leveraging Finance for Business Resilience in Malaysia' (Laporan).

[1] Sumber: Pangkalan data EM-DAT, *International Disaster Database*.
[2] Sumber: Pangkalan data Internal Displacement Monitoring Centre (IDMC).

Gambar Rajah 1: Impak Banjir 2021



Nota: Kerugian merangkumi aset awam dan infrastruktur, tempat kediaman, kenderaan pembuatan, premis perniagaan dan pertanian.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan Mengenai Risiko Banjir di Malaysia

Malaysia mengalami dua musim tengkujuh, iaitu Monsun Barat Daya (bulan Jun hingga Ogos) dan Monsun Timur Laut (bulan November hingga Februari). Kawasan Selatan dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia khususnya mudah terdedah kepada banjir yang kerap berlaku semasa musim tengkujuh akhir tahun. Banjir kilat semakin kerap berlaku di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur dan Kuching serta negeri Pulau Pinang disebabkan oleh perkembangan pesat bandar yang mengakibatkan penebangan hutan dan sistem saliran yang tidak mencukupi. Tahap kerpasan meningkat secara berterusan antara tahun 1951 hingga 2020 dengan lebih daripada satu model iklim meramalkan peningkatan tahunan berterusan menjelang hujung abad ke-21. Tanpa usaha adaptasi, keadaan ini akan mendedahkan Malaysia kepada peningkatan risiko banjir. Perkara ini bermakna bahawa banjir yang dari segi sejarah hanya berlaku sekali dalam 100 tahun boleh menjadi sekerap sekali dalam 50 tahun atau sekali dalam 25 tahun[3] dengan jangkaan kesan yang lebih buruk.

Kesan Risiko Banjir terhadap Makroekonomi

Dalam Laporan itu, kesan banjir terhadap makroekonomi pada masa hadapan dinilai menggunakan model input-output dua peringkat. Model tersebut serupa dengan menggunakan alat simulasi yang menghubungkan data bahaya banjir dengan anggaran kesan ekonomi pada peringkat sektor. Model ini menggunakan anggaran bahagian aset yang terdedah kepada risiko banjir di Malaysia bagi tahun 2030, berdasarkan jangkaan corak pembangunan serta potensi kesan perubahan iklim.[4] Anggaran ini digabungkan dengan unjuran risiko banjir untuk mengira jangkaan kerugian pada keluaran keseluruhan dan guna tenaga.[5] Malaysia dianggarkan kehilangan sehingga 4.1% daripada KDNK atau sehingga 4% daripada keluaran kasar[6] pada tahun 2030 berdasarkan simulasi kesan banjir sekali dalam 20 tahun. Dapatan ini mengambil kira kerugian secara langsung akibat banjir di seluruh negara seperti kerosakan aset fizikal dan infrastruktur dan juga kerugian tidak langsung, contohnya terhadap pendapatan akibat gangguan rantaian bekalan dan kekangan pelancongan. Dapatan ini juga tidak mengambil kira aktiviti pemulihan dan pembinaan semula selepas banjir yang berkemungkinan menyebabkan kesan yang lebih sederhana terhadap KDNK dan keluaran kasar pada tahun tersebut. Sektor pertanian khususnya boleh terjejas teruk akibat banjir disebabkan oleh liputan geografinya yang luas. Sektor perkilangan dan perkhidmatan juga boleh mencatatkan impak yang ketara kerana saiznya yang besar dalam ekonomi Malaysia (Rajah 2). Anggaran kesan terhadap keluaran kasar[7]

[3] Portal *Climate Change Knowledge* Bank Dunia.
[4] Sumber utama data yang digunakan ialah pangkalan data Fathom, iaitu pangkalan data proprietari peta risiko banjir yang digunakan secara meluas untuk penyelidikan risiko banjir.
[5] Model ini telah disahkan menerusi perbandingan keputusan beberapa negara dengan model makroekonomi yang berlainan.
[6] Keluaran kasar ialah ukuran jumlah kegiatan ekonomi dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan termasuk bahan mentah, proses pengeluaran dan pengedaran. Contohnya adalah apabila pengilang perabot membeli kayu dengan harga RM100 dan menambah nilai kepada kayu tersebut untuk menghasilkan sebuah perabot yang dijual dengan harga RM300. KDNK ialah nilai produk akhir yang dijual (iaitu RM300) manakala output kasar ialah nilai produk akhir yang dijual tambah penggunaan perantaraan (kayu sebagai bahan mentah) (iaitu RM300 + RM100 = RM400).
[7] Keluaran kasar digunakan untuk mengambil kira kesan terhadap rantaian bekalan, termasuk perbezaan kecil (*nuances*) antara sektor. Sebagai contoh, perkilangan mempunyai lebih banyak permintaan pengantaraan yang akan dikira dalam keluaran kasar tetapi bukan dalam KDNK.

(iaitu 4%) seterusnya dikenakan pada pinjaman bank terkumpul bagi menganggarkan segmen pinjaman bank dalam setiap sektor yang berpotensi terdedah dalam senario banjir ini (Rajah 3). Secara keseluruhan, angka ini mewakili anggaran kesan yang konservatif disebabkan oleh butiran data yang terhad terutamanya berkaitan aset dan dedahan perbankan. BNM berhasrat untuk menambah baik metodologi pengiraan kesan berkaitan banjir ini bagi memberikan ketepatan dan perincian yang lebih baik dalam anggaran pada masa hadapan.

Rajah 2: Impak Sekali dalam 20 Tahun Banjir Terhadap Keluaran



Nota: 1. **Kerugian keluaran sektor terlaras** merujuk kepada bahagian keluaran yang berpotensi terjejas banjir sekali dalam 20 tahun, mengikut sektor.

Sumber: Bank Dunia dan Bank Negara Malaysia, Menguruskan Risiko Banjir: Memanfaatkan Kewangan untuk Daya Tahan Perniagaan di Malaysia

Rajah 3: Dedahan Pinjaman Perbankan dalam Senario Banjir Sekali dalam 20 Tahun



Nota: 1. **Jumlah Dedahan Pinjaman Perniagaan** merujuk kepada anggaran pinjaman perniagaan yang terdedah kepada risiko banjir.
2. **Dedahan Pinjaman Perniagaan Terlaras** merujuk kepada bahagian dedahan pinjaman yang berpotensi terjejas banjir sekali dalam 20 tahun, mengikut sektor.
3. Mengandaikan kunci kira-kira statik setakat bulan Disember 2023.

Sumber: Bank Dunia dan Bank Negara Malaysia, Menguruskan Risiko Banjir: Memanfaatkan Kewangan untuk Daya Tahan Perniagaan di Malaysia

Sebagai perbandingan, model itu juga digunakan secara berasingan untuk senario banjir yang sama tetapi dengan andaian Malaysia melaksanakan langkah adaptasi iklim tambahan daripada sekarang hingga tahun 2030. Langkah-langkah itu termasuk perancangan tanah yang lebih baik, penguatkuasaan piawaian bangunan, infrastruktur yang lebih berdaya tahan terhadap banjir dan penambahbaikan ekosistem semula jadi yang menjadi tadahan air. Hasil kajian menunjukkan bahawa langkah adaptasi yang dilaksanakan sepenuhnya mampu mengurangkan kesan ekonomi akibat banjir sebanyak lebih 40%, iaitu daripada kerugian hingga 4.1% daripada KDNK (sekiranya tiada usaha adaptasi) kepada hingga 2.3% daripada KDNK. Kos langkah adaptasi itu dianggarkan hingga 0.2% daripada KDNK tahunan[8] (Rajah 4).

Rajah 4: Kesan Perubahan Iklim Terhadap Pengeluaran



Sumber: Bank Dunia dan Bank Negara Malaysia, Menguruskan Risiko Banjir: Memanfaatkan Kewangan untuk Daya Tahan Perniagaan di Malaysia

Anggaran selanjutnya menunjukkan bahawa tindakan oleh perniagaan itu sendiri adalah amat penting untuk mengurangkan risiko banjir. Membina daya tahan rantaian bekalan, seperti mempelbagaikan sumber input dan menyimpan inventori, dapat mengurangkan jangkaan kerugian perniagaan melebihi 50% bagi banjir sekali dalam 20 tahun. Walau bagaimanapun, peranan rantaian bekalan yang fleksibel untuk mengimbangi kerugian adalah kurang berkesan dalam kes banjir yang lebih lama atau lebih teruk (Rajah 5). Peranan sektor kewangan juga penting dalam usaha meningkatkan daya tahan dengan menyediakan akses kepada perkhidmatan kredit dan perlindungan serta khidmat nasihat bagi menyokong perancangan yang mencukupi dan pemulihan perniagaan yang pantas.

Rajah 5: Impak Banjir Terhadap Keluaran dengan Keluwesan Rantaian Bekalan



Sumber: Bank Dunia dan Bank Negara Malaysia, Menguruskan Risiko Banjir: Memanfaatkan Kewangan untuk Daya Tahan Perniagaan di Malaysia

[8] Data yang digunakan ialah anggaran berdasarkan set data serantau dan global disebabkan oleh kekurangan maklumat mengenai langkah-langkah adaptasi khusus yang diperlukan di Malaysia. Senario yang dimodelkan mengandaikan semua langkah adaptasi perlu dilaksanakan sepenuhnya; oleh itu anggaran boleh ditafsirkan sebagai batas atas untuk potensi manfaat daripada langkah adaptasi.

Daya tahan kewangan perniagaan terhadap banjir

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan dalam kalangan 1,500 syarikat[9] di Malaysia, kira-kira satu perempat daripada syarikat ini telah terjejas akibat banjir dalam tempoh tiga tahun lalu. Walaupun sebahagian besar yang terjejas adalah daripada syarikat besar[10], perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dijangka menanggung lebih banyak kerosakan dan gangguan, khususnya berkaitan dengan kesan banjir secara tidak langsung[11]. Daripada segi sektor, perniagaan yang beroperasi dalam sektor pertanian dan perkilangan (terutamanya automotif, jentera dan peralatan) dan syarikat utiliti terjejas dengan ketara. Terdapat potensi kesan tidak langsung dalam perkhidmatan infrastruktur kerana wujudnya gangguan bagi syarikat utiliti. Syarikat yang terjejas mengaitkan kerugian mereka dengan kesedaran dan pemahaman yang rendah mengenai risiko banjir (khususnya dalam kalangan perniagaan kecil) serta tidak bertindak untuk memantapkan kesiapsiagaan bagi menghadapi risiko tersebut.

Terdapat pelbagai strategi untuk menghadapi banjir yang boleh diambil oleh perniagaan bagi mengurangkan keadaan mudah terjejas mereka dan memastikan prestasi perniagaan yang teguh, mengurangkan kerugian, mempercepat pemulihan dan melancarkan perbelanjaan dari semasa ke semasa. Strategi ini termasuk langkah adaptasi yang mengurangkan kesan banjir (contohnya tebatan banjir) dan perlindungan insurans[12]. Kajian ini juga mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan strategi ini dalam kalangan perniagaan. Tinjauan menunjukkan bahawa perniagaan yang menganggap banjir sebagai risiko berulang lebih cenderung mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan daya tahan (Rajah 6a, 6b). Selanjutnya, regresi menunjukkan bahawa apabila dedahan sesebuah risiko terkawal, faktor sektor dan lokasi perniagaan tidak lagi mempengaruhi sesuatu perniagaan untuk mengambil langkah-langkah perlindungan, termasuk mendapatkan insurans. Meskipun PKS dan syarikat besar menghadapi cabaran yang sama untuk melaksanakan strategi adaptasi, hal ini secara amnya lebih mencabar bagi PKS disebabkan oleh kekangan keupayaan (Gambar Rajah 2). PKS lazimnya kurang mempunyai perlindungan atau strategi daya tahan rantaian bekalan berbanding dengan syarikat besar.

Rajah 6a: Kesedaran Berhubung Risiko Banjir dan Pelaksanaan Strategi Kesiapsiagaan Bencana



Sumber: Bank Dunia dan Bank Negara Malaysia, Menguruskan Risiko Banjir: Memanfaatkan Kewangan untuk Daya Tahan Perniagaan di Malaysia

[9] Tinjauan tersebut dijalankan pada separuh pertama tahun 2023, dan keputusannya mewakili syarikat Malaysia dari segi saiz syarikat, sektor perniagaan dan wilayah geografi.
[10] Ditakrifkan sebagai perniagaan yang mempunyai hasil melebihi RM50 juta.
[11] Perkara ini termasuk kesan kepada pelanggan, pekerja, rantaian bekalan dan transaksi kewangan.
[12] Istilah perlindungan insurans merujuk perlindungan insurans dan takaful.

Rajah 6b: Ambilan Perlindungan Banjir



Sumber: Bank Dunia dan Bank Negara Malaysia, Menguruskan Risiko Banjir: Memanfaatkan Kewangan untuk Daya Tahan Perniagaan di Malaysia

Gambar Rajah 2: Cabaran kepada Perniagaan dalam Pembangunan Strategi Adaptasi



1 Keupayaan dan akses kepada kewangan yang terbatas

44% PKS dan **36%** syarikat mempunyai sumber kewangan yang terhad
- Kos pembiayaan yang tinggi, produk dan perkhidmatan yang tidak sesuai, dan tempoh matang yang singkat.

2 Kadar ambilan perlindungan banjir yang rendah

84% perniagaan perlu perlindungan, tetapi hanya **43%** mempunyai perlindungan
- Prosedur pembayaran yang kompleks dan produk tidak memenuhi keperluan.
- Prasyarat yang terbatas, ketidakmampuan dan ketidakupayaan untuk mendapatkan perlindungan membawa kepada pengecualian perniagaan yang berisiko tinggi dan lebih kecil.

3 Kesedaran, pengetahuan dan keupayaan teknologi yang terhad

35% perniagaan yang mengalami banjir berulang menyatakan ketidakupayaan dalam mengenal pasti dan melaksanakan strategi adaptasi yang berkesan disebabkan:
- **34%** PKS dan **19%** syarikat tidak mempunyai maklumat yang mencukupi berhubung risiko dedahan banjir di masa hadapan.
- Persepsi aktiviti adaptasi yang dilakukan tidak akan berkesan.

Sumber: Bank Dunia dan Bank Negara Malaysia, Menguruskan Risiko Banjir: Memanfaatkan Kewangan untuk Daya Tahan Perniagaan di Malaysia

Penyelesaian pembiayaan adaptasi oleh sektor kewangan

Pada peringkat global, penyelesaian pembiayaan adaptasi masih belum mencapai kemajuan atas pelbagai sebab. Pelaburan untuk daya tahan banjir seringkali tidak menarik disebabkan oleh kos pendahuluan yang tinggi selain tempoh bayaran balik pinjaman yang lebih panjang dan pulangan yang tidak menentu. Projek daya tahan banjir juga mungkin tidak menawarkan aliran pendapatan yang jelas atau sumber pulangan kepada pelabur. Di Malaysia, projek-projek adaptasi adalah terhad kerana tindakan daya tahan tidak diutamakan oleh perniagaan itu sendiri. Perkara ini terutamanya berlaku dalam kalangan PKS yang lazimnya mempunyai kadar masuk dan keluar yang tinggi. Tindakan yang tidak mencukupi juga boleh berpunca daripada ketidakpastian yang tinggi berhubung dengan keberkesanan strategi adaptasi iklim yang berpotensi. Selain itu, maklumat terhad berhubung dengan pelaburan dan inisiatif kerajaan berkaitan dengan adaptasi terhadap banjir dapat menghalang usaha penyelarasan yang berkesan antara sektor awam dengan swasta.

Di Malaysia, sebahagian besar pembiayaan adaptasi wujud dalam bentuk kemudahan kredit pusingan dan pembiayaan bertempoh, pembiayaan bon dan sukuk untuk langkah pencegahan bencana alam, dan perlindungan insurans atau takaful. Kira-kira 80% bank yang ditinjau menawarkan pembiayaan sedemikian dengan skop untuk menambah penawaran seterusnya. Sebanyak 60% bank telah mula menilai risiko banjir kepada pelanggan perniagaan. Walaupun penyepaduan pertimbangan risiko tersebut ke dalam penilaian risiko kredit masih pada peringkat awal, bank-bank telah meningkatkan usaha libat urus berkaitan perlindungan banjir atau langkah adaptasi sebagai terma pembiayaan dengan pelanggan berisiko tinggi bagi mengurangkan dedahan kepada risiko banjir. Pemantauan dan pelaporan risiko banjir di bank-bank juga berada pada peringkat awal. Kira-kira 30% bank pada masa ini melaporkan risiko ini dalam penilaian dalaman atau luaran. Pelaksanaan penuh Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (Climate Risk Management and Scenario Analysis, CRMSA) dan ujian tekanan risiko iklim seluruh industri dijangka meningkatkan pengurusan risiko banjir dan keupayaan bank-bank. Hal ini dijangka meningkatkan peluang untuk meluaskan penyelesaian pembiayaan walaupun hal ini boleh menimbulkan cabaran tambahan bagi perniagaan jika keperluan pembiayaan untuk aktiviti adaptasi tidak mendapat sokongan yang secukupnya.

Pembiayaan kecemasan berikutan peristiwa banjir lazimnya ditawarkan oleh Kerajaan tetapi terhad kepada isi rumah. Oleh itu, perniagaan bergantung pada sektor kewangan untuk pembiayaan usaha pemulihan dan pembinaan semula serta bantuan khidmat hutang selepas peristiwa banjir. Pada masa ini, sebahagian besar pembiayaan adalah dalam bentuk moratorium sementara terhadap ansuran pembiayaan. Dalam konteks banjir pada tahun 2021, BNM telah menyediakan pembiayaan kecemasan menerusi Kemudahan Bantuan Bencana (Disaster Relief Facility, DRF). DRF menawarkan kemudahan pembiayaan sebanyak RM500 juta kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang terjejas akibat banjir.

Insurans atau takaful banjir di Malaysia lazimnya ditawarkan sebagai peril 'tambahan' yang bukan mandatori kepada produk perlindungan kebakaran dan motor dan sebahagian besarnya bergantung pada lokasi. Pada masa ini, 80% syarikat insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators,* ITO) mempertimbangkan risiko banjir apabila membuat penilaian pelanggan perniagaan. Bank-bank dan ITO menggariskan cabaran yang sama dalam usaha menyediakan pembiayaan dan perlindungan kepada perniagaan (Gambar Rajah 3).

Gambar Rajah 3: Cabaran Dihadapi Bank dan ITO dalam Menyediakan Pembiayaan dan Perlindungan Banjir

Ketersediaan dan kebolehcapaian data berkaitan banjir yang terhad

>50% bank dan **45%** ITO menyatakan ketiadaan maklumat berkaitan banjir

- Data yang tersedia mempunyai liputan terhad, tidak terkini, tidak berbutir, dan sukar didapati secara terbuka oleh institusi swasta ataupun mahal untuk diakses

Ketidakupayaan untuk mempelbagaikan risiko dan merangkumi pelanggan berisiko tinggi

- Sifat kesetempatan banjir dan ciri insurans banjir yang bukan mandatori menghalang ITO daripada mewujudkan kumpulan besar risiko yang tidak berkaitan

Kurang permintaan

30% bank menyatakan kekurangan permintaan untuk pembiayaan adaptasi

- Persepsi ini mungkin diterukkan dengan ketiadaan klasifikasi yang jelas untuk aktiviti adaptasi risiko banjir dalam pengumpulan data dan kekurangan produk yang memenuhi keperluan pelanggan

Rendah kepakaran

Hampir 20% bank dan ITO menyatakan kekurangan keupayaan dalam menilai dan mengurus risiko banjir dalam portfolio masing-masing

- Disebabkan keperluan untuk analisis dan pemodelan data yang canggih, ketidakpastian yang tinggi mengenai risiko banjir, dan cabaran dalam mengukur faktor pengurangan risiko



Sumber: Bank Dunia dan Bank Negara Malaysia, Menguruskan Risiko Banjir: Memanfaatkan Kewangan untuk Daya Tahan Perniagaan di Malaysia

Dasar awam untuk menyokong pengurusan risiko banjir

Kerajaan memainkan peranan yang mustahak dalam membangunkan dasar adaptasi iklim menyeluruh yang membolehkan dan menyelaraskan insentif kepada perniagaan untuk menerapkan amalan yang lebih berdaya tahan, dan membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam pembiayaan aktiviti adaptasi. Hal ini penting dalam menggalakkan aliran modal swasta ke arah kemajuan adaptasi. Laporan ini mengenal pasti enam keutamaan dasar penting bagi memastikan ekosistem yang memudahkan pengurusan banjir yang berkesan di Malaysia (Gambar Rajah 4).

Gambar rajah 10: Saranan Utama untuk Ekosistem yang Kondusif untuk Pengurusan Banjir yang Berkesan

Merapatkan jurang data penting yang diterajui oleh kerajaan untuk pengukuran tepat mengenai bahaya dan dedahan terhadap banjir

- Perkongsian sektor swasta dan awam membolehkan aktiviti perkongsian kos dan penjanaan pendapatan (contohnya, khidmat nasihat).
- Rangka kerja boleh memupuk keyakinan orang ramai, mengurangkan kemungkinan liabiliti undang-undang dan memastikan ketepatan maklumat.

Mewujudkan ketelusan dan kejelasan mengenai langkah-langkah pengurusan risiko awam untuk memudahkan pihak swasta membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi

- Ketelusan melalui undang-undang perubahan iklim negara atau rancangan adaptasi boleh menggalakkan:
  - Keputusan adaptasi iklim yang lebih baik oleh perniagaan dan isi rumah.
  - Pengurusan risiko, pemberian pinjaman dan pelaburan yang menyokong daya tahan iklim berdasarkan penilaian risiko banjir yang lebih tepat oleh institusi kewangan.
  - Kerjasama pihak awam-swasta untuk memindahkan dan berkongsi risiko.



Mewujudkan persekitaran pengawalseliaan berhemat yang membolehkan pengurusan risiko iklim yang mencukupi dan penggemblengan modal swasta

- Alat dasar yang tersedia termasuk taksonomi, piawaian pengurusan risiko, dasar kehematan dan dasar monetari.
- Alat dasar yang dipilih harus mengambil kira kebolehlaksanaan operasi dan meminimumkan akibat yang tidak diingini.

Menyokong pembiayaan ex-ante dan ex-post untuk pengurusan risiko banjir dengan tumpuan yang lebih besar pada PKS

- Ekosistem yang berkesan termasuk:
  - Pemantauan dan penilaian yang kukuh bagi memastikan keberkesanan dasar.
  - Pembiayaan gabungan yang inovatif (contohnya mekanisme pembiayaan konsesi dan perkongsian risiko).
  - Memanfaatkan peranan institusi kewangan pembangunan sebagai pemangkin untuk menyokong pembiayaan jangka lebih panjang dan projek yang lebih berisiko.

Menangani cabaran mengenai kepelbagaian risiko dan menyokong pelanggan berisiko tinggi

- Pilihan yang tersedia termasuk premium insurans bersubsidi, skim insurans yang dimandatkan, peruntukan insurans untuk orang ramai.
- Keputusan dasar perlu mengambil kira kesan penggagihan skim yang berbeza, pengembangan perlindungan.

Melaksanakan bantuan khusus untuk perniagaan dan institusi kewangan

- Membangunkan keupayaan pengurusan risiko dan perancangan kesinambungan perniagaan yang memberikan tumpuan pada pencegahan.
- Meningkatkan kesedaran untuk meminimumkan bahaya moral dan pengambilan risiko yang berlebihan.
- Menyasarkan kawasan-kawasan yang mempunyai kekerapan banjir yang semakin meningkat dan segmen mudah terjejas seperti PKS.

Sumber: World Bank and Bank Negara Malaysia, Managing Flood Risk: Leveraging Finance for Business Resilience in Malaysia

Langkah Selanjutnya

Kajian ini merupakan percubaan pertama BNM untuk menilai kesan kestabilan makroekonomi dan kewangan akibat kejadian banjir. BNM akan terus memperhalus metodologi dan penilaian terhadap dedahan sektor kewangan dan ekonomi kepada risiko banjir. Hal ini juga memerlukan usaha bersama dengan industri untuk menangani cabaran utama yang ditimbulkan oleh Laporan, seperti data, kapasiti, produk dan penyelesaian.

Rujukan

EM-DAT (2008). EM-DAT: *The International Disaster Database* (boleh didapati melalui: https://www.emdat.be)

Penilaian Kesan Banjir pada bulan Disember 2021 Terhadap Sektor Insurans dan Takaful (2021). Bank Negara Malaysia (boleh didapati menerusi: https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6459002/fsr21h2_bm_wb2.pdf)

Tambahan

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	ST2 2021	ST1 2022	ST2 2022	ST1 2023	ST2 2023*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	19.2	18.4	19.0	18.8	18.5
Nisbah Modal Kumpulan 1	16.0	15.2	15.8	15.7	15.5
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	15.5	14.7	15.2	15.1	14.9
Pulangan atas Aset[1]	1.1	1.3	1.4	1.3	1.2
Pulangan atas Ekuiti[1]	9.5	11.8	12.3	11.6	11.2
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	153.3	148.2	151.5	154.7	160.9
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih[2]	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1
Caj Modal atas Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	0.8	0.9	0.8	0.9	0.9
Kedudukan Terbuka Bersih FX kepada Modal Asas	3.8	4.1	3.4	3.7	3.9
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	1.3	1.3	1.2	1.2	1.4
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	221.0	224.4	225.5	226.4	222.2
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)[3]	2.2	-2.8	5.5	6.0	3.1
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	10.5	12.3	10.8	12.6	11.5
Nisbah Kecukupan Modal	210.7	217.3	216.4	217.5	211.2
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Operasi (RM bilion)	1.3	1.0	2.1	1.3	1.9
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	0.7	0.4	1.2	0.2	0.8
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	10.8	12.1	12.1	13.3	13.2
Nisbah Tuntutan	56.5	63.8	52.0	60.7	56.7
Nisbah Kecukupan Modal	256.6	246.2	249.5	250.0	253.0
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)	1,376.4	1,409.1	1,451.4	1,481.8	1,534.1
Aset Kewangan IR (RM bilion)	2,971.3	2,901.9	3,002.0	3,038.7	3,175.7
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	88.9	84.4	81.0	82.0	84.2
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	215.9	205.9	206.8	205.1	207.0
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	144.0	137.5	135.4	133.3	132.3
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bank)[2]	1.1	1.3	1.2	1.3	1.2
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bukan Bank)[4]	1.0	1.1	1.1	1.3	1.2
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	2.5	2.8	2.6	2.4	2.1
Pulangan atas Ekuiti	4.2	4.7	4.6	3.6	3.7
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	22.9	22.2	22.6	20.7	19.7
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	7.3	8.2	7.1	5.6	5.7
Margin Operasi	7.4	7.7	7.0	6.2	7.0
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan[2]	2.8	3.0	2.8	2.8	2.7
Institusi Kewangan Pembangunan[5]					
Pemberian Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	3.6	3.0	1.3	2.4	5.9
Deposit Digembleng (% perubahan)	1.4	2.3	3.9	1.8	-0.1
Nisbah Pinjaman Terjejas	4.8	5.4	5.5	5.9	5.6
Pulangan atas Aset	1.1	1.0	1.1	1.2	1.3

1 Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti dan diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik.
2 Berdasarkan pinjaman Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).
3 Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
4 Berdasarkan pinjaman tertunggak 3 bulan atau lebih.
5 Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir				
	ST2 2021	ST1 2022	ST2 2022	ST1 2023	ST2 2023*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah Aset[1]	1,191,622.4	1,236,239.2	1,316,121.5	1,343,223.8	1,398,150.3
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1]	35.5	35.5	36.3	36.2	36.6
Jumlah Pembiayaan[1]	879,159.0	915,901.3	974,383.5	993,226.8	1,049,707.5
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan[1]	42.3	43.0	44.5	44.7	45.6
Jumlah Deposit dan Akaun Pelaburan[1]	968,918.4	1,001,104.9	1,058,671.8	1,075,999.2	1,121,984.0
Jumlah Deposit[1]	844,293.4	865,763.1	926,471.6	933,153.2	968,569.3
Jumlah Akaun Pelaburan[1]	124,625.0	135,341.8	132,200.2	142,845.9	153,414.7
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan[1]	39.8	40.2	41.6	41.6	42.0
	%				
Nisbah Jumlah Modal	19.2	18.3	18.9	18.2	18.0
Nisbah Modal Kumpulan 1	15.5	14.5	15.5	14.8	14.8
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	15.0	14.0	14.8	14.1	14.0
Pulangan atas Aset	1.1	1.2	1.3	1.0	1.0
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	0.9	1.0	1.0	1.1	1.1
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	45,803.0	46,780.0	49,864.4	52,461.9	55,639.8
Keluarga	40,258.9	41,182.8	43,645.1	45,969.0	48,477.3
Am	5,544.1	5,597.2	6,219.4	6,492.9	7,162.5
% daripada industri insurans dan takaful	12.6	13.2	13.4	13.7	14.0
Pendapatan Sumbangan Bersih	6,614.6	8,588.5	7,715.3	8,973.5	8,310.5
Keluarga	5,093.2	6,886.3	5,853.9	7,053.3	6,218.9
Am	1,521.5	1,702.1	1,861.4	1,920.2	2,091.6
% daripada industri insurans dan takaful	19.4	24.3	21.6	24.7	22.1
Takaful Keluarga					
Sumbangan Perniagaan Baharu	3,817.5	5,439.9	4,618.9	5,225.6	4,364.7
Takaful Am					
Sumbangan Langsung Kasar	1,966.4	2,229.5	2,407.2	2,679.0	2,764.4
Nisbah Tuntutan (%)	50.7	60.0	61.0	64.3	62.2

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia